

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid IV

Bil.5

Hari Selasa

31 Mac 1998

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

USUL:

**Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong.**

*- Y.B. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun)* (Ruangan)

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat**

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)



Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.  
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.  
(Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang  
Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.  
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir  
Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K.,  
K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.

Pemangku Ketua  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Puan Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Puan Ruhana binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 31 Mac 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PELAN TINDAKAN JEREBU SERANTAU - PELAKSANAAN**

1. **Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah Pelan Tindakan Jerebu Serantau yang dibentuk oleh negara-negara ASEAN di Singapura akhir tahun lalu dapat dilaksanakan dengan berkesan untuk mengatasi masalah kebakaran hutan yang masih berlaku di Kalimantan Timur dan Sumatera dan bagaimanakah komitmen Kerajaan Indonesia mengenai pelaksanaan Pelan Tindakan Jerebu Serantau tersebut.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng**

**Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Jerebu Serantau yang dibentuk oleh negara-negara ASEAN di Singapura dan diperkemaskan lagi semasa Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN di Kuching, Sarawak pada 25 Februari 1998, jika dapat dilaksanakan sepenuhnya, boleh mengatasi masalah kebakaran hutan seperti

yang berlaku di Kalimantan dan Sumatera. Pelan ini merangkumi tiga komponen utama iaitu:

- (i) langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh setiap negara anggota ASEAN supaya kebakaran tidak berlaku ataupun dikawal pada peringkat awal;
- (ii) pengawasan, dengan izin, 'monitoring' dan amaran awal kepada semua anggota negara ASEAN akan 'hot spots' yang dikesan melalui satelit;
- (iii) langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperkukuhkan keupayaan melawan kebakaran.

Satu persetujuan juga telah dicapai semasa mesyuarat di Kuching baru-baru ini supaya Indonesia menyelaraskan satu ujian pemakaian pelan tersebut supaya keberkesanannya dapat dipertingkatkan.

**Dato' Salamon bin Selamat :** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Jika kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan Utara masih berlarutan tanpa kawalan, sejauh manakah keadaan ini akan menimbulkan masalah jerebu di Malaysia semasa kita menganjurkan Sukan Komanwel pada bulan September akan datang dan apakah tindakan awal kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia juga mengambil segala usaha dan tindakan yang boleh dirancangkan untuk menjaga



atau mengeratkan dan ini berlaku semasa mengadakan Sukan Komanwel (Sukom) di Malaysia ini. Satu pelan kontigensi pun telah diminta daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk menyediakan jikalau berlaku jerebu ini. Walau bagaimanapun, sebelum ini berlaku, kerajaan telah mengambil banyak tindakan, umpamanya dari segi kebangsaan, Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan telah mengadakan sebanyak 4 mesyuarat sejak bulan November dan akhir sekali iaitu semalam dan ini akan diteruskan.

Jawatankuasa ini terdiri dari banyak agensi, hampir 20 agensi terlibat dan melalui Jawatankuasa ini, setiap agensi tempatan diminta menyediakan pelan-pelan mereka dan ditugaskan dengan fungsi-fungsi yang tertentu dan melaporkan balik kepada mesyuarat berikutnya mengenai kemajuan atau tambahan tindakan yang perlu disediakan. Dan juga satu arahan telah dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan Negara (BKN), menyeru semua daerah menubuhkan satu jawatankuasa menangani masalah kebakaran setempat dan juga jerebu jikalau berlaku, harap dengan itu akan melibatkan penduduk-penduduk dan juga jentera-jentera di semua daerah, juga ladang-ladang dalam negara ini pun diberi arahan, janganlah melakukan pembakaran terbuka.

Semalam pada mesyuarat dengan pemunya-pemunya ladang-ladang yang di Indonesia itu di pejabat saya, merundingkan bagaimana langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan berlakunya kebakaran yang mengakibatkan jerebu akan melanda negara ini. Dan dari segi serantau, kementerian saya adalah

mengambil inisiatif sejak November iaitu selepas jerebu 1997, yang baru selesai telah mula bekerja dan tindakan-tindakan diambil seperti berikut, dari segi asuhan iaitu haze technical task force telah mula bermesyuarat sebanyak 6 kali hingga sekarang iaitu November di Kuala Lumpur; Disember di Singapura; Januari di Jakarta; Februari di Kuching dan satu lagi akan diadakan di Brunei pada 3 April. Dari peringkat menteri pun, sebanyak 2 kali mesyuarat telah diadakan. Yang pertamanya di Singapura pada 23 Disember dan keduanya di Kuching iaitu 25 Februari dan satu lagi mesyuarat di peringkat menteri akan diadakan di Brunei pada 4 haribulan ini, lain-lain tindakan telah pun diambil termasuk meningkatkan keupayaan menangani kebakaran hutan dan jagaan yang perlu diambil.

**Tuan Lim Kit Siang:** Memandangkan bahawa ada lebih 1,000 kebakaran hutan di Kalimantan dan tidak ada usaha-usaha yang berkesan untuk memadamkan kebakaran ini, bukankah kemungkinan sangat besar bahawa akan berulang lagi malapetaka jerebu. Apakah contingency plan pihak penganjur Sukom boleh diadakan apabila ada berlaku jerebu? Adakah cara untuk satu koridor udara bersih dekat Sukom? Apa teknik itu, apakah cara contingency plan? Apabila di Miri semalam, 633 API di mana tidak ada darurat diisytiharkan? Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan kenapa tidak ada darurat diisytiharkan apabila 500 mata untuk API ialah tahap itu, di Miri pun tidak boleh mencegah satu keadaan jerebu yang begitu serius, apa

contingency plan boleh diadakan supaya apabila dilanda jerebu, malapetaka, pihak penganjur Sukom boleh teruskan semua kegiatan-kegiatannya? Dan apa hasil Yang Berhormat atau kementerian berkenaan dapati daripada pihak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak apabila beliau pergi luar negeri masa September .....

**Beberapa Ahli:** [ *Menyampuk* ]

**Tuan Lim Kit Siang:**...dia kata, dia ada dapat 'kepakaran khas' untuk mengatasi jerebu. Adakah apa-apa hasil dapat daripada itu?

**Beberapa Ahli:** [ *Tepuk* ]

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, ini tiada kaitan dengan Ketua Menteri Sarawak. Diharap perkara ini masih dalam peringkat setempat. Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar, kalau dikatakan kementerian atau kerajaan tidak mengambil tindakan. Seperti kita semua mengetahui, sejak bulan November, seperti yang saya cadangkan sebentar tadi, oleh sebab pilihanraya di Indonesia itu dan pertukaran menterinya, kita tidak dapat menghubungi atau counterpart di Indonesia. Begitu juga kita tidak boleh menggerakkan MoU yang telah ditandatangani oleh kedua-dua kerajaan ini ke atas sebab yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, API di Miri, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya semalam pada pukul 3.00 iaitu tercatat tertinggi sekali iaitu 649. Jawatankuasa di peringkat bahagian telah mengambil tindakan untuk

menutup semua sekolah sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu nanti. Dan ini akan diteruskan, ini ada disebutkan banyak tadi, tiupan angin, bukan sahaja dari setempat dan juga mungkin dari kebakaran di Kalimantan Timur. Usaha-usaha ini masih diteruskan dan ini telah melibatkan semua agensi. Mereka telah dengan sedaya upayanya mengambil segala tindakan untuk menangani perkara ini dan usaha ini akan diteruskan. Dan usaha ini telah melibatkan kerajaan pusat, kerajaan negeri dan peringkat bahagian, juga peringkat tempat, Ketua Menteri sendiri pun terlibat usahanya menangani masalah ini dan beliau akan membuat lawatan ke Miri pada masa akan datang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa perisytiharan darurat tidak diisytiharkan?

**Datuk Law Hieng Ding:** Ya, terima kasih Yang Berhormat, berkenaan perkara ini, kerajaan telah menimbangkan seperti kita katakan ini adalah melibatkan satu, dua bahagian sahaja dan di tempat itu kita hanya menyeru rakyat yang terlibat memberi arahan kepada mereka apa yang patut mereka buat. Oleh kerana kalau darurat ini dibuat, akan menjejaskan imej negara kita. Sepatutnya tempat-tempat yang lain yang tidak terlibat, tidak perlu satu perisytiharan darurat diisytiharkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo.

*[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat  
Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

*[Soalan No. 3 - Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu] tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat  
Datuk Nurnikman bin Abdullah.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort] tidak hadir]*

**PROJEK MONOREL DAN LALU LINTAS  
YANG TERGENDALA - KESAN TERHADAP  
PENDUDUK BANDAR RAYA**

5. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) memandangkan projek monorel (PRT) di Bandaraya Kuala Lumpur telah tergendala akibat masalah kewangan pihak kontraktor, apakah impak lambat siapnya monorel ini ke atas Sukom dan penduduk bandaraya; dan
- (b) apakah jumlah projek lalu lintas yang telah dilaksanakan tetapi telah tergendala akibat masalah ekonomi negara kini dan dari segi beban kewangan apakah jumlahnya kerugian bagi setiap satu projek lalu lintas yang tergendala tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim**

**bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem LRT, STAR fasa II yang menghubungkan pusat bandar Kuala Lumpur dengan Bukit Jalil akan siap sebelum Sukan Komanwel. Begitu juga infrastruktur rangkaian jalan raya yang telah dirancang akan siap mengikut jadual.

Sistem LRT, STAR dan PUTRA akan siap keseluruhannya menjelang tahun 1999. Rangkaian sistem LRT ini dapat memberikan perkhidmatan pengangkutan awam yang agak meluas untuk penduduk Bandaraya Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, walaupun Projek Sistem Monorel ini tidak dapat disiapkan sebelum Sukan Komanwel, ianya tidak akan memberi impak yang besar kepada Kuala Lumpur '98.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh RMK-7 sejumlah 15 projek lalu lintas telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM880 juta bagi sekitar Kuala Lumpur. Projek-projek ini dilaksanakan oleh DBKL dan JKR. Sejumlah sebelas projek jalan raya telah dilaksanakan dan kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Selaras dengan dasar kerajaan untuk mengawal perbelanjaan awam dan pemotongan peruntukan bagi tahun 1998, pelaksanaan projek dan jalan raya telah dijadualkan semula dan tarikh siap projek-projek dijangka terlewat daripada tempoh asal. Projek-projek lalu lintas kerajaan yang belum bermula akan ditangguh pelaksanaannya dan tidak akan mengalami kerugian akibat masalah ekonomi masa kini.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapakah semua pembangunan ini berkriteriakan Sukom, adakah juga kita mempunyai pemikiran bahawa pembangunan ini bukan untuk Sukom sahaja bahkan untuk kita semua.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul, sebab Sukom itu syarikat, jadi, memang kita buat pembangunan ini bukan untuk Syarikat Sukom itu sahaja, tetapi kita membuat pembangunan ini untuk Kuala Lumpur '98, untuk Sukan Komanwel '98. Jadi, ada projek-projek yang dapat kita siapkan sebelum Kuala Lumpur '98 dan kita akan siapkan sebelum

Kuala Lumpur '98 tetapi secara keseluruhannya ada projek yang disiapkan selepas Kuala Lumpur '98 maka kita akan siapkan selepas Kuala Lumpur '98. Jadi, yang mana kita anggap sangat mustahak bagi Kuala Lumpur '98, itu yang kita percepatkan, itu yang jadi priority, kita mem'priority'kan projek-projek ini. Jadi, yang lain itu kita kemudiakan sekejap dan selepas itu kita mulakan balik.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan projek PRT di Kuala Lumpur, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak berwajib untuk memastikan halangan kepada jalan raya dapat diatasi.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, projek PRT Kuala Lumpur ini masih lagi dalam perbincangan dengan kerajaan dan tindakan kerajaan akan mengumumkan sedikit masa lagi tetapi projek PRT ini ialah projek yang di dalam Tiga Segi Emas Kuala Lumpur (Golden Triangle Kuala Lumpur) dan kita telah menyatakan apabila bulan Jun dan Julai ini DBKL akan membetulkan balik jalan raya iaitu jalan yang sekarang ini hanya boleh digunakan satu lorong akan dijadikan tiga lorong kembali dan semua langkah ini akan kita mulakan pada bulan Jun tahun ini untuk membetulkan keadaan yang ada sekarang di mana jalan-jalan menjadi sempit dan tempat-tempat pembangunan yang masih ditinggalkan dan kita akan mula pada bulan Jun ini.



### PEMECATAN PARA PEKERJA - JUMLAH

6. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah pekerja yang dipecat di setiap negeri atau industri sejak Mei 1997 dan jumlah pemecatan yang dijangkakan pada tahun ini serta cara pengawasan kerajaan untuk mengelakkan pemecatan beramai-ramai.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja yang diberhentikan sejak Mei 1997 hingga 14 Mac 1998 adalah seramai 29,188 orang dan kalau dikehendakkan angka:

Terengganu	-	987
Johor	-	4,894
Kedah/Perlis	-	2,989
Kelantan	-	551
Melaka	-	1,008
Negeri Sembilan	-	702
Pahang	-	1,063
Pulau Pinang	-	7,375
Perak	-	2,168
Selangor	-	5,052
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	3,050

Setakat ini Kementerian Sumber Manusia tidak dapat membuat jangkaan mengenai jumlah sebenar pekerja yang akan diberhentikan pada tahun ini. Ini kerana pemberhentian pekerja berlaku sepanjang masa atas pelbagai sebab, cuma ianya lebih dirasai dalam keadaan kegawatan ekonomi masa kini.

Sungguhpun demikian, kerajaan sedang mengawasi rapi perkembangan mengenai pemberhentian pekerja dengan mewajibkan secara undang-undang majikan-majikan yang merancang untuk memberhentikan pekerja supaya melaporkan kepada Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia sekurang-kurangnya sebulan sebelum rancangan tersebut dilaksanakan.

Kementerian Sumber Manusia juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama Pemberhentian Pekerja untuk mengawasi keadaan pemberhentian pekerja. Peranan yang dimainkan oleh jawatankuasa ini termasuklah:

- (i) berfungsi sebagai satu forum perundingan tiga pihak (tripartite consultative forum) iaitu kerajaan, majikan dan juga kesatuan-kesatuan sekerja mengenai pemberhentian pekerja;
- (ii) bertanggungjawab kepada Kementerian Sumber Manusia bagi tujuan menyalurkan maklumat pemberhentian pekerja dan mengemukakan syor-syor mengenai cara-cara menangani masalah atau isu pemberhentian pekerja;
- (iii) bertukar dan berkongsi maklumat dan pendapat di antara tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan juga kesatuan sekerja mengawasi supaya maklumat untuk pengetahuan orang ramai adalah betul dan membawa perkhabaran yang

positif dan bermanfaat kepada masyarakat dan negara dan mencari kata sepakat ke arah pencapaian persefahaman, kerjasama dan kompromi dalam menangani isu-isu pemberhentian pekerja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut semua forecast economist bahawa di tahun depan kesan krisis ekonomi akan lebih teruk atas real economy oleh kerana perlu satu masa untuk kesan-kesan economic crisis itu dijalani dalam semua aspek ekonomi ini. Adakah kementerian berkenaan menganggap bahawa di tahun depan masalah ini akan lebih teruk ialah mengenai buang kerja, kehilangan kerja (unemployment) dan kenapa kerajaan atau kementerian berkenaan tidak ada membuat satu anggaran apa worsening scenario tahun ini dan di tahun depan, adakah satu anggaran, worsening scenario dan kalau ada, apa angka-angka keseluruhannya?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini pun pressure yang terdapat pada kerajaan adalah pressure untuk membenarkan mereka mengambil pekerja-pekerja asing lagi, bermakna sektor industri, sektor pelancongan, sektor perladangan masih memerlukan berpuluh-puluh ribu pekerja dan mereka membuktikan bahawa mereka telah mengiklan berkali-kali, mereka telah menjalankan pelbagai cara yang lain untuk mendapat pekerja tetapi tidak dapat.

Jadi, sehingga hari ini kita masih mendapat tekanan kurang pekerja dan di samping itu, Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa kita mempunyai lebih daripada dua juta pekerja-pekerja asing di negara kita, mereka ini sudah tentulah boleh dihantar pulang, kalau rakyat kita memerlukan pekerja. Jadi, dari situ kita boleh menjangkakan apakah worse case scenario.

Kita dapati juga bahawa kebanyakan pengusaha kita atau perniagaan dan perusahaan kita menghadapi masalah, sebabnya adalah kerana masalah liquidity dengan bank. Jadi, saya rasa kalau soal liquidity dengan bank ini dapat diatasi, insya-Allah, kita tidak akan menghadapi masalah yang berpanjangan. Dan saya banyak berita yang menyatakan bahawa soal liquidity ini sedang diatasi dengan cara yang cukup berkesan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan Pemberhentian Pekerja untuk mengawasi pemecatan pekerja, tetapi memandangkan pekerja-pekerja yang diberhentikan juga satu jumlah yang besar, jadi saya ingin tahu sama ada Jabatan Tenaga Rakyat ada memainkan peranannya untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang diberhentikan. Di samping itu, sektor apakah yang banyak sekali terlibat dengan pemecatan pekerja dan adakah kementerian menentukan ataupun mengenalpastikan majikan-majikan yang

menggunakan ataupun menjadikan masalah ekonomi sebagai alasan untuk memberhentikan pekerja, kalau ada apakah tindakan terhadap mereka?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sektor yang paling banyak memberhentikan pekerja adalah sektor pembuatan, sektor industri iaitu 11,000 dan keduanya adalah sektor pembinaan sebanyak 2,200 dan hampir semua pekerja yang diberhentikan itu telah pun mendapat pekerja ganti. Alhamdulillah, peranan kerajaan untuk mendapatkan kerja ganti bagi pekerja yang kena berhenti ini adalah terlalu minimum kerana beberapa bulan sebelum sesuatu syarikat itu hendak memberhentikan pekerja mereka, news ini tersebar dan ada syarikat-syarikat yang begitu tertekan kerana menghendaki pekerja telah pun membuat hubungan secara direct dengan pekerja-pekerja yang diberhentikan dan mereka semua telah mendapat kerja semula.

Cuma dalam masa empat, lima bulan ini, kita yakin bahawa kita akan menghadapi sedikit masalah bagi mencari pekerja kepada golongan pertengahan iaitu disebabkan baru-baru ini kita telah mendapat keputusan STPM, SPM dan sebagainya maka orang-orang ini banyak, mungkin akan mencari pekerjaan dan ini sudah tentulah akan mengambil masa sedikit. Jadi, kita merayu kepada semua rakyat kita yang sedang mencari pekerjaan kalau mereka sanggup tidak memilih kerja dalam jangka masa pendek, insya-Allah, soal pengangguran tidak akan berlaku.

**PINJAMAN PERUMAHAN PERSENDIRIAN -  
KELONGGARAN BANK**

7. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan dapat mempertimbang untuk melonggarkan batasan terhadap pinjaman-pinjaman bank kepada pembeli-pembeli rumah yang membeli buat kali pertama untuk tujuan kediaman mereka sendiri demi untuk menggalak pemilikan rumah sendiri dan menggalakkan pembangunan perumahan bagi menjana peluang-peluang pekerjaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kegawatan ekonomi negara telah memberi kesan mendalam kepada seluruh rakyat Malaysia, ini termasuklah mereka yang hendak mendapatkan pinjaman bank untuk membeli rumah pertama bagi tujuan kediaman. Sehingga kini Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan kepada institusi perbankan supaya pinjaman titian dan pembiayaan akhir bagi tujuan pembinaan dan pembelian rumah dan pangsapuri yang berharga RM150,000 dan ke bawah dikecualikan daripada had 20% yang dikenakan ke atas pinjaman sektor harta benda.

Oleh itu, pinjaman bagi tujuan pembelian rumah berharga RM150,000 ke bawah dan juga pembelian rumah kediaman yang didiami oleh pembeli sendiri adalah dikecualikan daripada margin pembiayaan sebanyak 60%. Dengan cara ini, kerajaan berpendapat bahawa masalah untuk mendapatkan pinjaman perumahan untuk rumah berharga RM150,000 ke bawah tidak timbul.

Walau bagaimanapun, kelulusan pinjaman bergantung kepada penilaian kredit dan kapasiti institusi perbankan itu sendiri.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebelakangan ini terlalu banyak arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai pemberian pinjaman. Saya ingin tahu apakah arahan terakhir Bank Negara Malaysia mengenai pemberian pinjaman kepada sektor harta benda.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, arahan yang terakhir telah diberikan oleh Bank Negara Malaysia pada Disember 1997 kepada institusi perbankan mengenai perkara ini. Yang pertamanya, tiada kemudahan kredit diberikan kepada projek-projek harta benda yang pembinaannya belum dimulakan lagi.

Yang keduanya, projek harta benda yang pembinaannya telah bermula, institusi perbankan perlu menilai semula projek-projek tersebut supaya ia berdaya maju dalam keadaan ekonomi yang telah berubah. Selain daripada projek-projek pembinaan dan pembelian harta benda kediaman yang berharga RM150,000 dan ke bawah seharusnya ditunda. Bagi projek-projek yang tidak berdaya maju dalam kegawatan ekonomi sekarang, projek tersebut hendaklah dikaji semula dan kalau boleh dipostpone projek itu.

Institusi perbankan boleh terus memberi kredit kepada pembinaan dan penambahan kilang dan bangunan untuk industri yang diperlukan bagi menambahkan produktiviti untuk kegiatan eksport. Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhir-akhir ini Bank Negara telah memberi arahan ataupun seruan kepada beberapa buah bank untuk bergabung dan sudah tentu proses penggabungan ini mempunyai implikasi yang banyak kepada operasi bank during the transitional economic period, dengan izin.

Jadi, adakah ini akan mendatangkan kesan kepada kegiatan bank dan juga pemberian pinjaman oleh bank-bank yang terlibat?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, penggabungan bank telah pun dijawab kelmarin dan soalan ini merupakan soalan pinjaman perumahan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini agak terkeluar ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada ramai orang yang telah memohon pinjaman wang untuk membeli rumah akan tetapi walaupun ada arahan-arahan tertentu dari Bank Negara, tetapi ramai orang yang tidak dapat pinjaman. Jadi, adakah kerajaan akan menyediakan satu skim atau Bank Negara sendiri memberi pertolongan atau memberi pinjaman direct kerana bank-bank komersial, walaupun kerajaan dari bulan Julai telah mengatakan semua pinjaman diberikan seperti biasa tetapi ini tidak benar kerana aduan demi aduan telah dibuat.



Adakah perkara ini betul atau adakah kerajaan ingin atau telah mengambil tindakan dalam hal ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah pun menasihatkan pihak bank jika sekiranya permohonan itu di bawah RM150,000 boleh dikeluarkan, tetapi kerajaan juga telah pun menyatakan bahawa oleh kerana institusi perbankan ataupun institusi kewangan ini merupakan benteng kita yang terakhir untuk kita memajukan ekonomi kita, jadi, kita mengatakan bahawa ini bergantung kepada penilaian kredit dan juga kapasiti institusi perbankan itu sendiri, kecairannya dan sebagainya.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah pun menyatakan dalam pinjaman apa pun, kita berharap ahli-ahli politik tidak memberi pressure kepada pihak bank untuk political mileage tetapi kita hendakkan untuk kepentingan negara. Terima kasih.

#### **SISTEM PENDIDIKAN DAN PEPERIKSAAN - KAJIAN SEMULA**

8. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengkaji semula sistem pendidikan dan sistem peperiksaan yang lebih fleksibel pada masa akan datang. Apakah perkara utama yang akan termasuk di dalam kajian semula tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Pendidikan Negara sentiasa dikaji dan

dinilai dari masa ke semasa sama ada kekuatan dalamannya ataupun luarannya melalui kajian perbandingan dengan sistem-sistem di negara lain.

Dalam sistem sekarang, memang telah terdapat unsur-unsur fleksibiliti, misalnya pelaksanaan melangkaui kelas pelajar-pelajar tahun tiga ke tahun lima. Pada masa ini Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kemungkinan menyediakan sistem peperiksaan SPM lebih awal bagi mata pelajaran yang mereka telah bersedia, tanpa menunggu hingga ke akhir tahun tingkatan 5. Sistem peperiksaan yang fleksibel juga bertujuan melahirkan pelajar-pelajar yang lebih berketrampilan, kreatif dan kritis dan bukan hanya bergantung kepada penghafalan tentang sesuatu perkara sahaja.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih mempunyai pendapat yang sistem pendidikan kita mempunyai dua keadaan iaitu syllabus memberi penekanan iaitu kita mempunyai murid-murid ataupun pelajar yang all round ilmunya, moralnya, pendidikan akademik dan sosialnya, tetapi penekanan pendidikan dan pelajaran di sekolah adalah menekan kepada segi akademik semata-mata dan mentarafkan iaitu pendidikan lain seumpamanya luar sekolah ataupun kokurikulum adalah sebagai benda yang kedua.

Jadi, adakah kementerian akan melihat semula soalan syllabus ini dilaksanakan sepenuhnya di peringkat sekolah supaya pendidikan bukanlah

daripada segi akademik sahaja tetapi mewujudkan murid yang menjadi manusia yang lebih all round.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tinjau dari segi falsafah pendidikan negara itu sendiri, kita telah menyatakan dengan jelas tentang jenis pelajar dan manusia yang hendak kita lahirkan daripada sistem pendidikan kita itu di mana kita mengatakan bahawa kita hendak melahirkan insan-insan yang seimbang, harmonis baik dari segi intelegnya ataupun akademiknya dan juga unsur-unsur dan nilai-nilai yang lain.

Oleh kerana itu, dalam masa kita memperkatakan soal pencapaian dan kecemerlangan di bidang akademik, kita juga sentiasa memberikan penekanan kepada kegiatan kokurikulum dan sebagai contoh pada peringkat pelajar hendak sampai menjejak kaki ataupun mendapat tempat ke institusi-institusi pendidikan tinggi, kita memberikan markah kepada pencapaian pelajar-pelajar tersebut.

Begitu juga kita sentiasa memberikan penekanan kepada soal-soal nilai, soal-soal moral dalam ketika kita memperkatakan soal pencapaian dan kecemerlangan di bidang akademik dan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa kita berpendapat sistem yang ada sekarang ini memberikan penekanan kepada perkara-perkara yang ada hubung kait dengan hidup dan kehidupan masa depan pelajar-pelajar itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sukalah mendengar jawapan dari Yang Berhormat tadi supaya murid-murid dan pelajar-pelajar Malaysia ini akan dijadikan insan-insan yang seimbang, itu memang baik dan ada mata pelajaran seperti Kemahiran Hidup itu memang baik.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sambil saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan juga segumpal tahniah kepada pelajar-pelajar yang lulus dengan cemerlang pada SPM dan STPM itu, saya hendak menanya Yang Berhormat, bagaimana keputusan seumpama SPM dan STPM yang disebutkan paling cemerlanglah di dalam sejarah dapat membayangkan keadaan kualiti dan insan-insan yang lebih sempurna yang wujud di sekolah dan institusi pengajian tinggi negara ini, bagaimana ia dapat membayangkan bukannya ada setengah-setengah itu kerana ada tuition dan sebagainya dan kerana ada setengah-setengah guru yang bukan kerana hendak memberi ajaran pengetahuan yang benar-benar, bahkan mereka hanya melatih untuk lulus peperiksaan sahaja.

**Seorang Ahli:** Kepong merapu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana merapu pula, ini kualiti ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan berucap.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jangan merapulah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bukan merapu. Baik, itu Parit yang Sulong sekarang dia senyap jadi Pengerusi MARA - tahniah! Dia senyap!

*[Ketawa][Tepuk]*

Ha, sudah diberi pengerusi sahaja, dia senyaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cukuplah! *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kalau keputusan SPM yang baru diumumkan itu boleh dijadikan satu yard stick ataupun kayu pengukur, di mana kita melihat dari segi pencapaian yang mendapat 10A1 dan lain-lain dan cuma lebih kurang empat ratus lebih sahaja yang tidak lulus, jadi, semuanya ini kita berpendapat adalah hasil daripada tumpuan dan penekanan yang kita berikan kepada soal-soal termasuk dari segi kualiti yang sentiasa menjadi guiding force kita, pendorong kita.

Dan kita juga dapat melihat soal sama ada pelajar-pelajar itu berikhtiar untuk mendapatkan melalui cara-cara tuition tersendiri, itu soal mereka. Tetapi yang lebih penting keputusan itu jelas menunjukkan bahawa apa yang diurustadbirkan melalui Kementerian Pendidikan sekarang ini telah menunjukkan dan mempamerkan hasil-hasil yang memberangsangkan, bukan sahaja kepada kita tetapi masa depan anaka-anak kita.

**PINJAMAN LUAR NEGARA -  
JAMINAN KERAJAAN**

9. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia kepada pihak swasta yang meminjam wang daripada luar negara; dan
- (b) berapa banyakkah jumlah hutang luar negara yang dipinjam oleh pihak swasta termasuk Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad yang dijamin oleh kerajaan.

**Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-

Pertua,

- (a) Di bawah Peraturan Kawalan Wang Semasa, kebenaran diberikan kepada pihak swasta untuk meminjam wang daripada luar negara bagi memperolehi kemudahan kredit luar negeri dalam mata wang asing adalah seperti berikut:-
  - (i) pinjaman tersebut adalah bagi membiayai tujuan-tujuan produktif yang akan menghasilkan pendapatan dalam mata wang asing atau yang dapat mengurangkan pengaliran keluar mata wang asing di masa hadapan atau pelaburan luar negeri yang diluluskan. Projek infrastruktur yang tidak dapat dibiayai

sepenuhnya dengan sumber pembiayaan tempatan;

- (ii) dana pinjaman yang digunakan bukan bagi tujuan sektor pembangunan dan hartanah dan kegunaan tempatan;
- (iii) jenis pinjaman adalah bersesuaian dengan tujuan pinjaman yang diperolehi.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini menjelaskan oleh kerana kawalan pengawasan ketat inilah yang menyebabkan, dengan izin, exposure hutang swasta di luar negara itu agak jauh lebih terkawal di Malaysia dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lainnya dan ini juga menyebabkan di antara sebab mengapa kita dapat pertahankan kekukuhan ekonomi kita tatkala negara-negara jiran dilanda kerana akibat dari kelemahan sistem kewangan akibat exposure yang besar.

- (b) Sehingga 31 Disember 1997, jumlah hutang luar negara ialah RM166.2 bilion. Jumlah hutang luar oleh pihak swasta ialah RM100.8 bilion di mana RM61.1 bilion adalah hutang jangka sederhana dan panjang dan RM39.7 bilion adalah hutang jangka pendek. Kerajaan tidak pernah memberi jaminan ke atas pinjaman oleh pihak swasta. Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia

Berhad dimiliki masing-masing 72% dan 62% oleh kerajaan dan jaminan kerajaan ke atas pinjamannya berjumlah masing-masing RM2,914 juta dan RM27 juta.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tahu bahawa kerajaan tidak memberikan jaminan terhadap pinjaman oleh syarikat-syarikat swasta kepada dana-dana asing, tetapi soalnya bagaimanakah kedudukan terhadap syarikat-syarikat tempatan yang meminjam pinjaman luar tetapi projek-projek mereka dibekukan. Kalau tindakan dilakukan oleh pihak peminjam apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pembekuan projek-projek ini tidak melibatkan komitmen pinjaman swasta yang sudah pun ada.

Keduanya, sebelum kerajaan mengambil keputusan pembekuan mana-mana projek, soal exposure hutang luar memang diambil kira.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada beliau boleh menyatakan jumlah yang telah dijamin oleh pihak kerajaan kepada semua badan-badan berkanun termasuk badan swasta khususnya apabila baru-baru ini pihak kerajaan telah memberikan jaminan ke atas 3.71 ataupun tiga tranch, dengan izin, pinjaman yang dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)



kepada Khazanah Holdings, kepada KLIA Berhad dan juga kepada yang paling mengejutkan sekali ialah Perwaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, apabila pinjaman yang diberikan kepada Perwaja ialah untuk membolehkan Perwaja membayar hutang lama, refinancing, kalau tidak dengan hutang ini beliau akan atau Perwaja akan dianggap sebagai default, bukankah ini memberikan satu gambaran bahawa sebenarnya hutang yang mungkin dialami oleh pihak kerajaan adalah jauh lebih tinggi dari keadaan sebenarnya dan pada masa yang sama adakah kedudukan hutang luar negara adalah sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana angka-angka yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat nampaknya bercanggah dengan angka-angka yang diberikan oleh Bank Negara, sebagai contoh, di mana pada Belanjawan 1998 dinyatakan dengan jelas oleh Yang Amat Berhormat bahawa hutang luar negara adalah sebanyak US\$31.7 bilion, tetapi dalam bulan Januari tahun ini dinyatakan pula oleh Bank Negara bahawa sebenarnya ia adalah US\$45.2 bilion iaitu perbezaan sebanyak US\$13.5 bilion, dalam tempoh masa tiga bulan sahaja, macam mana hutang negara boleh naik 40% atau US\$13.5 bilion dalam tempoh masa tiga bulan sahaja.

Saya rasa ini adalah penting kerana kalau kita hendak memulihkan keyakinan kepada rakyat, kita mesti berikan maklumat yang tepat, sahih dan bukan yang palsu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, soal jaminan kerajaan memberi pinjaman KWSP itu, saya fikir munasabah kerana melibatkan projek-projek langsung yang diambil dan dikendalikan oleh kerajaan, itu pun dengan kadar yang munasabah di antara 8% dalam kes KLIA Berhad, Khazanah 7.5% kerana syarikat milik penuh Perbendaharaan dan kerajaan dan Perwaja disekitar 8.5% sehingga 9%.

Dalam konteks Perwaja, ini merupakan syarikat hampir sepenuhnya dipunyai oleh kerajaan dengan 5% oleh Ituchu dan 5% oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan selebihnya adalah milik kerajaan. Dan oleh kerana pengurusan Perwaja yang lalu telah cuai dalam menyempurnakan tanggungjawab yang menyebabkan kerugian yang besar yang telah pun saya umumkan dalam Parlimen, maka kita memerlukan suntikan modal dan juga dalam keperluan untuk membayar hutang oleh Perwaja dan sebab itulah pinjaman diberikan kepada Perwaja yang merupakan syarikat kerajaan dan dengan jaminan oleh kerajaan.

Mengenai hutang luar negara, sebenarnya kalau Ahli Yang Berhormat teliti, dia tidak ada percanggahan, dia ada hutang negara keseluruhan, dia ada hutang negara yang diletakkan dalam tiga kategori iaitu jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Dalam kenyataan umum kita berikan kadang-kadang kita berikan hutang luar negara jangka sederhana dan panjang. Ada

kenyataan yang dikeluarkan dalam kenyataan hari ini dan juga Bank Negara yang melibatkan hutang jangka pendek, sederhana dan panjang.

Sebab itu, kebanyakan negara dalam meletakkan jumlah hutang luar negara, hutang luar ini selalunya dimasukkan dalam kategori jangka sederhana dan jangka panjang melainkan disebutkan sebaliknya. Dalam konteks kemelut ekonomi sekarang, untuk mengelakkan daripada keraguan orang menganggap kita memadamkan istilah hutang jangka pendek maka kita bersetuju dengan menggunakan angka yang diumumkan oleh Bank Negara, yang memasukkan kategori jangka pendek, sederhana dan panjang.

Bila saya umumkan selalunya saya mengatakan hutang luar negara dalam jangka sederhana dan panjang berjumlah sekian ataupun dalam kenyataan Bank Negara hutang keseluruhan swasta atau luar negara yang termasuk jangka pendek adalah sekian.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka diteliti dengan sabar tidak ada percanggahan fakta tersebut.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa syarikat yang telah melanggar syarat-syarat mengenai dengan pinjaman dari luar negara yang telah diletakkan oleh Bank Negara dan apa tindakan atau denda dan hukuman yang telah diambil terhadap mereka dan juga untuk syarikat-syarikat yang tidak mampu membayar pinjaman daripada luar negara, apakah pendirian kerajaan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai syarikat yang melanggar syarat hutang luar negara itu tidak berbangkit kerana hutang itu tidak boleh dilakukan dan tidak boleh diproses dibawa masuk kembali ke dalam sistem kita tanpa kelulusan Bank Negara. Yang itu dasarnya, melainkan kalau ada berlaku sebaliknya kalau dapat laporan maka memang ada peruntukan dalam BAFIA di mana tindakan boleh diambil.

Yang kedua, mengenai syarikat-syarikat sekiranya didapati tidak boleh membayar hutang atau service pinjaman luar, syarikat itu terpaksa menempuh masalah sendiri dan kerajaan tidak berhajat atau bercadang untuk membantu atau meringankan masalah selain daripada mendengar masalah yang mereka kemukakan kerana hutang itu merupakan tanggungjawab syarikat swasta dan syarikat swasta bertanggungjawab penuh untuk menghadapi risiko hutang tersebut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat terangkan perbezaan yang diberi kepada saya pada 26 Mac ini hutang luar negara ialah RM100.4 bilion dan sekarang yang diberi oleh Yang Amat Berhormat adalah berbeza sedikit, mengapa dalam tempoh lima hari sahaja kita dapat membezakan hutang ini dan dari segi pinjaman jangka pendek, adakah itu yang dianggarkan RM40 bilion untuk jangka pendek.

Kalau itulah masalah kita, walaupun kita lebih baik keadaannya daripada Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, tetapi membimbangkan juga jangka pendek ada RM40 bilion.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, nasib baik saya dapat jangka apa soalan tambahannya kerana ia menimbulkan fakta dan angka-angka yang detail. Saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat dari Kepong memang hendak uji saya. Tetapi jumlah jangka pendek sebenarnya bagi Disember ialah RM39.7 bilion. Jadi, dari RM39.7 bilion ini hampir 90% adalah melalui saluran institusi perbankan. Jumlah jangka pendek ini selalunya adakalanya tidak dimasukkan kerana ia melibatkan transaction beli dan baik untuk pasaran saham ataupun untuk soal pertukaran Ringgit dan mata wang lain, sebab itu jumlah itu dimasukkan dalam kategori jangka pendek. Bukan semestinya ada pertambahan yang mendadak dari pinjaman bulan Jun sehingga bulan Disember.

Cuma kita kategori, kita bezakan di antara jumlah yang disebut untuk jangka sederhana dan jangka panjang dan jumlah yang dimasukkan satu lagi kategori iaitu RM39.7 bilion yang dimasukkan ke dalam jangka pendek yang kebanyakannya ialah melalui institusi perbankan dalam RM31.5 bilion perbankan dan RM8 bilion lebih dalam institusi lainnya seperti swasta.

Oleh yang demikian, saya tidak fikir ia merupakan satu masalah kerana sistem perbankan kita itu besar dan ada proses keperluan memegang mata wang

asing. Institusi perbankan kita juga memang dibenarkan ada deposit mata wang asing, kebanyakannya dahulu untuk ibu bapa dan keluarga yang menyimpan, yang memerlukan mata wang asing untuk maksud mengirim kepada anak-anak mereka selain daripada keperluan perniagaan.

**UJIAN HIV - SYARAT KEPADA  
PASANGAN YANG AKAN BERKAHWIN**

10. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan penyakit HIV dan AIDS yang kini semakin serius:

- (a) adakah beliau bercadang untuk mensyaratkan pasangan yang akan berkahwin untuk menjalani pemeriksaan AIDS terlebih dahulu untuk menghalang daripada wujudnya generasi baru yang berpenyakit AIDS atau telah diinggap HIV; dan
- (b) berapakah bilangan pesakit AIDS dan HIV pada tahun 1997 dan berapa pula daripada jumlah tersebut yang meninggal dunia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.**

**Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan sehingga ini tidak bercadang untuk mensyaratkan pasangan yang hendak berkahwin untuk menjalani ujian HIV. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sememangnya menggalakkan sesiapa sahaja termasuk pasangan yang akan berkahwin yang terdedah kepada aktiviti yang berisiko tinggi untuk

dijangkiti HIV supaya menjalani ujian HIV di mana-mana hospital atau klinik kesihatan kerajaan;

- (b) Semenjak tahun 1997 lalu seramai 3,918 orang dijangkiti HIV dan 526 pesakit AIDS dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. 408 orang pesakit AIDS telah meninggal dunia pada tahun yang sama.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan program PRS style untuk memberikan kesedaran tentang penyakit AIDS dan HIV kepada pemuda pemudi telah dilancarkan dua tahun dahulu.

Saya ingin tahu sejauh manakah program ini berkesan untuk mengurangkan penyakit AIDS dan HIV di kalangan remaja?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, prestasi aktiviti Pendidikan Rakan Sebaya (PRS) style 1997, bilangan kursus yang dijalankan oleh PRS style ialah 190 sesi, bilangan PRS yang dilatih ialah 7,188 orang, jumlah akumulatif PRS style yang dilatih ialah 11,099 orang, bilangan aktiviti oleh PRS style 219 sesi, bilangan remaja yang terdedah kepada pendidikan HIV/AIDS ialah 44,156 orang, itulah satu perkara yang paling successful.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah terjadi satu offence jikalau seseorang lelaki atau perempuan,

beliau sendiri telah tahu ia telah dijangkiti atau dihinggap oleh AIDS, lagi pun dia mengadakan hubungan seks dengan orang lain, adakah kementerian bercadang menghukum dia ke mahkamah atau adakah apa-apa undang-undang untuk menghalang dia mengadakan hubungan seks dengan orang lain.

Jikalau tiada undang-undang tersebut apakah tindakan akan diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang seseorang yang ada HIV, mereka yang tahu dan mereka ada hubungan seks dengan knowingly infecting other person, ini boleh jadi kesalahan dalam undang-undang yang sedia ada. Tindakan itu boleh diambil oleh Peguam Negara dan bukan kementerian saya. Oleh itu, rujukkan perkara itu kepada Peguam Negara.

### **KEMPEN PANDU SELAMAT - KOS**

11. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapa walaupun begitu banyak wang telah dibelanjakan untuk kempen pandu selamat, namun kes-kes kemalangan masih meningkat dan macam mana kerajaan dapat membela diri (justify) dengan mengatakan bahawa akibat kemalangan maut setiap orang akan memakan kos kerajaan sebanyak RM750,000.00 dan apakah cadangan kerajaan mengenai hukuman penjara mandatori sebagai penghalang bagi pemandu yang memandu dengan cuai (proposal on mandatory jail sentence for reckless drivers be as a deterrent) dan adakah ia akan dilaksanakan, kalau ia bila dan apakah cadangan-cadangan yang berkesan (effective ) dicadangkan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

### **Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee**

**Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, peningkatan jumlah kemalangan adalah disebabkan beberapa faktor seperti pertambahan penduduk, pertambahan kenderaan dan juga pertambahan kilometer jalan. Selain daripada itu juga



terdapat golongan pemandu-pemandu dan pengguna jalan raya yang masih tidak mengendahkan peraturan-peraturan yang ditetapkan turut menyumbang kepada peningkatan angka kemalangan. Walaupun pihak kementerian masih menganggap bahawa kadar kematian di jalan raya kita adalah tinggi tetapi mengikut satu kajian yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan Universiti Putra Malaysia, ianya jelas menunjukkan bahawa dengan segala intervensi ataupun program-program bersepadu yang dianjurkan oleh pihak kementerian, kematian di jalan raya telah pun berjaya diturunkan di antara 15% hingga 34% dan mengikut kajian tersebut juga, segala program dan intervensi perlu dilaksanakan, diperluaskan sepanjang tahun supaya kematian di negara kita dapat dikawal dan sekali gus memenuhi hasrat kerajaan supaya mengurangkan kadarnya 30% kematian menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana setiap kemalangan jalan raya merugikan negara dan juga pihak-pihak yang terlibat secara langsung, maka atas hakikat inilah kerajaan mengadakan pelbagai usaha bagi menangani gejala kemalangan jalan raya.

Mengenai anggaran kos kerajaan sebanyak RM750,000 bagi setiap kemalangan maut, ini adalah berdasarkan kajian awal Economic and Social Commission for Asia and Pasific (ESCAP) salah sebuah agensi Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada tahun 1983 kajian ini menganggarkan kerugian sebanyak RM145,000 bagi setiap kemalangan maut. Angka ini telah pun dikemaskini

oleh Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia untuk mengambil kira faktor inflasi dan juga kadar faedah dan mendapati angka tiga suku juta pada tahun 1996. Kos tersebut adalah kos secara terus yang melibatkan kehilangan produktiviti, kos rawatan, kos pentadbiran bagi pihak polis, bomba, ambulans dan lain-lain dan juga kos-kos kerosakan seperti kenderaan dan harta-benda awam.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali berhubung dengan cadangan hukuman penjara mandatori, cadangan ini memang memerlukan pertimbangan menyeluruh dan kementerian saya sedang membuat kajian dan juga meneliti segala syor-syor yang telah pun diberikan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia dan kita akan meneliti cadangan tersebut sebelum kita buat sebarang keputusan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kemalangan jalan raya ini tidak adakah rancangan Kementerian Pengangkutan untuk mengadakan undang-undang seperti di negara jiran kita iaitu kenderaan yang berat bila berlaku kemalangan dianggap bersalah dahulu. Misalnya, bila bas langgar kereta, bas itu bersalah until proved tidak bersalah. Saya telah bercakap perkara ini dan dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab mengatakan di negara jiran kita tidak ada undang-undang macam ini tetapi satu ketika dahulu Ketua Polis Negara, apabila balik dari negara jiran mengakui bahawa di negara jiran -

tidak perlu saya sebut, saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham, bahawa di negara jiran kita ada undang-undang seperti ini supaya kenderaan yang berat ini sentiasa dianggap bersalah dahulu bila melanggar kenderaan yang kecil.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya fahamlah misalan yang diberikan oleh Yang Berhormat adalah negeri Thailand, kalau tidak salah. Memang benar di negara jiran seperti Thailand memang mempunyai undang-undang di mana jika terdapat kemalangan yang melibatkan kenderaan kecil dan besar dan kenderaan besar akan ditarik masuk - saya tidak tahu sama ada lock-up untuk soal jawab tetapi ini tidak menunjukkan bahawa kenderaan besar adalah salah cuma dari segi siasatan sahaja pemandu bagi kenderaan besar akan ditarik masuk untuk soal jawab. Bagi negara kita memang buat masa ini kita tidak mempunyai sebarang cadangan seperti yang diamalkan di negara jiran atau Thailand tetapi cadangan ini sentiasa berada dalam rekod kementerian kita dan jika perlu kita akan kaji lebih dalam lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 4, 12 hingga 46 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG  
DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan.” *[30 Mac, 1998]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari SibU, diminta sambung.

**3.35 ptg.**

**Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung ucapan saya. Peraturan kerajaan terhadap 30% pinjaman kepada bumiputera adalah mulia dan perlu demi untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera membina perniagaan mereka tetapi kerajaan harus mengambil setiap langkah bagi memastikan bahawa pinjaman-pinjaman ini dibuat tulen kepada syarikat bumiputera dan individu yang jujur serta berpotensi untuk mempergunakan pinjaman ini dengan sebaik-baiknya. Setiap usaha perlu dibuat untuk mengkaji sebab-sebab pinjaman tidak berbayar dan peraturan haruslah sentiasa dikaji semula terhadap masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tabik kepada kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan serta rakan sejawat Yang Berhormat di Kementerian Pendidikan terhadap pencapaian yang mengagumkan di negara kita. Krisis ekonomi semasa di rantau ini akan menyegerakan pembangunan negara kita untuk menjadi pusat pendidikan terunggul di rantau ini. Saya merayu kepada kerajaan untuk tidak mengurangkan peruntukan bagi pendidikan kerana ia adalah asas yang penting untuk merealisasikan Wawasan 2020 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merayu kepada pertimbangan kerajaan untuk memperakui Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia yang mana telah diperakui oleh universiti-universiti terkenal di seluruh dunia. Ianya bukan hanya dasar ekonomi yang baik tetapi pendekatan yang realistik untuk memperakui sijil tersebut agar graduan-graduan Senior Middle III, dengan izin, dapat belajar di institusi-institusi pelajaran tinggi di Malaysia untuk menjimatkan tukaran asing dan mengurangkan aliran keluar profesional-profesional yang berkeelayakan dan ia akan membantu menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru bahasa Mandarin di sekolah-sekolah kita terutama sekali di SRP(Cina).

Tuan Yang di-Pertua, bantuan kewangan kepada 60 buah sekolah-sekolah menengah persendirian Cina tersebut akan membantu mereka untuk memperbaiki taraf akademik termasuk pengajaran Bahasa Malaysia. Kekurangan-kekurangan di sekolah-sekolah luar bandar harus menerima keutamaan di atas sekali di dalam bantuan kewangan demi untuk mengurangkan yuran akademik di antara sekolah-sekolah luar bandar dan bandar. Sekolah-sekolah bantuan kerajaan bandar yang penuh sesak dan kekurangan tabung pembangunan juga memerlukan perhatian utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya seruan kerajaan untuk meningkatkan lagi hasil makanan di negara kita demi untuk menjimatkan

tukaran asing untuk mengimport makanan dan demi untuk keselamatan keperluan terhadap bekalan makanan jika berlaku peperangan.

Kaedah pertanian tradisional tidak menjana pendapatan yang menarik kepada petani-petani yang bergantung sepenuhnya kepada subsidi-subsidi kerajaan. Maka, saya cadangkan agar Malaysia memodenkan kaedah pertaniannya dengan mengimport technical know-how, dengan izin, seperti daripada negara USA atau Amerika Syarikat, Taiwan, Australia dan lain-lain. Kerajaan haruslah membuka tanah kepada mereka yang berminat di dalam pelaburan industri pertanian dengan menyewa ataupun memperuntukkan tanah kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai bank tanah yang terbesar untuk pertanian di negara kita dan amat menyenangkan untuk melihat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri serta rakan sejawat Yang Amat Berhormat di Sarawak dengan aktifnya menggalak rakyat untuk menanam lebih banyak tanaman dengan mendirikan kementerian khas bagi pengeluaran makanan. Kerajaan Persekutuan dapat membantu dengan memberi insentif cukai, bantuan teknologi dan mempromosikan Sarawak sebagai jelapang padi untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saiz geografi dan pembangunan infrastruktur yang mundur lazimnya di Sarawak, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk tidak mengurangkan peruntukan bagi pembangunan

infrastruktur disebabkan oleh krisis ekonomi yang berterusan ini. Saya merayu khasnya kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan lagi kerja bagi memulakan pembinaan Jambatan Durin yang akan menghubungkan Pan-Borneo Highway serta memperbaiki pengangkutan darat di Sarawak.

Saya juga ingin merayu kepada kerajaan untuk melaksanakan projek pembinaan dua aerobridge bagi Lapangan Terbang Sibu yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti masih banyak lagi ruang untuk memperbaiki pembangunan ekonomi kebangsaan kita. Saya masih berkeyakinan bahawa asas ekonomi kita yang sedia kukuh ini berserta dengan kepimpinan dinamik di dalam Kerajaan Barisan Nasional di kedua-dua peringkat Persekutuan dan negeri, kita dapat mengatasi masalah ekonomi ini dalam jarak masa hadapan yang singkat. Apa yang kita perlukan adalah untuk kerajaan kita supaya lebih fleksibel di dalam mengimplementasikan pelbagai peraturan ekonomi lebih sensitif kepada pertukaran ekonomi dan aspirasi rakyat. Untuk 21 juta rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah bersatu-padu, berkeyakinan, bersabar, bekerja keras dan menyokong Kerajaan Barisan Nasional, kemudian Malaysia akan muncul sebagai juara dan dengan bangga serta beraninya berbaris ke milenium yang akan datang dengan kejayaan dan kemakmuran. Kita boleh melakukannya di bawah semangat 'Malaysia Boleh'. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Gelang Patah.



**3.44 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh segala langkah tambahan untuk mengukuhkan kestabilan ekonomi negara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 24 Mac 1998. Usaha ini membuktikan pihak kerajaan bersedia untuk mengembalikan kekukuhan ekonomi negara melalui tindakan-tindakan terancang, mengenal pasti segala kelemahan dan mengambil tindakan tegas untuk memperbetulkannya. Kerjasama dan keyakinan rakyat jelata berbilang kaum atas usaha kerajaan sangatlah penting untuk menjayakan matlamat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi, kerajaan perlu mengamalkan liberalisasi dalam polisi ekonomi. Oleh yang demikian, segala undang-undang yang sedia ada yang akan menghalang pertumbuhan ekonomi perlu dipinda terutama undang-undang yang menimbulkan duplication, dengan izin, dalam penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana laluan link yang kedua menyambung negara Singapura dengan Malaysia adalah di kawasan Parlimen Gelang Patah, di sini wajarlah saya membawa isu-isu tentang laluan kedua. Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada pengumuman Kabinet baru-baru ini mengenai kadar

bayaran tol yang akan dikenakan kepada para pengguna laluan kedua, saya selaku Ahli Parlimen Kawasan Gelang Patah telah menerima banyak maklum balas dan rungutan daripada masyarakat tempatan yang rata-rata berpendapat kadar baru tol yang dikenakan masih terlalu tinggi. Saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini telah sedikit sebanyak mendapat tahu tentang rungutan yang disuarakan. Selaku wakil rakyat saya rasa saya mempunyai tanggungjawab untuk membawa isu ini untuk diperbincangkan dalam Dewan yang mulia ini dan mudah-mudahan satu formula, penyelesaian yang wajar dan adil untuk semua pihak akan dapat dirumuskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, salah satu tujuan utama pembinaan laluan kedua adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor. Namun demikian, sebagaimana yang diperhatikan, bilangan kenderaan yang menggunakan laluan kedua adalah jauh di bawah angka yang dianggarkan ketika peringkat perancangan projek tersebut, walaupun ketika bayaran tol masih belum dikenakan.

Sepertimana yang dijangkakan bilangan kenderaan yang menggunakan laluan kedua bertambah kurang selepas bayaran tol mula dikutip sejak 17 Mac yang lepas. Pemandu-pemandu lori keberatan untuk menggunakan laluan tersebut kerana kadar bayaran tol yang dikenakan berlipat ganda berbanding dengan Tambak Johor. Pemandu-pemandu kereta dan penumpang-penumpang

teksi yang ingin menuju ke bandaraya Johor Bahru juga masih memilih untuk menggunakan Tambak Johor demi menjimatkan kos dan juga jarak perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, adalah jelas bahawa terdapat sekurang-kurangnya dua faktor utama yang tidak menggalakkan orang ramai daripada menggunakan laluan kedua. Yang pertama ialah kadar bayaran tol yang masih dianggap tinggi meskipun selepas diskaun yang diberikan oleh Kabinet. Faktor yang kedua ialah jarak perjalanan yang jauh antara Gelang Patah dan Johor Bahru. Ini menyebabkan orang ramai yang ingin pergi ke Johor Bahru masih memilih untuk menggunakan Tambak Johor walaupun terdedah kepada risiko masalah kesesakan lalu lintas. Jikalau langkah yang sewajarnya tidak diambil segera masalah kesesakan lalu lintas di Tambak Johor dijangkakan akan berterusan dan ini bermakna salah satu objektif pembinaan laluan kedua iaitu untuk meringankan masalah kesesakan lalu lintas di Tambak Johor tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan faktor pertama adalah diharapkan supaya pihak kerajaan akan mengkaji semula kadar tol yang dikenakan. Dalam soal ini adalah wajar bagi pihak kerajaan mendapatkan lebih banyak pandangan daripada pihak-pihak yang terlibat terutamanya pandangan daripada para pengoperasi dalam sektor perkhidmatan pengangkutan darat. Adalah jelas kadar bayaran tol yang diumumkan baru-baru ini membebankan pengoperasi-pengoperasi yang menawarkan perkhidmatan membawa

penumpang dan barangan di antara Malaysia dan Singapura. Kebanyakan daripada mereka ini sebenarnya lebih suka menggunakan laluan kedua kerana kelancaran aliran lalu lintasnya dan juga kerana destinasi mereka bukanlah bandaraya Johor Bahru, namun demikian mereka terpaksa memilih menggunakan Tambak Johor kerana tambahan kos perjalanan yang begitu ketara. Beban kewangan tambahan ini menjadi begitu kritikal sekali di dalam kos operasi mereka ketika negara sedang berhadapan dengan masalah kegawatan ekonomi yang bermula sejak tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, ketika mengkaji semula kadar bayaran tol yang dikenakan adalah wajar bagi pihak kerajaan membuat pengiraan berlandaskan kos penyelenggaraan berkala laluan kedua dan bukannya untuk membantu pihak pemaju memperolehi kembali dalam masa yang singkat jumlah kapital yang telah dilaburkan. Ini memandangkan pemaju projek laluan kedua telah menikmati banyak faedah dan keuntungan melalui bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Johor dalam proses penyerahan balik dan pengurniaan semula tanah. 10,000 hektar tanah pertanian di kawasan Gelang Patah telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri Johor daripada pemilik asal dan dikurniakan semula kepada pihak pemaju untuk pelbagai tujuan pembangunan. Pampasan dibayar oleh pemaju termasuk pembangunan komersial adalah dibenarkan dalam kawasan pembangunan 10,000 hektar itu. Dalam pada itu kadar pampasan yang diberikan oleh pihak pemaju kepada pemilik tanah asal

adalah begitu rendah sekali. Pampasan yang diberikan adalah dalam lingkungan antara RM35,000 hingga RM100,000 seekar. Ini adalah berdasarkan anggaran nilai tanah yang dibuat dalam tahun 1992 walaupun pampasan hanya mula diberikan dalam tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan kadar pampasan antara RM250,000 hingga RM350,000 seekar yang diterima oleh pemilik-pemilik tanah mereka yang diambil untuk tujuan pembangunan pelabuhan baru di Tanjung Pelepas yang berdekatan dengan laluan kedua. Kadar pampasan yang diterima oleh pemilik-pemilik tanah mereka diambil untuk pembangunan laluan kedua dan bandar Nusajaya adalah kurang sebanyak hampir sepuluh kali ganda. Kadar pampasan pengambilan tanah di Tanjung Pelepas adalah ditentukan berdasarkan anggaran nilai harga tanah pada tahun 1995. Kalau pun anggaran harga tanah yang dibuat dalam tahun 1992 adalah tepat dan tanah yang diterima oleh pemaju laluan kedua memang cuma berharga antara RM35,000 hingga RM100,000 pada enam tahun yang lepas, pada hari ini pihak pemaju sebenarnya telah menikmati keuntungan yang begitu banyak sekali hasil daripada peningkatan nilai tanah sebanyak sekurang-kurangnya sepuluh kali ganda. Cuba kita bayangkan berapa banyakkah keuntungan yang diperolehi oleh pihak pemaju laluan kedua daripada tanah seluas 10,000 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu sama ada kita meninjau dari sudut tanggungjawab sosial pihak pemaju mahupun dari sudut keadilan sosial yang

ingin dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional kesimpulannya hanya satu iaitu kadar bayaran tol laluan kedua harus ditentukan dengan memberikan lebih pertimbangan kepada kepentingan para pengguna daripada soal pendapatan pihak pemaju di samping itu dengan bertambah sempurnanya bandar Nusajaya pada tahun-tahun akan datang, bilangan kenderaan yang menggunakan laluan kedua tentu akan bertambah dan ini akan dapat meningkatkan jumlah bayaran tol yang dipungut oleh pihak pemaju. Pada masa yang sama pihak kerajaan juga dipelawa untuk mengkaji kemungkinan untuk memanjangkan tempoh konsesi yang diberikan kepada pihak pemaju agar kepentingan mereka juga terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah jarak perjalanan yang jauh antara Gelang Patah dan Johor Bahru, saya berpendapat kita terpaksa menerima hakikat ini sebagai faktor geografi yang di luar keupayaan kita untuk mengubahnya. Saya juga tidak nampak sebarang sebab yang logik untuk menggesa mereka yang ingin menuju ke bandaraya Johor Bahru menggunakan laluan kedua dan bukannya Tambak Johor. Pada pandangan saya, apa yang perlu dilakukan ialah mempercepatkan usaha untuk membangunkan Gelang Patah menjadi pusat perdagangan dan juga destinasi pelancongan. Lebih banyak pusat membeli-belah dan restoran makanan laut perlu didirikan di Gelang Patah. Kemudahan lain seperti stesen petrol juga perlu diperbanyakkan. Pendek kata, apa yang terdapat di bandaraya Johor Bahru juga

harus disediakan di Gelang Patah. Apabila lebih ramai orang menjadikan Gelang Patah sebagai destinasi perjalanan mereka terutamanya penduduk dari negara jiran yang suka membeli-belah dan menikmati makanan laut di negara kita, bilangan kenderaan yang menggunakan laluan kedua tentu akan bertambah dan ini secara tidak langsung akan mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Tambak Johor.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan apa yang harus dilakukan sekarang ialah mengurangkan kadar bayaran tol yang dikenakan di laluan kedua. Ini adalah untuk menggalakkan mereka yang ingin pergi ke tempat-tempat lain di Semenanjung selain daripada Johor Bahru menggunakan laluan tersebut. Pada masa yang sama pembangunan bandar Nusajaya perlu dipergiatkan bagi menawarkan satu destinasi baru kepada mereka yang suka berkunjung ke Johor Bahru terutamanya penduduk-penduduk dari negara jiran. Ini akan dapat mengalihkan sebahagian daripada kenderaan yang pada masa sekarang menggunakan Tambak Johor ke laluan kedua. Kesannya ialah masalah kesesakan lalu lintas di Tambak Johor akan dapat diredakan dan pihak pemaju laluan kedua akan mendapat lebih banyak kutipan tol.

Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan di sini bahawa tiada mana-mana pihak yang membantah pengenalan bayaran tol untuk penggunaan laluan kedua. Pengoperasi-pengoperasi perkhidmatan pengangkutan darat masyarakat tempatan Gelang Patah dan penduduk-penduduk di kawasan sekitar cuma

merayu kepada pihak kerajaan agar mempertimbangkan untuk mengenakan kadar tol yang lebih munasabah dengan mengambil kira kepentingan semua pihak. Sekiranya pihak kerajaan merasa perlunya diadakan majlis dialog dengan mereka yang berkenaan bagi mendapatkan pandangan mereka, saya sebagai wakil rakyat sentiasa bersedia untuk turut membantu menjayakannya.

Tuan Yang di-Pertua, beralih daripada isu kadar bayaran tol laluan kedua, seterusnya saya ingin membincangkan tentang keselamatan jalan raya. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak polis, berikutan daripada kemalangan jalan raya yang berlaku antara 21 Januari dan 2 Februari iaitu ketika musim perayaan berkembar, sebanyak 243 nyawa telah terkorban dan seramai 2,029 orang mengalami kecederaan. Angka ini boleh dikatakan cukup tinggi dan mendukacitakan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

***mempengerusikan Mesyuarat]***

Yang lebih menyedihkan ialah kemalangan jalan raya bukan sahaja berlaku ketika musim perayaan tetapi berlaku setiap hari. Bukan itu sahaja, kadar kemalangan di negara ini boleh mencipta rekod demi rekod di peringkat antarabangsa tetapi kita langsung tidak dapat berbangga dengan rekod-rekod sedemikian. Apa yang perlu dilakukan segera ialah kita perlu memberi perhatian yang tertumpu dan juga mengatur strategi yang tersusun bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara kita secepat mungkin.



Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi pengetahuan umum bahawa keselamatan jalan raya bergantung kepada tiga unsur yang sering dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai The 3Es, dengan izin, iaitu Engineering, Education and Enforcement atau dalam bahasa Malaysia disebut sebagai Kejuruteraan, Pendidikan dan Penguatkuasaan. Menyentuh tentang aspek kejuruteraan dan reka bentuk dan pembinaan jalan raya, secara amnya saya percaya negara kita sudah mempunyai sistem jalan raya yang bertaraf antarabangsa. Sungguhpun masih terdapat aspek-aspek kejuruteraan jalan raya yang perlu kita perbaiki, kita sedia maklum bahawa sebilangan besar kemalangan jalan raya yang terjadi di negara ini bukanlah berpunca daripada reka bentuk jalan raya yang tidak selamat tetapi kebanyakannya disebabkan cara memandu yang tidak selamat dan kadangkala juga disebabkan kenderaan yang dipandu di atas jalan raya itu sendiri yang tidak selamat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini adalah wajar bagi pihak kerajaan memberikan lebih tumpuan kepada soal pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang dalam menangani masalah kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat. Saya sedar bahawa pihak kerajaan selama ini telah mengadakan banyak program dan usaha yang berterusan untuk mendidik orang ramai agar menggunakan jalan raya dengan cara yang betul dan selamat, namun saya berpendapat usaha mendidik pengguna jalan raya masih perlu diperhebatkan.

Di sini saya ingin mengemukakan dua cadangan berhubung dengan pendidikan kepada pengguna jalan raya.

Yang pertama, pihak kerajaan perlu memperkenalkan lebih banyak slogan mengenai keselamatan jalan raya dan slogan-slogan ini harus dipaparkan menggunakan papan tanda yang bersaiz besar dan diletakkan di tempat-tempat yang menarik perhatian orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, ketika saya melawat ke negeri China bersama Tuan Yang di-Pertua, saya sering menemui papan-papan tanda besar dengan slogan mengenai kefahaman Mao Tze Tung atau Wawasan Deng Ziou Peng tertera dengan jelas di atasnya. Saya berpendapat cara ini agak berkesan dalam menanam dan memupuk nilai tertentu dalam pemikiran seseorang. Walaupun di negara kita penggunaan slogan dan papan tanda untuk menyampaikan sesuatu pesanan telah diamalkan secara meluas, namun saya masih berpendapat penggunaan cara ini untuk menyedarkan orang ramai tentang keselamatan jalan raya masih perlu diperbanyakkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, slogan-slogan tentang keselamatan jalan raya boleh juga dicetak dalam bentuk pelekat kereta serta mini poster dan diedarkan kepada orang ramai. Ini boleh dilakukan oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Di samping itu, slogan-slogan tersebut juga boleh dicetak di atas tin-tin atau kotak-kotak minuman. Para pengeluar bahan-bahan bercetak, khasnya surat khabar harian juga harus mempertimbangkan

untuk memuatkan satu atau dua slogan mengenai keselamatan jalan raya dalam terbitan masing-masing. Slogan-slogan ini juga boleh dicapkan di badan bas-bas pesiaran.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang kedua ialah supaya iklan-iklan berhubung dengan keselamatan jalan raya perlu diperbanyakkan dan ditayangkan dengan lebih kerap melalui sistem penyiaran televisyen serta di panggung-panggung wayang.

Sebagaimana yang kita perhatikan, buat masa sekarang yang selalu ditayangkan ialah iklan yang mengingatkan orang ramai supaya jangan memandu selepas mengambil minuman beralkohol, usaha ini perlu diteruskan dan iklan-iklan yang serupa mengenai cara memandu serta menggunakan jalan raya dengan cara yang selamat juga perlu dihasilkan dan ditayangkan dengan kerap. Saya percaya dengan menyaksikan secara berulang kali iklan-iklan sedemikian, mudah-mudahan orang ramai akan dapat diingatkan supaya sentiasa berhati-hati semasa menggunakan jalan raya sama ada sebagai pemandu kereta, penunggang motosikal ataupun pejalan kaki.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang aspek penguatkuasaan undang-undang, saya berpendapat undang-undang trafik di negara kita ini sudah cukup sempurna dan ketat. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa penggubalan undang-undang atau peraturan-peraturan trafik semata-mata tidak akan berhasil dalam mempertingkatkan keselamatan jalan raya. Yang lebih

penting ialah penguatkuasaan undang-undang atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, misalnya, telah menjadi pengetahuan umum bahawa terdapat undang-undang di negara ini yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk menggantung lesen memandu pemandu-pemandu yang didapati gagal mengawal kenderaan dengan berhati-hati. Namun, kita selalu mendapati ada pemandu-pemandu yang masih memandu kenderaan selepas lesen memandu mereka digantung. Dalam keadaan ini, adalah jelas penggantungan lesen memandu pemandu-pemandu yang kerap melanggar undang-undang trafik tidak dapat menghasilkan kesan yang dikehendaki dan yang lebih penting ialah keselamatan para pengguna jalan raya yang lain akan terancam sekiranya undang-undang kita gagal menghalang pemandu-pemandu yang cuai daripada terus memandu. Ini cuma salah satu aspek yang mana penguatkuasaan undang-undang perlu diperketatkan. Sememangnya apa juga undang-undang trafik yang telah digubal, pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab menguatkuasakannya harus memastikan matlamat penggubalan undang-undang itu dapat dicapai. Adalah sia-sia sahaja sekiranya Parlimen meluluskan satu demi satu rang undang-undang berhubung dengan keselamatan jalan raya tetapi undang-undang tersebut gagal dikuatkuasakan sebagaimana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu Kolej Selatan di negeri Johor. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kolej Selatan merupakan sebuah kolej swasta yang pertama didirikan oleh masyarakat Tionghua di

seluruh Malaysia pada tahun 1990. Kolej ini berdaftar sebagai syarikat berhad menurut jaminan tanpa menuntut sebarang keuntungan dan ia menerima pelajar berbilang kaum. Penubuhan Kolej Selatan turut membantu pihak kerajaan mengatasi kekurangan perguruan tinggi untuk menampung para lepasan sekolah menengah terutamanya pelajar dan keluarga berpendapatan rendah. Sebenarnya mengendalikan sebuah kolej tanpa bantuan kewangan kerajaan bukanlah suatu tugas yang mudah. Kini Kolej Selatan menghadapi dua masalah yang kritikal.

Yang pertama, tapak kampus PTD 64888 di Mukim Tebrau, daerah Johor Bahru seluas 15 ekar dikenakan duty stamp sebanyak RM958,320. Kolej Selatan berpindah ke kampus tersebut yang telah memperuntukkan sebilangan besar wang derma dari segenap lapisan masyarakat untuk membiayai kelengkapan persekolahan pada akhir tahun 1996. Kini, Kolej Selatan tidak berkeupayaan untuk melunasi duty stamp tersebut.

Yang kedua, permohonan untuk mendapatkan pengecualian cukai pendapatan tidak dapat dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan. Oleh itu, kempen pemungutan tabung pembinaan kampus tidak mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, perguruan tinggi swasta juga dapat memupuk tenaga mahir dan profesional untuk pembangunan negara. Walaupun tabung pembangunan Kolej Selatan diderma dan dipungut daripada masyarakat awam, ia juga memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan. Oleh itu, saya

mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk merayu kepada Kementerian Kewangan supaya duty stamp untuk tapak Kolej Selatan dikecualikan. Yang kedua, permohonan pengecualian cukai pendapatan Kolej Selatan dapat dipertimbangkan semula serta diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menarik kepada isu-isu IWK. Di dalam Titan Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda menasihatkan semua wakil rakyat menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara. Atas nasihat Baginda, kita wakil rakyat sentiasa bekerja keras untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat jelata dalam semua bidang yang dapat membela kepentingan rakyat termasuk isu caj yang tinggi oleh IWK.

Saya berasa kesal atas komen Pengerusi Eksekutif Prime Utilities Berhad yang memiliki IWK bahawa wakil rakyat yang mempengaruhi para pengguna jangan membayar atau menjelaskan caj IWK. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di sektor komersial dan perkilangan memang mereka tidak puas hati tentang caj-caj yang dikenakan oleh IWK. Saya ingin buat misalan di sini, untuk kedai dua tingkat, caj IWK sebulan RM70.00 dan untuk bangunan seperti ini yang saya dapat maklumat, bil air tiap-tiap bulan cuma lebih kurang RM20.00 dan cukai pintu tahunan lebih kurang RM300. Jika kita kira caj IWK RM70.00 sebulan, jumlahnya RM840. Ini adalah lebih tinggi daripada caj pihak berkuasa tempatan untuk cukai pintu.

Di sini saya ingin buat perbezaan, untuk rumah teres dua tingkat, pada masa sekarang caj oleh IWK adalah RM6.00 sebulan, satu tahun RM72.00. Untuk kedai dua tingkat RM70.00, seperti yang saya katakan tadi. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, saiz tangki najis di sesebuah rumah teres dua tingkat adalah sama dengan saiz tangki najis di sebuah kedai dua tingkat, iaitu saiz tangki najis mereka adalah 500 cubic feet, dengan izin. Sebab itu, saya ingin tahu daripada IWK mengapa caj IWK ada perbezaan yang sangat tinggi antara rumah teres dua tingkat dengan kedai teres dua tingkat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pembinaan tangki najis dan tangki penapis selama ini adalah diakui oleh Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan. Switch di tangki najis dan tangki penapis dibersihkan melalui anarobic dan aerobic action oleh kuman anarobic dan aerobic, dan DOD affluent yang dikeluarkan adalah mengikut syarat-syarat yang dikehendaki oleh kedua-dua kementerian itu. Oleh yang demikian, untuk mengenakan caj kepada premis komersial ini, pihak IWK perlu memberikan asas-asas yang tertentu supaya orang ramai yakin dan percaya dengan apa sumbangan mereka baru mereka bayar. Mereka tidak bayar bukan kerana wakil rakyat yang mempengaruhi mereka jangan bayar. Pihak IWK jangan berpendapat bahawa rakyat jelata di negara kita ini bodoh. Mereka tahu bagaimana menilai apa yang patut dibayar. Oleh yang demikian, saya sangat kesal dengan kritikan pihak

IWK. Saya harap pihak IWK meminta maaf kepada semua wakil rakyat dan kepada orang ramai, kerana keluarkan komen yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua, misalan yang kedua yang saya ingin beritahu kepada pihak IWK, iaitu caj IWK kepada kilang dengan kiraan RM2.00 kepada setiap pekerja di sebuah kilang itu. Itu untuk yang mempunyai tangki najis dan penapis yang berasingan. Untuk perkhidmatan yang bersambung iaitu RM2.50. Apa yang hairan di kawasan saya di Taman Universiti baru-baru ini saya berdialog dengan pemilik-pemilik di Taman Universiti, Skudai bahawa mereka diberikan caj RM70.00 sebulan daripada IWK. Saya diketahui bahawa pengusaha-pengusaha bangunan kilang ini cuma mempunyai lebih kurang lima orang pekerja, kerana ini adalah kilang yang kecil. Jika kita ikut caj yang saya sebutkan tadi, iaitu RM2.00 untuk setiap orang, mereka patut dikenakan RM10.00 satu bulan. Mengapa IWK boleh mengeluarkan tuntutan caj sebanyak RM70.00. Ini sudah dikirakan bahawa pihak IWK sendiri tidak mengikuti arahan Kabinet. Saya harap pihak IWK dapat memberikan penjelasan tentang ini.

Yang ketiga, kebanyakan bangunan kilang mempunyai sistem pemetungan sendiri, seperti jenis tangki najis, tangki penapis, jenis tangki inhawk dengan tangki penapis, jenis tangki activators flush process dan lain-lain. Pembinaan semua sistem pemetungan ini adalah mengikuti kehendak pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan



Tempatan. Apa sumbangan daripada pihak IWK selama ini bila mereka mula memberikan perkhidmatan adalah diberikan kepada premis-premis kilang ini yang mana mereka boleh mengenakan caj-caj yang tinggi kepada pihak pengusaha kilang-kilang.

Satu lagi saya ingin bawa ialah tentang caj IWK yang tidak berpatutan. Caj IWK yang berpandu kepada nilai tahunan atau nilai tambahan di premis komersial adalah tidak patut dan perkiraan ini tentu tinggi dan tidak dapat diterima oleh para pemilik bangunan komersial. Premis komersial seperti kompleks perniagaan atau pejabat mempunyai sistem pembersihan seperti *flush process* yang diakui oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan affluennya mematuhi kehendak kedua-dua kementerian itu. Oleh yang demikian, apa sumbangan atau perkhidmatan IWK untuk mengenakan caj kepada premis-premis kompleks perniagaan selama ini. Oleh yang demikian, inilah sebab-sebab peniaga dan pengusaha kilang-kilang tidak sedia hendak menjelaskan segala caj IWK yang tinggi itu. Saya harap Jemaah Menteri Kabinet perlu mengkaji semula caj IWK terhadap premis komersial dan premis industri.

Pada masa sekarang kita dapati caj yang dikenakan kepada premis kediaman adalah berpatutan, kerana IWK cuma dikenakan RM2.00 kepada premis rumah murah dan RM6.00 kepada rumah kediaman jenis teres, berbanding atau banglo cuma RM6.00 untuk mempunyai tangki dan penapis

najis yang berasingan dan untuk connected services adalah RM8.00. Ini kita kurang menerima bantahan daripada orang awam. Yang banyak kita terima aduan adalah daripada pengusaha-pengusaha perindustrian dan pengusaha-pengusaha premis komersial.

Dengan kata-kata sedemikian, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas. Sekian, saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk memberikan seramai mungkin yang mengambil bahagian, maka perbahasan selepas ini dihadkan kepada 30 minit tiap-tiap seorang. Jelutong.

**4.26 ptg.**

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:** Tuan Speaker, dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang penting. Perkara yang penting di masa kini adalah apa yang terjadi dan masih terjadi dalam Kampung Rawa di Pulau Pinang. Kekecohan berpunca pada fahaman saya dan Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP ada diberi satu taklimat oleh Ketua Polis Negeri baru-baru ini di Pulau Pinang. Walaupun tidak boleh dinafikan polis ada mengambil tindakan yang baik, Ketua Polis Negara pun beberapa kali pergi ke Pulau Pinang untuk menentukan apa yang terjadi dikawal. Apa yang ada

dilaporkan hari ini dalam surat khabar, ini disuarakan oleh Ketua Polis Negeri Pulau Pinang bahawa 'insiden ini adalah terkawal'.

Tuan Speaker, tidak boleh dinafikan isu agama adalah satu isu sensitif, barangkali maha sensitif, kerana jika ada di antara satu dengan lain apa yang dispersive sebagai, barangkali bukan dilakukan tetapi dispersive - believe to be interference, campur tangan dalam kebebasan agama. Itu boleh jadi satu tender box yang bila di'live'kan can turn into inferno. Bagi perkara seperti ini tindakan harus diambil oleh menteri-menteri tertinggi dalam negara ini, bukan terpulung kepada polis sahaja, kerana apabila polis bertindak boleh bertindak berat sebelah bagi sesuatu pihak. Dalam perkara seperti ini tidak boleh dilakukan. Saya difahamkan oleh beberapa penganut Hindu bahawa polis ada mengambil tindakan berat sebelah bagi pihak yang lain. Saya harap ini tidak terjadi dalam masa depan.

Seramai 154 orang telah ditahan, termasuk orang India dan orang Melayu, India Muslim. Saya harap semua orang ini boleh dibebaskan selepas satu penyiasatan. Jika tidak ada pertuduhan dan bukti yang mencukupi untuk dihadapkan mereka di mahkamah. Selain daripada itu, saya harap Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak digunakan ke atas semua 154 orang yang ditahan.

Perkara yang kedua, Tuan Speaker, ini pun satu perkara penting dan ini mengenai penubuhan NEAC. Soalannya, adakah NEAC ini mengikuti

Perlembagaan? Adakah peruntukan khasnya dalam Perkara 39, Perlembagaan Persekutuan diikuti, iaitu berbunyi, isi kandungan Perkara 39. Dengan izin, saya baca apa yang ada dalam bahasa Inggeris:

*“The executive authority of the Federation shall be vested in the Yang di-Pertuan Agong and exercisable subject to the provisions of any federal law and of the Second Schedule, by him or by the Cabinet or any Minister authorised by the Cabinet, but Parliament may by law confer executive functions on other persons.”*

Adakah Dewan yang mulia ini memberi kuasa melalui satu rang undang-undang memberi kuasa eksekutif kepada NEAC? Pada fahaman saya tidak ada, kerana tidak ada rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sehingga hari ini atau sebelum ini.

Saya baca satu statement yang dikeluarkan baru-baru ini atas tajuk ini tetapi tidak disiarkan oleh surat khabar, tidak tahu atas sebab apa, saya baca teks itu dan ini tidak berapa panjang. Ini dikeluarkan pada 23 Januari 1998:

*“The Attorney General, Tan Sri Mohtar Abdullah should seriously look into the constitutionality and legal status of the NEAC. In my view the NEAC is unconstitutional. After emergency was declared on the 15th. May 1969 to deal with the unfortunate racial riot on 16th. May 1969, the Yang di-Pertuan*

*Agong promulgated the Emergency Essential Power Ordinance No. 2, 1969. By Section 2, one of the Ordinance that was appointed a special officer, called the Director of Operation was to be assisted by newly created special body called National Operation Council by virtue of Section 3 to administer the state of the emergency.”* NOC di masa itu.

*Section 2, one of the Ordinance declared the executive authority of the Federation was to be delegated by the Yang di-Pertuan Agong to the Director of Operation.”*

Ada undang-undang masa itu walaupun masa itu ialah masa darurat, tetapi satu Ordinan Darurat ada membuat promulgated oleh Yang di-Pertuan Agong. Mengikut perkara 39, jika tidak ada satu rang undang-undang untuk membuat apa yang dibuat selepas 13 Mei 1969, NEAC tidak ada kuasa untuk formulate membuat dasar bagi negara ini, kerana itu adalah dalam tangan Jemaah Menteri dan Yang di-Pertuan Agong, dan bukan dalam tangan pihak-pihak yang lain.

Perkara yang ketiga, Tuan Speaker, adalah mengenai satu soalan yang saya bertanya pada hari ini iaitu soalan nombor 28. Soalan itu adalah “Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan butir-butir berkenaan dengan bank-bank dalam negara yang memerlukan suntikan modal.” Jawapannya, “Suntikan modal yang diperlukan oleh bank-bank adalah bagi

memenuhi syarat minimum nisbah modal perwajaran risiko sebanyak 8%. Institusi-institusi kewangan seperti Bank Bumiputra, Cempaka Finance dan Abrar Finance hanya memerlukan suntikan modal sekiranya ujian ketegangan Bank Negara Malaysia menjadi kenyataan. Walau bagaimanapun, kedudukan bank-bank, dan institusi-institusi kewangan pada masa ini adalah kukuh dan solven.”

Adakah apa yang diberi jawapan ini sebagai ikhlas. Adakah Menteri ini memberi jawapan yang sebenarnya adalah benar. Apa yang penting dalam konteks sekarang, kemelesetan ekonomi, kejatuhan nilai ringgit, dan ini jadi the Year of the Tiger, macam-macam boleh jadi. Bolehkah dalam keadaan itu mendapat seorang Menteri yang tidak ikhlas bagi Menteri Kewangan ini.

Pada 22 Oktober 1997 saya ada membangkitkan satu perkara peribadi barangkali, tetapi bagi kepentingan negara, bagi seorang Menteri tidak ada apa-apa peribadi, semua adalah public, umum dan harus dipertahankan. Itu adalah mengenai tuduhan atas dia oleh Encik Azizan bin Abu Bakar, bahawa Menteri ini adalah seorang homoseks, dan beliau ada hantar satu pengakuan bersumpah, bukan satu surat layang, satu pengakuan bersumpah kepada Perdana Menteri. Apabila saya bangkitkan perkara ini masa itu di Dewan yang mulia ini, Menteri Kewangan bangun dan beliau menyatakan perkara ini adalah dalam tangan Peguam Negara. Peguam Negara sehingga ini tidak mengambil apa-apa tindakan dan saya serah perkara ini kepada Peguam Negara.

Selepas empat bulan, bulan Oktober, barangkali lebih daripada empat bulan sekarang, tidak ada apa-apa kenyataan daripada Peguam Negara atau daripada Menteri ini mengenai apa terjadi pendakwaan dengan penyiasatan polis ke atas pengakuan bersumpah yang dihantar kepada Perdana Menteri. Kenapa Peguam Negara tidak berani untuk mengambil tindakan. Jika tindakan harus diambil ke atas Menteri ini, ambillah tindakan. Ada peruntukan baru dalam Kanun Keseksaan yang berkuatkuasa selepas tahun 1988, seksyen 77A, unnatural offences. Jika apa yang dikatakan oleh Encik Azizan benar, apa yang dilakukan oleh Menteri Kewangan adalah menjadi satu kesalahan di mana jika beliau disabit boleh dipenjara selama 20 tahun dan it provides also for whipping. Selain daripada pembunuhan, ini adalah peruntukan hukuman yang fear sekali. Hari ini bukan peruntukan digantung sampai mati, tetapi itu perkara lain.

Saya merayu kepada Peguam Negara dan juga Menteri ini untuk membuat satu kenyataan, adakah harapan bahawa Peguam Negara mengambil tindakan atas Encik Azizan untuk buat satu laporan dikatakan palsu atau atas Menteri Kewangan ini untuk melakukan homoseks dan dilarang oleh seksyen 77A Kanun Keseksaan.

Tuan Speaker, apa yang saya katakan tadi dalam masa ini adalah penting untuk mendapat orang-orang dalam Kabinet jika NEAC ini boleh jadi satu badan yang ada berkuasa selepas satu rang undang-undang diluluskan untuk

tubuhkan NEAC ini, orang-orang yang ikhlas, orang-orang yang boleh dipercayai dan ke arah itu saya harap nama baik, diberikan namanya baik, Menteri ini boleh bersihkan namanya. Saya ada menyatakan ini apabila saya bangkit perkara ini pada 22 Oktober 1997. Jika apa yang dikatakan oleh Encik Azizan dalam surat bersumpah ini tidak benar, Perdana Menteri ada menyatakan dengan umum apa yang ada adalah tidak benar, ada saksi-saksi yang menafikan itu, Encik Azizan sendiri menafikan itu, jika itu, kenapa sampai hari ini Menteri ini tidak mahu membawa dia ke mahkamah atas satu kes dan ada satu kes yang kuat jika itu benar, criminal defamation atau civil defamation untuk membersihkan namanya.

Tuan Speaker, selain daripada itu....

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Cukuplah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa itu?

**Seorang Ahli:** Monyet!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Selain daripada itu, Tuan Speaker, dalam UMNO sekarang ada beberapa kekecohan dan dalam masa lampau ada dalam MIC. Sekarang dalam UMNO, kenapa? Di mana arahan diberi oleh UMNO Supreme Council, jangan beri bertanding dalam divisional election. Tetapi orang-orang yang cabar itu bertanding, tentu ada kekecohan. Jika ada



kekecohan, itu bermakna negara ini bukan dalam tangan satu Jemaah Kabinet yang kuat. Jika ini tidak diperbetulkan, boleh jadi apa yang merosot sekarang lebih merosot. UMNO tidak boleh ada orang-orang seperti bekas Presiden Semangat 46. Kelmarin dalam satu kenyataan, orang ini tidak malu, barangkali satu kemaluan besar dalam negara ini, kerana dia mengatakan, “Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri.” Apabila dia berada dalam Semangat 46 macam-macam dia cakap, saya tahu kerana dia cakap kepada saya. *[Ketawa]* Sekarang apa yang dia suarakan, “Terima kasih kepada Perdana Menteri kerana saya jadi Ketua UMNO kawasan Gua Musang”. Masuklah dalam gua itu dan jangan keluar. *[Ketawa]*

Masa dahulu ada silap kira keluar daripada UMNO. Bolehkah seorang bekas Menteri Kewangan silap kira? Jika dia silap kira, masuk sekolah lagi sekali. *[Ketawa]* Barangkali dia silap kira apabila dia jadi Menteri Kewangan. Apa kesilapan kira masa itu, barangkali ada kesilapan, barangkali ada penyelewengan. Apa jadi dalam BMF dalam tahun 1980-an. Saya merayu kepada UMNO put your hold in order first and than talk. Jika tidak boleh, semua letak jawatan, adakan pilihan raya umum baru, kami tunjuk kepada UMNO apa kami di sini boleh buat.

Dengan itu, saya berterima kasih kepada Tuan Speaker.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Kosonglah itu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tawau.

**4.45 ptg.**

**Puan Chua Soon Bui [Tawau]:** Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Titah DiRaja dalam sidang Parlimen ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa perkara yang bersabit dengan kepentingan rakyat negeri Sabah amnya dan kawasan Parlimen Tawau khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama krisis ekonomi dan pengawalan ketat ke atas pekerja asing. Lebih sepuluh tahun kita menikmati perkembangan ekonomi yang mewah, keadaan politik yang stabil menolong rakyat Malaysia hidup aman damai dan mewah. Kemakmuran ini telah menarik lebih 2 juta pekerja asing berhijrah masuk ke Malaysia sehingga 10% daripada jumlah penduduk negara ini terdiri daripada mereka. Dua juta pekerja asing ini mampu mengumpulkan RM6 bilion setahun, dan antaranya RM2.5 bilion dihantar pulang ke negara asal mereka menyebabkan berlakunya pengaliran keluar mata wang asing kita secara serius. Ekoran daripada pemberhentian pekerja asing akibat pemberhentian beberapa projek mega dan kelesuan sektor pembangunan dan pengilangan, ada di antara mereka terpaksa dihantar pulang atau ditukarkan ke sektor lain seperti pembangunan, projek

pertanian yang boleh membantu mengurangkan bebanan krisis ekonomi negara yang dihadapi masa kini. Kita perlu membangunkan sektor pertanian bagi:

- (a) mempertingkatkan pengeluaran makanan untuk penggunaan tempatan khususnya dengan menggunakan tanah-tanah terbiar supaya ianya dapat digunakan secara optimum bagi mendatangkan hasil untuk mengimbangi cukai import bahan-bahan makanan dan buah-buahan dibeli dari luar negara dan seterusnya dapat mengurangkan aliran wang keluar negara; dan
- (b) mempertingkatkan pengeluaran barangan komoditi utama untuk pasaran eksport seperti kelapa sawit, koko, kopi dan seumpamanya bagi melipatgandakan hasil pendapatan luar negara. Antara 450,000 orang pekerja di Sabah, majoritinya berada di sektor pertanian. 2.18 juta hektar tanah di Sabah didapati sesuai untuk menanam dan penternakan, tetapi tanah yang diusahakan baru mencapai 1.1 juta hektar. Sementara 2 juta hektar tanah adalah di bawah penyeliaan kawasan hutan simpanan kerajaan negeri.

Sesungguhnya, pembangunan sektor pertanian mendatangkan keuntungan besar kepada pekerja asing dan majikan tempatan. Program regulasasi yang dijalankan di Sabah pada 1 Mac 1997 hingga 21 Ogos 1997 menunjukkan bahawa ramai pekerja asing datang ke Sabah beberapa kali.

Adalah diharapkan dengan penggunaan kad IN.13 dan pelaksanaan lain-lain peraturan mengenai pekerja asing, beberapa masalah berkaitan dapat diatasi. Namun demikian, pada masa kini kekurangan pekerja di sektor pertanian dianggarkan menjangkau 10,000 orang. Demi untuk perkembangan pembangunan sektor pertanian, saya mencadangkan supaya pembekuan pekerja asing khususnya di sektor pertanian dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sekali-kali berhajat ingin membela pendatang asing. Tetapi memandangkan bahawa banyak hasil tanaman kita telah musnah dan disia-siakan akibat kekurangan gunatenaga untuk mengendalikannya, kita tidak dapat tidak, akan bergantung kepada mereka pada peringkat ini. Adalah dianggarkan nilai hasil tanaman kelapa sawit dan koko yang musnah itu menjangkau RM1 bilion. Kemungkinan besar perangkaan ini akan meningkat lagi kebelakangan ini jika masalah kekurangan gunatenaga tidak diatasi secara berkesan.

Saya mengalu-alukan penurunan kadar bayaran premium insurans bagi pekerja asing dari RM120 ke RM96 dan mulai Februari 1998 ianya dikendalikan melalui syarikat insurans yang diluluskan oleh kerajaan. Saya mencadangkan juga supaya jumlah bayaran insurans di pelbagai sektor pekerjaan dapat dibezakan kerana perbezaan pendapatan yang mereka terima berdasarkan sektor pekerjaan yang berasingan. Contohnya, pendapatan pekerja di sektor pembangunan berbeza daripada pendapatan mereka yang

bekerja di sektor perladangan. Pada masa yang sama saya juga mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia mengkaji semula berkenaan bayaran premium insurans yang berjumlah RM96 terhadap pekerja-pekerja asing yang berpendapatan rendah.

Saya menyokong tindakan FOMEMA yang mengenakan pemeriksaan ketat ke atas pekerja asing di Malaysia untuk membanteras segala penyakit yang berkemungkinan dibawa masuk oleh mereka di negara ini. Namun demikian, peneanaan bayaran pemeriksaan kesihatan sebanyak RM180 bagi pekerja lelaki dan RM190 bagi pekerja wanita amatlah membebankan dengan melandanya kegawatan ekonomi sekarang. Adalah diharapkan agar FOMEMA dapat mengkaji semula jumlah bayaran tersebut kerana mereka telah pun diliputi oleh perlindungan insurans kemalangan peribadi RM10,000 yang dimasukkan di dalam Skim Insurans Pekerja. Di samping itu, ramai di antara mereka yang berumah tangga mempunyai anak ramai tidak berupaya menjelaskan bayaran tersebut kerana kesempitan kewangan.

Dalam hubungan ini, pekerja asing yang berumah tangga patutlah sebagai tenaga pekerja yang stabil serta diberi kelonggaran yang wajar. Walaupun demikian, kepentingan keselamatan negara dalam kegawatan ekonomi ini tetap tidak boleh dikompromikan. Kemasukan pendatang asing secara besar-besaran ke Sabah khususnya, mereka yang datang tanpa izin memerlukan kawalan yang lebih ketat dan rapi lagi. Tragedi percubaan

rompakan di Tawau pada 27 Januari 1998 yang melibatkan tujuh perompak bersenjata api ditembak mati dan lima perompak bersenjata api di pusat hiburan di Kota Kinabalu juga ditembak mati serta pembunuhan lanun di Semporna perlu dijadikan satu pengajaran bagi kita bahawa pengambilan buruh asing membabitkan kos sosial yang berat.

Memandangkan Tawau ini adalah pintu masuk utama ke Malaysia dari Pulau Sebatik, Nunukan dan Kalimantan Timur, saya menyeru supaya Kerajaan Malaysia menambahkan lagi kerahan bilangan anggota Pasukan Keselamatan khususnya polis dan polis marin bagi mengetatkan lagi langkah-langkah kawalan keselamatan di sempadan negara kita khususnya untuk melaksanakan pemeriksaan rapi di perairan Tawau. Saya yakin ini akan juga membendung kemasukan najis dadah dan penyeludupan senjata api yang boleh mengancam keselamatan negara kita.

Sesungguhnya, usaha kawalan ketat di perairan dan pintu masuk ke Malaysia ini lebih mudah dan lebih murah kosnya berbanding dengan usaha mengawal mereka setelah mereka mendarat dan bertapak di Sabah. Pada keseluruhannya keberkesanan operasi kerajaan terhadap pendatang asing semata-mata bergantung kepada pemuafakatan kita dengan negara jiran kita khususnya dalam usaha membanteras border crossing atau aktiviti melintasi sempadan tanpa dokumen yang sah. Sanjungan harus diberi kepada polis, polis marin, Pasukan Petugas Khas dan jabatan berkenaan atas usaha mereka untuk

mencegah kemasukan pendatang-pendatang asing selama ini, khususnya kebelakangan ini usaha pengawalan didapati berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua mengenai syabu. Perniagaan soal mendapatkan syabu di Sabah telah saya timbulkan di Dewan yang mulia ini sejak tiga tahun lalu. Tangkapan terbesarnya melibat 258 gram syabu. Menyingkap kembali kepada sejarah, terdapat satu serbuan yang dianggarkan bernilai RM258,000 di Tawau pada 16 Oktober 1996. Syabu ini meth and fatermin sebenarnya sangat merbahaya dengan cocaine dan perlu diletakkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Sayangnya kes syabu setakat ini masih diklasifikasikan di bawah Akta Kawalan Racun. Oleh yang demikian, saya menyokong penuh agar syabu diletakkan di bawah Akta Dadah Berbahaya yang membawa hukuman mati mandatori kepada sesiapa yang didapati bersalah memiliki syabu 15 gram seperti yang diperkenalkan sejak Januari 1998.

Rampasan syabu terbaru yang menggemparkan Sabah berlaku di Enanam di mana ianya juga dikaitkan dengan pemilikan senjata api dan percubaan rompakan bersenjata. Sementara itu, seorang pengedar dadah belia asing juga ditangkap di Lahad Datu kerana memiliki 50 bungkus syabu. Manakala di Labuan 60.5 gram syabu telah dikesan daripada sekumpulan 16 orang. Semua ini berlaku selepas pindaan rang undang-undang baru mengenai syabu dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa anasir-anasir jahat tidak takut kepada hukuman berat yang dikenakan, malah penagih syabu mengadakan parti untuk menghisapnya secara beramai-ramai. Tahap penyalagunaan dadah berjenis syabu di Sabah jelas terbukti dengan pesat meningkatnya perangkaan kes-kes yang dilaporkan. Tahun ini dalam bulan Januari dan Februari, dua

bulan sahaja sebanyak 1,379 gram syabu telah dirampas berbanding dengan 1,178 gram pada tahun 1996 dan 1,501 gram pada tahun 1997.

Justeru itu, saya menyokong mencadangkan supaya hukuman lebih berat dikenakan kepada penagih syabu dan pengedarnya seperti dimaklumi melalui media massa atau radio dan televisyen. Adalah diharapkan bahawa tindakan ini dapat mencegah pelajar sekolah daripada terpengaruh dengan kegiatan negatif ini. Pihak berkuasa patut mengetatkan penguatkuasaan undang-undang pencegahan pengedaran dadah di sepanjang pantai Sabah, kerana penyeludupan syabu ke Sabah kebanyakannya berpunca dari Selatan Filipina dengan melalui Sandakan, Tawau, Labuan dan Kota Kinabalu yang selama ini dijadikan pintu masuk utama.

Saya mengucapkan syabas kepada Ketua Polis Daerah Labuan Tuan Sedin Abdul Karim kerana mengambil tindakan tegas untuk menjadikan Labuan sebuah pulau bebas syabu bahkan pulau antidadah. Saya ingin juga mengesyorkan agar pihak berkuasa kita mengeratkan lagi hubungan kerjasama (networking) dengan pihak berkuasa kerajaan Filipina untuk membanteras kegiatan penyebaran syabu. Di samping itu kempen membangkitkan kesedaran rakyat mengenai hukuman berat kepada pesalah-pesalah perlu disebarikan kepada segenap lapisan masyarakat secara berkesan. 'Antidadah' sesungguhnya tidak harus tinggal slogan yang kosong semata-mata. Ianya hanya akan membawa pengertian yang bermakna sekiranya usaha untuk membanteras najis dadah diberi nafas yang baru dan komitmen yang ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga dalam bidang pelancongan. Saya menyokong penuh agar cadangan usul Yang Berhormat Dato'



Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia untuk mempertingkatkan lagi usaha promosi dan penerokaan potensi pelancongan di kalangan pelancong-pelancong Asian dan Eropah mengenai negara kita. Tindakan menggalakkan pelancongan dalam negeri juga merupakan langkah yang bijak dan menguntungkan negara khususnya dalam kegawatan ekonomi negara sekarang. Sabah seharusnya boleh memainkan peranan utama untuk menjadi pusat tarikan pelancongan dan seterusnya menambah pendapatan negara kerana Sabah salah sebuah negeri yang mempunyai keunikan alam semulajadi yang terbaik di Malaysia. Keindahan semulajadi ini mempunyai daya tariknya terhadap pelancong dalam negeri dan antarabangsa. Saya sentiasa mempromosikan kecantikan dan keunikan Sabah di mana-mana sahaja. Kini terdapat lebih daripada 6000 bilik hotel untuk menampung keperluan penginapan para pelancong dalam dan luar negara.

Perkara yang menghalang kemasukan pelancong beramai-ramai ke Sabah hanyalah kadar tambang penerbangan yang mahal. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar kadar tambang penerbangan yang lebih murah perlu diperkenalkan bagi menggalakkan lebih ramai penduduk tempatan melancong ke Sabah dan membangunkannya sebagai satu pusat tumpuan pelancong di Malaysia bahkan di rantau ini. Saya difahamkan bahawa terdapat 19 penerbangan antarabangsa diberikan hak untuk mendarat di Kota Kinabalu International Airport tetapi malangnya ia tidak memanfaatkan ke Sabah. Saya

mencadangkan supaya Sabah agar berpeluang menikmati faedah dan keuntungan dari kunjungan 7 juta pelancong antarabangsa yang berulang-alik ke Singapura, Hong Kong, Taiwan, Tokyo dan Osaka melalui Kota Kinabalu. Di samping itu ekoran kegawatan ekonomi, kadar harga tambang penerbangan adalah semakin kompetitif, namun ianya lebih murah untuk rakyat di Semenanjung berkunjung ke Thailand, Indonesia, Hong Kong atau Australia berbanding dengan kadar tambang dari Semenanjung ke Sabah. Oleh itu saya pernah menyeru berulang kali di Dewan yang mulia ini dan mencadangkan supaya kadar tambang penerbangan tempatan di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu diturunkan untuk menggalak dan meningkatkan lagi usaha-usaha mempromosikan pelancongan dalam negeri dan seterusnya untuk memantapkan lagi intergrasi nasional di kalangan rakyat Malaysia di Semenanjung dan di Sabah.

Anomali sedemikian sesungguhnya merupakan faktor penghalang utama terhadap pembangunan pelancongan dalam negeri. Kegawatan ekonomi yang kini melanda negara kita bahkan seluruh rantau ini telah mendesak kita agar berikhtiar dengan sedaya upaya kita untuk membendung atau sekurang-kurangnya mengurangkan pengaliran keluar mata wang asing kita. Pelancongan tempatan merupakan satu-satunya sektor yang perlu kita tumpukan dengan usaha bersepadu lagi menyeluruh, tetapi segala usaha ke arah ini tidak akan berhasil sekiranya rakyat Malaysia kita tidak mengubah

kecenderungan konsumerisme kita yang lebih meminati pelancongan ke seberang laut. Tidaklah mustahil ramai di kalangan rakyat kita khususnya di Semenanjung lebih mengenali destinasi-destinasi pelancongan di seberang laut berbanding dengan destinasi di negeri Sabah.

Selagi kadar tambang penerbangan di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu, Sabah tidak kompetitif, maka selama itulah pelancongan dalam negeri khususnya di negeri Sabah akan kekurangan daya tariknya terhadap pelancong-pelancong tempatan dari Semenanjung. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian terima, kasih.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Libaran.

**5.07 ptg.**

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan usul menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong pada Pembukaan Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan pada minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong langkah kerajaan untuk menggabungkan bank-bank yang menghadapi masalah pengaliran wang tunai (cash flow) dengan bank-bank yang lebih kukuh agar penyimpan tidak kehilangan wang simpanan mereka sekaligus mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pengurusan bank-bank di negara ini yang masih perlu dibaiki pengurusannya berbanding dengan bank-bank negara jiran, Hong Kong, Taiwan, China yang mempunyai lebih dagangan yang besar dan simpanan pertukaran wang asing yang besar juga.

Tuan Yang di-Pertua, konglomerat terkemuka Sime Bank Berhad akhirnya mengakui kegagalannya dalam industri perbankan. Kerugian sebanyak 1.8 bilion yang dialami Sime Bank begitu memeritkan sehingga memaksa syarikat gergasi itu melepaskan bank yang dimiliki sejak dua tahun lalu kepada Rashid Hussain Berhad, Sime Bank masih memerlukan 1.2 bilion modal baru bagi meneruskan operasi. Kes Sime Bank barangkali mengingatkan banyak pihak kepada beberapa skandal yang berlaku sepanjang tahun 1980-an apabila terdapat bank-bank yang mengalami kerugian besar akibat pengurusan yang lemah di samping pecah amanah. Dalam tempoh itu, Malaysia kerugian lebih 6 bilion melalui pelbagai skandal khususnya dalam sektor kewangan seperti skandal BMF yang menyebabkan Malaysia rugi 2.2 bilion. Skandal besar lain ialah PNL Malaysia dan Singapura rugi berbilion ringgit, skandal Perwira Habib Bank 600 juta ringgit dan skandal Bank Pusat Kerjasama (CCB)

663 juta ringgit. Selain di peringkat bank, beberapa persoalan turut timbul terhadap operasi di anak syarikat itu iaitu firma broker saham Sime Securities. Perkara utama yang dipersoalkan ialah bagaimana firma broker saham itu boleh menghulurkan kredit yang begitu banyak kepada seorang ahli perniagaan dan syarikat yang bersekutu dengannya.

Pada pandangan saya, rakyat harus tahu siapa mereka itu. Orang-orang yang menjatuhkan sebuah bank harus diumumkan, begitu juga kalau ada penyelewengan dalam bank berkenaan hingga menyebabkan bank itu rugi teruk harus dibawa ke muka pengadilan. Bagi orang-orang biasa untuk meminjam 5000 ringgit terpaksa melalui pelbagai kesulitan termasuk mengisi begitu banyak borang dan mencari begitu ramai penjamin. Tetapi ada orang-orang tertentu yang dengan mudah meminjam berjuta-juta ringgit dan akhirnya tidak boleh membayar. Mereka inilah yang selalu terlepas sedangkan rakyat kecil yang meminjam jumlah yang kecil tadi dicari hingga ke lubang cacing. Kerajaan mesti membuktikan ketelusannya dalam soal ini. Kalau betul mereka menjadi petualangnya dedahkan mereka sebab dalam keadaan ekonomi yang gawat macam sekarang ini, merekalah yang menambah keburukan pada keadaan yang sememangnya sedia buruk.

Tuan Yang di-Pertua, soal Perwaja. Saya meminta agar kerajaan mengambil tindakan segera undang-undang untuk mendakwa yang terbabit sehingga mengakibatkan Perwaja mengalami kerugian sebanyak 2.5 bilion.

Walaupun laporan siasatan mengenai penyelewengan itu yang dijalankan oleh BPR sudah selesai dan diserahkan kepada Peguam Negara tetapi rakyat masih tertanya-tanya apakah tindakan susulan daripada kerajaan. Kerugian yang dialami oleh Perwaja adalah paling pahit dan perlu dijadikan iktibar oleh mana-mana syarikat gergasi lain di negara ini. Kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk mengikut lunas-lunas undang-undang untuk mendedahkan identiti mereka yang terbabit untuk diheret ke mahkamah supaya rakyat tahu siapa mereka yang melakukan penyelewengan dan tidak amanah itu. Justeru itu saya ingin tahu ke manakah hilangnya Tan Sri bekas Pengerusi Perwaja Tan Sri Eric Chia dan jangan ada sebarang kekebalan untuk mempertahankannya. Eric Chia adalah seorang rakyat Malaysia yang sama tarafnya dengan orang ramai dan tidak harus diberi kekebalan.

Saya berharap supaya kes ini segera dihadapkan ke mahkamah supaya kita dapat mempertahankan kredibiliti kerajaan yang selama ini terkenal dengan ketelusan yang ada. Saya juga ingin menyentuh tentang pinjaman sebanyak 700 juta KWSP kepada Perwaja untuk membayar balik hutang kepada Arab Malaysian Merchant Bank Berhad awal tahun ini. Saya berharap agar kerajaan membuat pengawasan yang teliti terhadap kelulusan pinjaman ini. Pinjaman ini perlu dibuat berasaskan perniagaan bukan kerana lain-lain faktor. Wang ini adalah wang rakyat terutama pekerja-pekerja yang dicarumkan wang mereka ke dalam KWSP hendaklah diberi keutamaan supaya wang ini tidak hanya mendapat pulangan yang kecil. Sebagai contoh, KWSP hanya memberi dividen sebanyak 6.57% berbanding dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang memberi dividen lebih daripada 11%. Kalau kita menyalahkan

kegawatan ekonomi maka portfolio dana yang dilaburkan oleh KWSP tidak memberikan pulangan yang baik, tetapi bagaimana pula keuntungan yang diperolehi oleh LTAT yang masih mampu memberi dividen tinggi. Saya berharap kerajaan dapat memberi penjelasan yang konkrit dan positif terhadap isu ini kerana kita kluatir atas tindak tanduk lembaga pelaburan KWSP yang suka dan gemar memberi pinjaman kepada syarikat yang keuntungannya diragui.

Justeru itu, saya berpendapat bahawa dalam soal KWSP ini yang banyak memberi pinjaman kepada syarikat yang tidak memberi banyak keuntungan maka saya memohon agar kerajaan berbincang dengan KWSP agar pencarum-pencarum yang beragama Islam ini yang genap 45 tahun dapatlah mengeluarkan wang mereka untuk menunaikan fardu haji. Jangan sampai wang-wang pencaruman ini lenyap begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong sepenuhnya cadangan Pergerakan Pemuda UMNO agar kerajaan mendedahkan identiti syarikat dan orang-orang perseorangan yang mensabotaj ekonomi negara kerana membawa keluar kira-kira RM20 bilion wang dan disimpan di negara asing terutamanya Singapura.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat iaitu mendedahkan mereka. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya juga bahawa setakat

mendedahkan sahaja tak cukup. Kalau boleh, bolehkah mereka ini disenaraihitamkan dan jangan lagi peluang-peluang yang ada di Malaysia ini diberi kepada mereka kerana saya menganggap mereka ini sebagai pengkhianat kepada negara. Dalam perjuangan mereka ini dianggap sebagai pengecut. Jadi, Yang Berhormat bersetuju tak, maknanya kita minta ketegasan kerajaan supaya orang-orang yang membawa keluar duit di saat-saat kita menghadapi masalah ini harus disenaraihitamkan daripada segala peluang dan nikmat yang terdapat di negara kita ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Ya, saya bersetujulah, memang pun saya hendak bersama tetapi Yang Berhormat minta laluan, saya berilah.

Orang-orang perseorangan yang mensabotajkan ekonomi negara kerana membawa keluar berbilion ringgit dan disimpan di negeri asing terutama Singapura, semasa negara ini sedang mengalami krisis mata wang yang teruk, mereka ini hendaklah dikenakan hukuman yang setimpal dengan perbuatan mereka, termasuk menyenaraihitamkan nama-nama mereka dari mendapat sebarang kontrak yang melibatkan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sedang kita menghadapi krisis mata wang yang teruk dan kejatuhan ekonomi, kita juga bertarung hebat dengan pendatang-pendatang haram dari negara-negara jiran terutama dari Indonesia, Filipina dan Bangladesh yang datang bertali arus ke negara ini kerana lari dari masalah ekonomi yang teruk melanda negara-negara mereka. Saya menyarankan agar



melipat-gandakan lagi kawalan-kawalan di perairan antara Malaysia, Indonesia dan Filipina serta di sempadan-sempadan di mana senang dibolosi oleh penceroboh-penceroboh ini.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri yang melancarkan Operasi Nyah bersepadu secara besar-besaran, menunjukkan betapa seriusnya usaha kerajaan menentang pembolosan haram pendatang asing tanpa izin. Soal keselamatan negara juga amat penting diperhatikan kerana ia melibatkan soal kedaulatan negara . Oleh itu soal penghijrahan yang tidak diresdusi ini harus dikekang habis-habisan. Mana ada negara di dunia ini yang membiarkan negaranya dimasuki sesuka hati oleh orang asing. Operasi Nyah bersepadu yang melibatkan semua pihak termasuk angkatan tentera, polis, malah nelayan dan kapal-kapal perdagangan Malaysia yang belayar di Selat Melaka dijangka mampu mengurangkan penghijrahan beramai-ramai itu.

Sebagai rakyat Malaysia kita berharap gerakan seumpama ini dapat diteruskan secara agresif dalam tempoh masa gawat ini bagi menjamin kestabilan kita semua. Kita mungkin tidak mahu melihat rakyat kita terpaksa bersaing dengan pendatang asing, yang pada masa itu pun telah memenuhi ke segenap penjuru negara. Malah di kawasan yang terhulu dan terceruk di negara ini pun kita boleh bertemu dengan Indon, Bangla, Myanmar, Filipina apa lagi

menjalankan kegiatan mereka tanpa gangguan. Kita dikenali sebagai bangsa pemurah tapi sampai bila, itulah yang kita khawatirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai harga barangan yang terlalu mahal di negeri Sabah berbanding di Semenanjung. Barangan tersebut meliputi daging, buah-buahan, sayur-sayuran, pelbagai jenis ikan, telur, arak, ayam, barangan kering, pelbagai jenis minuman beroksida dan tidak beroksida, susu, minyak, kelapa sawit, berbagai-bagai jenis pakaian termasuk kasut dan banyak lagi. Harga barangan yang tinggi ini menyusahkan rakyat terutamanya mereka dari golongan berpendapatan rendah. Bukan itu sahaja bahkan mereka yang berpendapatan sederhana sekalipun setengah-tengahnya kadangkala tidak mampu membeli barangan keperluan seharian mengikut pemakanan seimbang. Ini disebabkan selain daripada mempunyai tanggungan yang ramai dan membayar sewa atau bayaran bulanan hutang rumah yang tinggi, mereka juga terpaksa membayar yuran sekolah dan harga buku-buku tambahan anak-anak mereka yang mana hampir setiap tahun semakin meningkat harganya.

Tuan Yang di-Pertua, makanan merupakan keperluan asas manusia. Tanpa mengambil pemakanan yang seimbang seseorang itu terutamanya kanak-kanak tidak akan dapat menikmati taraf kesihatan yang tinggi, justeru itu produktiviti kerja mereka juga tidak tinggi. Bagi kanak-kanak dan mereka yang menuntut di sekolah-sekolah, kesan daripada pemakanan yang tidak seimbang

ini akan menjejaskan sama ada pembesaran fizikal atau mental mereka. Akibatnya mereka yang menuntut itu tidak dapat menikmati pencapaian akademik yang cemerlang sebagaimana yang diharap-harapkan oleh negara bagi menghadapi Wawasan 2020.

Untuk melaksanakan rancangan menurunkan harga barangan di Sabah ini, di sini saya ingin memberi saranan kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengambil beberapa langkah dengan segera, dan di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menimbangankan memberi subsidi tambang kapal yang membawa barangan dari Semenanjung ke Sabah;
- (ii) pegawai-pegawai Penguatkuasaan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri hendaklah sentiasa mengawasi harga barangan kawalan bagi memastikan semua peniaga mematuhi;
- (iii) perbanyakkan lagi barangan yang tersenarai di dalam senarai barangan kawalan yang sedia ada;
- (iv) syarikat-syarikat dari luar khususnya dari Semenanjung yang ingin melabur dalam sektor makanan di negeri Sabah hendaklah diberi pelbagai insentif agar syarikat-syarikat tersebut terus berminat untuk melabur di negeri tersebut sekaligus dapat menambah sumber makanan serta menurunkan harga barangan termasuk makanan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong usul ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong

**5.23 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan usul ini dengan perasaan yang bingung kerana pada 17 Oktober tahun lepas, Belanjawan 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan menganggarkan pertumbuhan ekonomi sebagai 7%. Pada 5 Disember tahun lepas belanjawan kecil yang pertama mengirakan kadar pertumbuhan 4% hingga 5%. Pada 24 Mac tahun ini belanjawan kecil yang kedua memperhitungkan pertumbuhan 2% hingga 3%. Strategi yang terkandung dalam Belanjawan 1998 tidak menarik minat dalam dan luar negara. Nilai Ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur, terus merosot. Belanjawan kecil yang pertama mendatangkan kesan baik sedikit; Ringgit naik daripada RM4.83 kepada RM3.39 sekarang melambung pada tahap RM3.60 dan tahap ini akan beransur pulih.

Tuan Yang di-Pertua, Indeks Komposit BSKL melambung daripada bawah 500 kepada lebih 700 point. Dan ini juga saya berharap akan beransur pulih pada masa yang singkat.

Kerat-kerat kayu di ladang;

Hendak dibuat hulu cangkul;

Berapa berat mata memandang;

Berat lagi bahu memikul.

*'Pantun Bunga Rampai'.*

*[Ketawa]*

Walaupun belanjawan kecil yang kedua masih kurang menggemari dunia, Ringgit dan BSKL turun sedikit dan ada berubah-ubah, kita berharap ia akan membawa lebih keyakinan. Kalau tidak, Menteri Kewangan mungkin terpaksa mengemukakan belanjawan kecil yang ketiga tahun ini.

Yang nyatanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah terdapat krisis keyakinan dan krisis ekonomi yang disifatkan oleh sesetengah orang sebagai paling teruk yang pernah dialami oleh negara ini sejak Perang Dunia Kedua. Seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat. Perdana Menteri, pada tahun-tahun 1985 dan 1986, adanya kemelesetan ekonomi tetapi nilai mata wang tidak turun. Kini ekonomi global membawa erti yang berlainan, faktor-faktor luaran seumpama spekulator dan mekanisme pasaran tukaran asing kurang sempurna serta faktor-faktor dalamam mengakibatkan kegawatan kewangan.

Krisis yang melanda Asia Tenggara dan Korea Selatan ini berbahang ke seluruh dunia terutamanya negara-negara miskin. Dalam laporan tentang Global Development Finance, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Bank Dunia telah menyemak semula unjuran-unjuran pertumbuhan dunia daripada 3.1% ke-

2.6%. Pelaburan dan bantuan dari negara-negara kaya ke negara-negara miskin akan turun. Tahun lepas, pelaburan swasta di negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana ialah US\$256 bilion, enam kali ganda berbanding dengan belanjawan bantuan rasmi.

Dengan izin, Tuan Yang Di-Pertua, *“This is a year where we saw not just the opportunities but also the risks of international capitals flows,”* said Mr Joseph Stiglitz, the World Bank’s chief economist”. *“The East Asian crisis and its worldwide ramifications reminds us of risks that private capital poses for all countries.*

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan daripada *The Guardian, United Kingdom dan Sydney Morning Herald* pada 26 Mac 1998, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *‘The World Bank forecasts the three of the five countries involved in the crisis – Indonesia, Thailand and South Korea – will suffer economic contraction or zero growth this year, while growth rates in Malaysia and the Philippines will fall sharply.*

*Third World countries not involved in the original crisis will also suffer from the fall-out, according to the bank, as investors lump them with the countries in trouble.*

*Long-term investment flows to developing countries may fall in 1998.*

*Official aid from Western governments, which remains the most important source of development finance for the poorest countries, declined*

*last year to US\$37.3 billion, a drop in real terms of 12.3 per cent on the previous year, and the fifth year in a row that grants and soft loans to the most countries have declined. And budgets are nearly a third lower in the past 10 years in real terms.*

*There is a real danger that ..... we are reaching such new lows that we will not be able to provide the development needs of the world's poor",* said a World Bank spokesman.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan kegawatan ekonomi rantau ini bukan sahaja menjejaskan negara ini bahkan juga di seluruh dunia dan disebabkan, Tuan Yang di-Pertua, sudah menghadkan masa saya akan buat kesimpulan sebelum saya teruskan ucapan saya. Saya mempercayai bahawa:

- (1) Suruhanjaya siasatan hendaklah diadakan untuk menyiasat secara menyeluruh permasalahan campur tangan politik dalam urusan perniagaan kerana campur tangan ini sudah menjadi satu masalah yang serius.
- (2) Kita mesti bantu Indonesia, bantu Indonesia untuk memulih ekonominya kerana falsafah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah betul kerana kita mesti membantu jiran kita untuk kita bersama-sama menjadi lebih maju dan lebih kaya.
- (3) Kita mesti hantar balik pendatang tanpa izin (PTI) dengan cara perikemanusiaan sambil memelihara keselamatan rakyat kita. Kita mesti

jaga ahli-ahli polis supaya tidak diserang oleh pihak pendatang tanpa izin.

- (4) Kita mesti adakan siasatan terhadap peristiwa rusuhan di kem tahanan pertahanan PTI di Semenyih pada 26 Mac 1998. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengatakan bahawa kita mengambil tindakan kerana pihak pendatang menyerang ahli polis sehingga mati. Ini satu langkah mempertahankan diri.
- (5) Kita mesti siasat punca pergaduhan di antara para penganut Islam dan Hindu di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada 28 Mac 1998.
- (6) Tuan Yang di-Pertua, bekalan air dan catuan air di banyak negeri di Malaysia terutamanya di Lembah Klang perlulah diuruskan dengan berkesan, dan adil. Kerajaan mestilah mengira semula, kos dan keuntungan projek yang baru, Projek Loji Air Wangsa Maju kerana RM137 juta yang dianggarkan itu terlalu tinggi kerana pada pihak yang lain anggaran itu tidak lebih daripada RM70 juta untuk loji yang baru di Wangsa Maju.
- (7) Kita mesti adakan kempen usaha yang lebih untuk menggalak Amerika Syarikat dan Jepun bagi membantu menstabilkan ekonomi di rantau ini kerana Amerika Syarikat merupakan ekonomi yang terbesar di dunia dan Jepun yang kedua terbesar. Mereka kedua-dua belum lagi mengambil tindakan yang lebih untuk menstabilkan ekonomi di rantau ini.



- (8) Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya pada bulan Julai tahun ini.
- (9) Hukuman yang seberat-beratnya termasuk pemenjaraan mandatori terhadap pemilik dan pengurus bank yang menyeleweng. Walaupun susah- payah hendak menangkap pemilik dan pengurus bank yang menyeleweng, kita mesti berusaha untuk menangkap mereka dan hendaklah dikenakan hukuman yang seberat-beratnya.
- (10) Kementerian Pertanian mestilah menyiasat monopoli BERNAS dan anak-anak syarikatnya dalam semua urusan jualan beras di negara ini sama ada monopoli ini sudah mengakibatkan harga beras melambung naik.
- (11) Kementerian Kewangan perlu memastikan majikan-majikan membayar caruman kepada KWSP dan seterusnya mengkaji masalah seperti Syarikat Tekala Sdn. Bhd. di Sabah. Syarikat ini dikatakan tidak membayar caruman kepada pekerja-pekerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, jiran kita Indonesia yang mempunyai kependudukan lebih daripada 200 juta adalah negara yang penting di rantau ini. Sekiranya ekonomi Indonesia terus terjunam ia akan sentiasa membahang rantau ini. Kesan-kesannya bukan sahaja ratusan ribu pendatang tanpa izin

yang mencero bohi Malaysia dan Singapura bahkan juga kestabilan ekonomi negara-negara ASEAN akan terjejas.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengunjungi Indonesia untuk membincangkan krisis ini, ini satu langkah yang betul. Kita berharap usaha ini ditingkatkan untuk mencari jalan membantu Indonesia supaya ekonominya baik kembali. Jika perniagaan yang menggunakan mata wang negara-negara ASEAN masing-masing boleh mengurangkan tekanan sedikit sebanyak, itulah kita perlu melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seruan saya supaya kita mengenakan cara-cara perikemanusiaan ke atas ratusan ribu pendatang haram terutamanya daripada Indonesia, saya berharap Tuan Yang di-Pertua, satu siasatan diadakan untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya mengenai peristiwa di mana ada seorang ahli pasukan polis terkorban dan lapan orang pendatang tanpa izin mati. Kita pun tidak tahulah apa sebenarnya yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan siasatan yang menyeluruh dilangsungkan untuk mengenal pasti punca berlakunya pergaduhan di Kampung Rawa dan cara-cara yang boleh diambil sebelum terletupnya peristiwa ini. Terpenting sekali Tuan Yang di-Pertua, kerana bekalan air di Selangor, di Lembah Klang dan di beberapa negeri sudah terjejas dan setelah menerima arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menemui wakil-wakil daripada pihak yang terlibat dengan masalah air semalam. Beliau berkata sekali lagi dalam pengalaman ini, ia berlaku kerana tidak ada langkah-langkah segera untuk mengatasinya. Beliau mengingatkan semua pihak supaya menangani sesuatu permasalahan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat berpendapat bahawa walaupun kita mengakui bahawa masalah ini berpunca daripada kemarau yang panjang dan kekurangan air di kawasan tadahan, namun saya terpaksa melahirkan rasa kurang puas hati dengan langkah-langkah yang diambil sebelum ini. Beliau telah mengarah tambahan 68 buah lori yang berbelanja sejumlah RM10 juta untuk sebulan membekalkan air ke kawasan yang menghadapi masalah dan 50 pegawai Syarikat Puncak Niaga Sdn. Bhd. akan membantu Jabatan Kerja Air untuk memberi penerangan kepada orang ramai mengenai jadual penghantaran dan pengagihan air setiap hari, ini memang dialu-alukan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, isu kekurangan air pada 19 tahun ini telah diketahui pada tahun 1996 lagi semasa Puncak Niaga mengambil alih 27 loji air dan Telework Consortium memperolehi loji Sungai Selangor Fasa 1. Selepas Yang Amat Berhormat Dato' Abu Hassan menjadi Menteri Besar Selangor, beliau melancarkan Kempen Menjimatkan Air terutamanya pada tahun 1997.

Difahamkan bahawa Jabatan Kerja Air Selangor kekurangan kakitangan untuk menangani masalah kehilangan air disebabkan kebocoran, kecurian, pembaziran dan sebagai non-revenue water (NRW), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang meningkat ke 30% hingga 40% daripada jumlah air yang dibekalkan. Pencemaran dan penghapusan pokok-pokok di kawasan tadahan air termasuk Sungai Langat terus berlaku kerana Tuan Yang di-Pertua pun tahu di kawasan Langat - entahlah berapa pokok ditebang.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya haruslah memberitahu apakah yang telah dibuat olehnya untuk mengatasi masalah air kerana dahulu 2 tahun yang lepas, dia telah pun tahu ini akan berlaku pada tahun 1998, kita akan mengalami kekurangan air. Kerana pelbagai faktor termasuk pencemaran kawasan tadahan air dan projek air Fasa II di Sungai Selangor ditunda kekurangan air melanda Lembah Klang dan negara ini. Masalahnya berlaku di Pahang, Sarawak, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Lembah Klang. Catuan air telah diadakan di 350 kawasan Lembah Klang dengan lebih 600,000 penduduk terlibat.

Air adalah sejenis komoditi yang perlu sentiasa dijamin, kekurangannya boleh menimbulkan rusuhan atau perang di antara negara, mujurnya rakyat Malaysia bersabar. Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha hendaklah diadakan untuk mengatasi bencana ini. Yang Berhormat Menteri Penerangan sebagai pengerusi Pengurusan Jawatankuasa Bencana Kebangsaan mestilah tampil ke

hadapan untuk membantu dengan langkah-langkah yang berkesan kerana ini satu bencana juga. Sementara itu penyelarasan yang efektif haruslah diadakan di antara Kementerian Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air, setiap kerajaan tempatan dan Kementerian Penerangan untuk memastikan rangsuman air dijalankan dengan adil.

Tuan Yang di-Pertua, difahamkan bahawa satu projek loji penapisan air baru akan diadakan di Wangsa Maju dengan anggaran perbelanjaan RM137 juta. Ia boleh mengeluarkan 45 juta liter air sehari. Satu perhitungan kos dan keuntungan bagi projek ini adalah selebih-lebihnya RM70 juta. Jadi, dianggar oleh pihak yang berkenaan sudah dua kali ganda.

Saya berharap kerajaan mengira semula kos dan keuntungan projek tersebut dan seterusnya memastikan hanya syarikat yang benar-benar layak mendapat tender ini. Proses penswastaaan air akan diteruskan pada Jun tahun ini, Puncak Niaga akan mengambil alih Jabatan Kerja Air Selangor. Apakah akan terjadi dengan bekalan air untuk jangka-jangka masa pendek dan panjang. Saya mengesyorkan supaya satu kertas putih dibentangkan di Dewan ini pada bulan Julai 1998. Sebelum ini satu penerangan Menteri Kerja Raya mestilah diadakan pada sesi ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kemelesetan ekonomi beberapa tahun Amerika Syarikat yang merupakan ekonomi yang terbesar di dunia telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi dan Indeks Dow Jones telah mencecah

8,600 mata. Saya mengulanginya di sini bahawa jika Dow Jones terjatuh dan saya berpendapat Dow Jones akan jatuh dengan dahsyat mungkin tidak lama lagi. Jika ini berlaku apakah langkah yang diambil oleh Malaysia kerana implikasi dan konsekuensinya adalah sangat buruk kepada dunia termasuk Malaysia dan kita mesti sediakan payung sebelum hujan. Sementara itu, kerajaan elok mencari jalan untuk menggalakkan Amerika Syarikat menolong menstabilkan ekonomi di rantau ini. Jepun adalah ekonomi yang kedua terbesar di dunia. Terdapat kemerosotan ekonomi Jepun selama hampir 10 tahun tetapi rizab pertukaran asingnya masih US\$220 bilion kerana sistem perbankan yang lemah lebih teruk kalau berbanding dengan Malaysia, sistem perbankan Malaysia lebih baik daripada di Jepun. Kita mesti boleh akui, boleh terima kita lebih baik daripada Jepun. Jumlah hutang lapuk di bank-bank Jepun adalah lebih daripada US\$600 bilion, US\$630 bilion, ini satu angka yang raksasa. Dalam beberapa bulan ini Jepun telah mengadakan pakej yang kelima sebanyak US\$124 bilion untuk merangsangkan ekonominya, nampaknya tidak begitu berkesan.

Walau bagaimanapun, kita berharap sistem perbankan Jepun dan ekonominya akan pulih. Setakat ini Jepun pun belum memainkan peranan yang cukup untuk menstabilkan ekonomi rantau ini. Kerajaan hendaklah berikhtiar untuk melibatkan Jepun dengan bersungguh-sungguh bagi memulihkan ekonomi di rantau ini. Dalam pada itu kerajaan mestilah

melancarkan satu kempen antarabangsa untuk membawa reformasi pasaran pertukaran asing di dunia, dan apa yang dimulai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa bulan yang lepas untuk membincangkan tokoh-tokoh dunia bagi mendatangkan reformasi-reformasi pasaran tukaran asing memang satu langkah yang perlu ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dunia telah menilaikan Ringgit Malaysia dengan kurang (*under value*) dan ekonomi Malaysia akan pulih, itu memang kita pasti menerima satu hakikat bahawa ekonomi kita mesti akan pulih dan selepas pulihnya kita akan menjadi lebih kuat lagi berbanding dengan masa yang lepas, walaupun terdapat kelemahan-kelemahan yang tertentu sekarang. Bilakah pemugaran akan terlihat, kita tidak tahu sambil mengharapkan kerajaan mengambil tindakan yang tegas, yang berkesan, kita berharap kelemahan-kelemahan yang wujud di negara ini dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, pada 25 Mac 1998 Yang Berhormat Tanjong sudahpun menyentuh banyak perkara, saya tidak akan mengulangi apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Tanjong seperti telah saya sebutkan sesi Julai lepas di Dewan yang mulia ini. Krisis ini adalah disebabkan faktor-faktor luaran dan dalaman. Selain daripada spekulator-spekulator yang diperolehi dan beribu bilion dolar Amerika dan mencari keuntungan dengan cepat, faktor-faktor semacam ketidakinsafan erti globalisasi, rasuah, pembaziran, pilih kasih, pita merah (*red tape*) dan kekurangan dasar, kesan

pekerja asing adalah penting, dan saya mengulangi bahawa walaupun semalam ada jawapan daripada Kementerian, Timbalan Menteri Kewangan yang mengatakan IMF lah yang menggalakkan, menasihatkan kita jangan ada simpanan rizab yang banyak. Saya tak setuju, bagaimana IMF boleh menghalang kita mengurangkan rizab kita, itu tidak munasabah. Walhal di Singapura, mereka tak halang, di Taiwan mereka tak halang, di Hong Kong mereka tidak mengambil tindakan. Di Hong Kong rizab tinggi tetapi IMF tidak campur tangan, dengan Malaysia mereka campur tangan. Ini satu tidak munasabah, kita mesti siasat mengapa IMF itu campur tangan dengan rizab Malaysia dan saya percaya, kalau Malaysia mempunyai rizab tukaran asing US\$200 bilion walaupun ada kegawatan ekonomi, ada ekonomi bergelora kita pun tidak akan mengalami kegawatan yang begitu teruk dan adalah benar bahawa situasi di negara ini tidak seteruk keadaan berbanding dengan di Indonesia, Korea Selatan dan Thailand, akan tetapi dalam beberapa tahun ini, pertumbuhan ekonomi yang pesat dan semangat Malaysia Boleh, Malaysia Boleh yang sentiasa dilaung-laungkan menjadikan sesetengah rakyat hidup dalam khayalan, kayangan dan mahligai. Falsafah mengenai kekayaan adalah tidak berasas. Bulan naik, matahari naik. Jasmani dan rohani adalah tidak seimbang. Kalau seseorang itu hanya mampu memiliki sebuah motokar kancil, dia sanggup membeli kereta mewah BMW ataupun Mercedes. Jika dia cuma boleh mendapat rumah teres sahaja, dia memperolehi rumah



banglo yang mewah. Konsep Malaysia Boleh ini bukan sahaja untuk mendaki gunung Everest dan terjun ke kutub utara itu memang baik tetapi konsep Malaysia Boleh ini ialah untuk mengejar kekayaan tanpa menghiraukan disiplin dan etika.

Penyalahgunaan kad kredit, kongkalikung dalam bank-bank, campur tangan politik dalam perniagaan dan politik wang.

Asap api bergulug-gulung,  
 Anak buaya terlampai-lampai,  
 Hajat hati hendak peluk gunung,  
 Apakah daya tangan tak sampai.

*Pantun serbeneka.*

Sebenarnya falsafah kekayaan negara bukan sahaja dari segi harta benda dan wang yang banyak bahkan juga yang terpentingnya kualiti dan bilangan ahli-ahli profesional, juruteknik, tukang kayu, tukang besi, mekanik, tukang simen, petani, nelayan dan sebagainya. Naik membilang anak tangga, turun selangkah jejaklah ke bumi, naik melompat, turun terjun, naik seperti semut, turun seperti ribut, hendak memperolehi kejayaan, selalunya lambat, tetapi hendak jatuh, mudah sekali. Inilah satu pengalaman walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak setuju, tetapi inilah

pengalaman, satu peluang baik untuk kita semua mengkaji semula falsafah dan cara hidup.

**Dato' Azmi bin Khalid :** Merapu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Merapu pulak, ini falsafah kekayaan yang mesti dikaji semula.

**Tuan Yang di-Pertua :** Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 2 minit tak apalah. Saya cuma, Tuan Yang di-Pertua, dalam 9 bulan ini kita telah menyaksikan keadaan kucar-kacir di negara dan rantau ini seperti yang dibayangkan oleh William Butler Yeats 1865 sehingga 1939 seorang penyajak Bahasa Inggeris yang terkemuka dalam abad ke-20 ini dalam puisinya *The Second Coming*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, beliau menulis:

Turning and turning in the widening gyre,  
 The falcon cannot hear the falconer,  
 Things fall apart, the centre cannot hold,  
 More anarchy is loosed upon the world,  
 The blood-dimmed tide is loosed, and everywhere  
 The ceremony of innocence is drowned,  
  
 The best lack all conviction, while the worst  
 Are full of passionate intensity.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala seorang doktor itu tidak dapat membezakan satu penyakit daripada penyakit yang lain. Begitu juga dengan ahli-ahli ekonomi dengan menteri-menteri, adakalanya mereka tidak dapat mengenalpasti masalah-masalah ekonomi yang sedang kita hadapi. Pelbagai strategi telah dikemukakan oleh berbagai-bagai orang, ada yang boleh dipakai dan ada yang tidak seperti yang diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya semasa dialog perkongsian bistari MIGHT.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi hendak saya sebutkan di sini, cuma itu sahajalah sambil mengharapkan kerajaan mengambil tindakan tegas dan bijak. Kita menyeru semua rakyat berkerja dengan kuat untuk menghadapi kegawatan ekonomi.

Berakit-rakit ke hulu,

Berenang-renang ke tepian,

Bersakit-sakit dahulu,

Makanya senang kemudian.

*Pantun Melayu.*

Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua :** Ya, Usul, Yang Berhormat.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]** : Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]**: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sebuah Usul yang mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

*Perbahasan disambung semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Batang Sadong.

**5.48 ptg.**

**Cik Sukinam Domo [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membicarakan satu, dua perkara yang berkaitan khususnya dengan aspek sosial kerana perkara ekonomi sudah banyak dibicarakan oleh pakar-pakar ekonomi dalam Dewan ini. Terlebih saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas keputusan SPM yang cemerlang. Saya harap prestasi begini akan dapat dikekalkan dalam zaman kemelesetan ekonomi ini. Ini membimbangkan kita, khususnya bagi prestasi pendidikan di Sarawak, yang sememangnya serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar negara sedang dilanda kemelesetan ekonomi, semua kementerian diarah berjimat cermat dan peruntukan pengurusan dipotong sehingga 20% termasuklah Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan, pula memotong peruntukan bagi setiap Jabatan Pendidikan Negeri sama rata tanpa mengambilkira keadaan setempat. Saya rasa amatlah tidak wajar membuat dasar pemotongan begini kerana setiap negeri berbeza dari segi geografinya, kemudahan infrastrukturnya dan keperluannya. Dalam hal ini saya memohon bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan rakyat Sarawak kepada Kementerian Pendidikan agar mengkaji semula pemotongan yang dikenakan terhadap beberapa aktiviti, iaitu;

(i) T&T

Seperti yang kita sedia maklum, negeri Sarawak begitu luas hampir sama luas dengan Semenanjung, amatlah tidak adil kalau peruntukan T&T di Jabatan Pendidikan Sarawak sama seperti negeri-negeri lain di Semenanjung, apatah lagi kalau ianya sama dengan negeri seperti Perlis, Melaka, Kedah atau Wilayah Persekutuan. Implikasi pemotongan ini besar, antaranya Mesyuarat Penyelarasan antara daerah atau bahagian tidak akan dapat diadakan sekerap dulu. Pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian tidak dapat menyelia guru-guru dan staff di bawah jagaan masing-masing khususnya guru-guru yang bertugas di luar bandar atau jauh di pedalaman yang amat memerlukan bimbingan dan pemantauan kerana kebanyakan guru-guru ini adalah guru baru. Seperti yang kita ketahui polisi penempatan guru ialah kalau mereka baru keluar Maktab mereka akan dihantar keluar bandar, seolah-olah dibuang. Guru-guru ini pula, tidak dapat mengadakan perbincangan walaupun di peringkat daerah padahal mereka perlu berbincang untuk mendapat pendedahan sebagai usaha meningkatkan ilmu dan kemahiran.

(ii) **Aktiviti Asrama**

Saya difahamkan peruntukan makanan asrama dipotong dari 280 hari kepada 210 hari setahun. Ini bermakna pihak sekolah terpaksa membenarkan dan bahkan mengarahkan pelajar-pelajar pulang setiap minggu. Kalau tidak, peruntukan makanan tidak akan mencukupi. Apabila pelajar pulang setiap hujung minggu,

ini bermakna setiap aktiviti di sekolah terjejas seperti aktiviti kelas bimbingan, aktiviti riadah atau kokurikulum.

Pelajar asrama dan luar bandar amat memerlukan kelas bimbingan ini, kalau di bandar ada kelas tuisyen tapi di luar bandar dan sekolah-sekolah asrama hujung minggu digunakan untuk kelas bimbingan. Jikalau mereka terpaksa pulang setiap hujung minggu tidak adalah kelas bimbingan. Selain itu permohonan pertambahan penghuni asrama tidak diluluskan juga. Kira-kira 50% pelajar di Sarawak tinggal di asrama. Tanpa asrama pelajar-pelajar di luar bandar dan pedalaman tidak akan dapat bersekolah. Saya meminta kementerian mengkaji semula aktiviti ini.

(iii) **Pembangunan**

Khususnya kerja-kerja pembaikan, baikpulih bangunan sekolah dan rumah staf. Amatlah menyedihkan kalau tidak ada peruntukan diberikan untuk kerja-kerja baikpulih bangunan sekolah dan rumah staf khususnya bagi sekolah-sekolah di luar bandar yang memang begitu daif. Ini bermakna moral pelajar dan staf akan terjejas. Saya memohon kepada Kementerian Kewangan agar mengkaji semula dasar dengan izin cutting across the board, hendaklah jangan lupa bahawa sumber tenaga kerja

kita mendapat pendidikan awal dari sekolah. Kalau pendidikan awal terjejas, mutu tenaga kerja kita juga terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi yang hendak saya perkatakan tentang pendidikan tetapi saya juga hendak menyentuh perkara-perkara lain. Kalau boleh, saya cadangkan agar kementerian mengadakan satu perbincangan khas dengan Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sarawak, bukannya maksud saya hendak mengasingkan Sarawak tetapi Sarawak memang mempunyai banyak masalah dalam pendidikan.

Namun demikian, saya amat berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Sarawak dan guru-guru yang mengajar di Sarawak walaupun dalam keadaan yang begitu daif, kekangan yang banyak mereka masih juga mampu menghasilkan prestasi pendidikan yang membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membicarakan beberapa perkara lain Kempen Membeli Barang Buatan Atau Keluaran Malaysia. Kerajaan dan beberapa pihak menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan buatan Malaysia. Beberapa kempen telah diadakan, saya ingin bertanya, sejauh manakah usaha kerajaan dan kempen-kempen ini telah berhasil mencapai objektifnya? Siapakah kumpulan sasar kempen-kempen ini?

Saya berpendapat, kempen ini sepatutnya ditumpukan kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang berupaya berbelanja. Badan-badan NGO perlu memainkan peranan seperti Kelab Rotary, Kelab Leo, Alumni-Alumni,



persatuan-persatuan perniagaan yang ahlinya rata-rata dari golongan yang berupaya berbelanja. Selain itu, sekolah-sekolah di bandar perlu juga dikempen kerana biasanya remaja dari keluarga yang mampu berbelanja atau berada bermegah dengan barangan berjenama atau buatan luar negeri.

Selain itu, pengeluar-pengeluar barangan tempatan hendaklah mengadakan promosi barangan masing-masing secara lebih meluas. Kualiti barang keluaran hendaklah dijaga kerana walaupun dalam zaman ekonomi meleset seperti sekarang orang yang mampu berbelanja masih mementingkan kualiti walaupun harganya mahal. Pihak media juga perlu memainkan peranan lebih positif. Kalau kita lihat iklan dalam TV semuanya menggalakkan remaja atau penonton membeli dan menggunakan barangan buatan luar negeri kalau mahu berjaya. Kejayaan hidup, seolah-oleh dikaitkan dengan jenis barangan yang kita guna.

Kerajaan juga menggalakkan rakyat makan buah-buahan tempatan dan sayur-sayuran tempatan tetapi saya perhatikan buah-buahan import ada kalanya lebih murah daripada buah-buahan tempatan dan lebih mudah diperolehi kerana banyak di pasaran. Bahkan pada masa kemelesetan ekonomi ini pun buah-buahan import lebih murah, misalnya kita boleh membeli buah epal di Sarawak dengan harga 50 sen sebiji di Kuching, berbanding dengan buah nangka RM4.00 hingga RM5.00 sekilo. Harga buah nangka mahal kerana sukar diperolehi. Dalam hal ini saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian

dan FAMA, apakah peranan dan kejayaan yang telah dicapai dalam mempromosikan buah-buahan tempatan kepada pengguna tempatan bukan hanya tertumpu ke luar negara. Saya berharap FAMA dapat merancang dengan lebih teliti aktivitinya. Jangan seperti hanya melepas batuk di tangga.

Saya beri satu contoh Tuan Yang di-Pertua, tiga hari sebelum Hari Raya Aidilfitri yang lalu, FAMA mengadakan kempen jualan di satu kawasan perumahan di Kuching. Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, tapi malangnya hanya enam atau tujuh buah gerai sahaja yang mengambil bahagian. Saya dapati juga harga jualan FAMA tidak dapat bersaing dengan harga penjual lain. Misalnya, pada waktu itu, bawang merah memang mahal harganya. FAMA menjual RM6.00 sekilo, sedangkan penjual lain RM4.00 hingga RM5.00 sekilo. Dalam keadaan nilai Ringgit rendah dan orang perlu berhati-hati berbelanja, orang akan membeli yang murah tanpa mengira siapa penjualnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kes-kes gejala sosial yang nampaknya semakin meningkat. Kalau hendak dikatakan kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan, tidak betul. Pendidikan agama, pendidikan moral diwajibkan di sekolah sejak darjah satu lagi hingga ke tingkatan lima. Pusat Islam diwujudkan, pentadbiran JAKIM dan institusi Islam negeri dipertingkatkan. Badan-badan dakwah tumbuh dengan banyaknya. NGO banyak menjalankan aktiviti membanteras gejala sosial. PEMADAM

diwujudkan dan banyak lagi aktiviti lain dijalankan dari masa ke semasa, tetapi Tuan Yang di-Pertua, mengapakah kes-kes gejala sosial semakin meningkat? Mengapakah kita perlu membina lebih banyak pusat serenti atau membesarkan pusat yang ada? Mengapakah penjara-penjara kita perlu diperbesarkan, sepatutnya diperkecilkan atau ditutup? Mengapakah kes-kes juvana semakin meningkat? Mengapakah kes isteri diceraikan tanpa nafkah hidup semakin meningkat? Adakah kerana tindakan yang kita ambil bukan berdasarkan had data atau fact dengan izin ataupun bukan hasil daripada penyelidikan yang saintifik dan empirical.

Mungkin tindakan kita hanya berdasarkan andaian. Mungkin kita tersalah fokus. Mungkin kita tersalah kumpulan sasar, banyak mungkin. Mungkin kita perlu meneliti semula atau menilai semula semua rancangan dan tindakan supaya ianya benar-benar kena kepada sasaran dan agar ianya benar-benar berkesan kerana saya dapati kadang-kadang kumpulan sasanya tidak kena. Kita ada Rakan Masjid, Rakan Muda tapi yang pergi ke masjid memang orang yang mahu ke masjid, orang yang nakal ataupun budak-budak yang memerlukan tidak dapat kita dekati dan oleh itu gejala-gejala sosial semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang ingin saya utarakan setakat ini. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Ledang.

**6.09 ptg.**

**Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan Titah Ucapan Diraja dalam dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih berada dalam suasana ekonomi yang suram, walaupun ada tanda-tanda bahawa ekonomi negara dan rantau ini sedang beransur-ansur pulih. Nilai mata wang kita nampaknya masih berada di satu tahap yang tidak menentu walaupun agak lebih baik sedikit daripada bulan-bulan yang lalu. Langkah-langkah berjimat cermat dan usaha-usaha mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan eksport dengan meningkatkan pengeluaran dalam negeri sendiri perlu diteruskan dan diperhebatkan dan tidak bersifat hangat-hangat tahi ayam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang ini tugas kita yang paling utama ialah berusaha mengembalikan keyakinan pelabur luar dan dalam negeri dan rakyat keseluruhannya. Mungkin memang ada kebenaran tentang dakwaan yang mengatakan terdapat rakyat negara ini yang menyimpan atau membawa lari wang mereka untuk disimpan di bank-bank luar negara kerana tidak yakin terhadap keutuhan sistem perbankan negara ini. Jika rakyat sendiri tidak yakin bagaimana kita berharap untuk meyakinkan pelabur-pelabur luar. Oleh itu kita amat berharap supaya segala langkah-langkah yang difikirkan perlu dan boleh membantu ke arah memulihkan keyakinan ini dilakukan segera. Sistem

perbankan kita mestilah berwibawa, diyakini dan reliable dengan izin, kerana sistem perbankan yang efisien adalah teras kepada keyakinan para pelabur.

Oleh itu, Bank Negara Malaysia sebagai bank induk, pengawal dan pengawas perlu mempunyai satu bentuk mekanisma yang benar-benar profesional, efisien dan berwibawa untuk mengawasi, mengesan dan memonitor sebarang bentuk kelemahan, penyelewengan, ketidakcekapan pengurusan sebelum sesebuah bank mengalami sebarang masalah besar, seperti yang berlaku kepada Sime Bank, Bank Bumiputra dan lain-lain sebelum ini yang sudah tentu memburukkan lagi kegawatan ekonomi yang sedia ada dan tentu terus menghantui keyakinan para pelabur. Bank Negara tidak hanya setakat melapor dan mendedahkan sesuatu setelah berlakunya sesuatu masalah. Bank Negara seharusnya lebih berupaya melapor dan mendedahkan sesuatu setelah berlakunya sesuatu masalah. Bank Negara seharusnya lebih berupaya dan berperanan lebih profesional, lebih komited daripada itu selaras dengan tugas yang diamanahkan oleh negara iaitu, sebagai pengawal dan guardian untuk melindungi, memelihara dan mempertahankan sistem perbankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita tidak berupaya mewujudkan satu sistem perbankan yang efisien, reliable dan boleh diyakini, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa jika berlaku 'capital flight' iaitu tindakan membawa lari wang keluar negara ke tempat-tempat yang lebih selamat dan menguntungkan

walaupun tindakan seperti ini sama sekali tidak bersifat patriotik, dikesali dan amat mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap agar mereka yang punya autoriti di mana-mana kementerian sekalipun dapat mengelakkan diri daripada mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah sesama sendiri. Suatu pihak cuba melaporkan sesuatu manakala satu pihak yang lain seolah-olah mahu menyembunyikan sesuatu atau memperbetulkan sesuatu, termasuk penafian kes-kes terhadap sesuatu insiden atau dakwaan tapi kemudian terbukti dakwaan itu benar. Gejala ini juga mempunyai elemen, kesan ‘contagion’ sendiri terhadap kredibiliti dan kewibawaan sesebuah kerajaan kerana akhirnya orang ramai tidak tahu sumber mana yang harus dipercayai. Orang ramai menjadi keliru, pening kepala dan bosan kerana dengan izin *“It is difficult to know what is true because there is so much that seems not true, that even the true seems untrue”*.

Apabila sumber rasmi pun tidak lagi boleh diyakini dan mengelirukan, jangan disalahkan sesiapa jika orang ramai lebih suka dan lebih terdorong untuk mempercayai khabar-khabar angin, desas-desus, cakap-cakap di kedai kopi, sembang-sembang di tepi jalan dan keadaan akan menjadi tidak terkawal dan seterusnya menghakiskan lagi keyakinan rakyat dan pelabur terhadap kewibawaan kerajaan dan usaha untuk memulihkan keyakinan akan menjadi lebih sukar dan lebih rumit lagi. Kita juga berharap pegawai-pegawai kerajaan

di mana-mana kementerian pun termasuk Bank Negara sebelum mengeluarkan sesuatu kenyataan mestilah merujuk terlebih dahulu kepada pihak tertinggi sesebuah kementerian iaitu menterinya supaya mereka keluar dengan kenyataan yang senada, seirama, tidak sumbang, tidak bercanggah sesama sendiri dan tidak perlu diperbetulkan lagi selepas itu kerana sesuatu kenyataan itu semakin cuba diperbetulkan semakin menimbulkan keraguan. Semakin mengelirukan dan gejala seperti ini sama sekali tidak sihat dalam usaha kita memulihkan keyakinan rakyat dan pihak-pihak luar dalam suasana kemelut yang mencengkam negara sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, kita juga merasa terkilan kerana di bumi Malaysia yang menghijau subur dan kaya dengan anugerah alam semula jadi, kita dikejutkan dengan kenyataan bahawa kita terpaksa berbelanja lebih daripada RM10 bilion pada tahun lepas untuk mengimport bahan-bahan makanan bagi keperluan rakyat kita yang hanya berjumlah 20 juta orang ini. Hakikat ini lebih sukar difahami apabila akhbar-akhbar misalannya *Utusan Malaysia* keluaran 31 Januari 1998 melaporkan negara yang mengimport beratus-ratus metrik tan pucuk paku, petai, jering dan lain-lain lagi daripada negara-negara jiran. Kita tidak tahu dan tidak faham apa yang sebenarnya sedang berlaku dengan sektor pertanian di negara ini. Negara Malaysia dikelilingi oleh laut tetapi kita terpaksa mengimport ikan untuk keperluan rakyat kita. Bumi Malaysia juga subur dan kaya tetapi hingga pucuk paku pun terpaksa dibeli daripada negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berharap Kementerian Pertanian dapat menjadi sebuah kementerian yang dinamik dan proaktif dalam suasana ekonomi yang gawat ini. Kementerian ini perlu muncul dengan satu dasar pertanian yang realistik dan pragmatik, tidak hanya setakat membuat seruan supaya rakyat meningkatkan pengeluaran pertanian mereka. Kementerian sendiri perlu mempunyai dasar dan strategi yang jelas bagaimana pengeluaran pertanian dapat dipertingkatkan. Apa bentuk galakan, garis panduan, khidmat nasihat, kemudahan-kemudahan yang boleh diberi oleh kementerian untuk dimanfaatkan oleh petani-petani. Dasar dan strategi yang jelas terhadap tanah-tanah terbiar untuk dimanfaatkan dengan tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain untuk dijadikan panduan oleh kerajaan-kerajaan negeri, juga dasar dan strategi yang jelas cara-cara meningkatkan pengeluaran hasil ternakan, perikanan dan lain-lain. Langkah-langkah yang konkrit oleh pihak kementerian ke arah matlamat ini dirasakan amat perlu untuk merangsang peningkatan pengeluaran hasil-hasil pertanian kita secara menyeluruh dan intensif supaya dapat menyelamatkan pengaliran mata wang ke luar kerana mengimport bahan-bahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyusun satu dasar dan strategi yang jelas dan komprehensif dalam usaha meningkatkan pengeluaran pertanian kita, program R&D kementerian ini juga dengan izin, research and development perlu diperhebatkan. Usaha-usaha ke arah menghasilkan hasil-hasil pertanian



yang berkualiti yang mampu bersaing di pasaran terbuka perlu dilakukan supaya rakyat Malaysia dapat mengubah persepsinya terhadap barang-barang yang diimport yang selalu dianggap lebih baik dan bermutu daripada barang-barang keluaran tempatan, iaitu segala yang datang daripada luar adalah lebih baik daripada barang-barang tempatan. Mangga Siam dikatakan lebih enak daripada mangga Malaysia, durian Siam lebih lazat dan digemari daripada durian Malaysia. Dokong Siam lebih pasti jauh lebih baik daripada dokong keluaran kita dan mungkin petai, pucuk paku, jering Siam juga lebih baik daripada petai kita - petai, pucuk paku, dan jering tempatan. Dengan sebab itulah pucuk paku Malaysia yang tumbuh melata di bumi ini tidak dipedulikan orang, malah mereka lebih suka mengimport pucuk paku daripada Siam.

Tuan Yang di-Pertua, pendeknya ‘Siam mali’ semuanya lebih baik daripada Ipoh ataupun ‘Malaysia mali’. Tanggapan ini perlu dikikis dan Kementerian Pertanian dengan program R&Dnya khususnya MARDI memikul tugas dan tanggungjawab yang penting untuk membuktikan tidak ada bezanya di antara bumi Malaysia dengan bumi Thailand dalam menghasilkan keluaran pertanian yang bermutu dan mampu bersaing dengan hasil keluaran negara lain. Yang berbeza hanyalah teknologi yang dihasilkan oleh R&D yang gigih, berkesan, berwibawa di antara dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan R&D yang telah dihasilkan oleh MARDI juga perlu diperluaskan untuk dimanfaatkan oleh petani-petani yang

akhirnya mampu melahirkan usahawan yang berjaya khususnya dalam bidang IKS berdasarkan pada pengeluaran pertanian mereka. Satu program yang diatur dengan teliti dan sistematik perlu dilakukan untuk membimbing dan mendidik petani-petani ke arah mempelbagaikan hasil pertanian mereka supaya akhirnya menjadi bahan-bahan makanan sampingan yang bermutu dan mampu bersaing di pasaran terbuka di dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu para graduan lepasan institusi pertanian negara ini perlu dirancang untuk menerokai sektor pertanian ini secara besar-besaran dan intensif sebagai petani-petani moden, dinamik dan progresif. Mudah-mudahan dengan penggunaan ilmu dan teknologi pertanian yang moden oleh para graduan pertanian ini bukan sahaja akan mengangkat martabat sektor ini malah akan meningkatkan lagi hasil pengeluaran pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, para siswazah ini juga perlu dihantar ke desa-desa dalam program siswazah turun ke desa untuk menyampaikan ilmu pertanian mereka dengan memberikan kursus-kursus khidmat nasihat, tunjuk ajar tentang teknik pertanian moden yang lebih menjamin peningkatan kualiti dan produktiviti para petani kita.

Ini adalah di antara perkara-perkara yang perlu difikirkan sebagai sumbangan mereka terhadap sektor pertanian negara dan sesuai dengan objektif penubuhan institusi tersebut. Kehadiran kementerian dan institusi pengajian

tinggi yang berasaskan kepada pertanian ini mestilah benar-benar berkesan dan dirasakan dominan dan penting oleh rakyat dan negara, lebih-lebih lagi dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang, usaha-usaha yang gigih dan perlu dan padu perlu difikirkan dan dilaksanakan oleh kementerian ini tentang bagaimana pengaliran mata wang kita sebanyak RM10 bilion setahun itu dapat kita kurangkan dan untuk itu kita perlu bersifat lebih proaktif dan agresif.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha kita menggembungkan seluruh keupayaan yang ada untuk menangani kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara sekarang ini dan selaras dengan langkah kerajaan untuk menyelaraskan undang-undang Islam bagi seluruh negara, kita berharap supaya satu usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan untuk mengangkat martabat dan harakat sistem ekonomi Islam dengan cara menyelaraskan kaedah ataupun satu sistem pungutan dan pengurusan zakat.

Untuk tujuan itu saya mencadangkan penubuhan sebuah badan perunding pungutan dan pengurusan zakat nasional yang terdiri daripada pakar-pakar agama Islam, pakar-pakar kewangan dan ekonomi bagi merangka satu kaedah ataupun satu kaedah pungutan pengurusan zakat secara profesional untuk dijadikan garis panduan pungutan dan pengurusan zakat oleh kerajaan-kerajaan negeri supaya sumber kekuatan ekonomi Islam ini dapat digembungkan dengan cekap dan berkesan. Institusi ekonomi Islam ini mestilah dirasakan kehadirannya oleh masyarakat, memainkan peranan yang

dominan dan bersama-sama memainkan peranan menangani masalah ekonomi, masalah kemiskinan rakyat bukan setakat memberikan bantuan secara kecil-kecilan tanpa satu perancangan yang teliti terus dan profesional. Institusi ini juga harus berada di barisan hadapan membantu menangani dan mengangkat martabat ilmu dan pendidikan umat Islam, berperanan menggerakkan dakwah dan jihad menangani kemelut sosial dan ekonomi bersama-sama dengan kerajaan. Kita berharap dengan adanya satu sistem pungutan dan pengurusan zakat yang selaras, profesional dan terus dan dengan matlamat yang jelas ini akan lebih ramai lagi umat Islam yang berada akan terpanggil untuk membayar zakat kerana mereka tahu bagaimana wang zakat diuruskan dan untuk tujuan apa wang tersebut digunakan. Apa yang jelas institusi ini bukan sahaja perlu digemblengkan, diurus dengan cekap dan profesional malah hala cara dan hala tujuanya perlu jelas, telus dan berwibawa dan mampu menggambarkan dan membawa bersama-samanya keunggulan dan kewibawaan sistem dan komitmen ekonomi Islam selaras dengan peredaran zaman suasana dan cabaran semasa.

Pendeknya institusi zakat sebagai satu sistem ekonomi Islam seharusnya mampu berkongsi peranan, berkongsi kos dan komitmen dengan kerajaan dalam usaha mengangkat martabat umat Islam dalam bidang ekonomi, pendidikan dan pembangunan insan itu sendiri. Bukan hanya setakat dilihat sebagai satu sistem yang lemah, tidak berupaya ataupun sebagai satu sistem

ataupun institusi pinggiran, tempelan ataupun hanya wujud pada namanya sahaja. Para ulama dan tokoh-tokoh agama perlu memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini jika mahu umat Islam dihormati dan berada di tahap yang terunggul selaras dengan maksud surah Al-Imran Ayat 10 “Sesungguhnya kamu adalah umat yang terbaik”, yang seharusnya bermaksud terbaik dalam semua segi dan aspek. Juga selaras dengan maksud Hadis Rasulullah s.a.w. “Sesungguhnya Allah lebih menyenangi umat Islam yang kuat lebih daripada umat Islam yang lemah dan daif. Yang dimaksudkan, sudah semestinya kekuatan dari segi ekonomi, kekuatan dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kekuatan dari segi pemikiran juga kekuatan dari segi akhlak dan budi pekertinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tambun semasa membentangkan usul ini dahulu supaya kandungan Al-Quran diterjemahkan dalam bentuk falsafah dan panduan hidup harian supaya generasi muda kita lebih tabah, punya ketahanan diri, tetapi bagaimana hasrat ini dapat direalisasikan jika generasi muda kita buta jawi dan seterusnya buta Al-Quran. Dalam hubungan ini kita amat menghargai dan menyokong sikap prihatin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang pernah menyarankan supaya tulisan jawi mesti dipertahankan sebagai sumber warisan dan budaya dan khazanah bangsa. Di samping dapat membantu dalam aspek membaca Al-Quran di kalangan generasi muda kita kerana adalah amat sukar bagi mereka

yang buta jawi untuk menguasai bacaan Al-Quran dengan sempurna. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang pernah memberi jaminan satu ketika dahulu akan berusaha ke arah matlamat ini iaitu ke arah memartabatkan semula tulisan jawi. Namun hingga kini belum nampak sesuatu yang jelas dan konkrit tentang bagaimana hasrat ini dapat direalisasikan. Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pendidikan di atas pencapaian cemerlang pelajar-pelajar kita dalam peperiksaan SPM seperti yang diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa penguasaan membaca dan menulis tulisan jawi di kalangan anak-anak muda kita sekarang ini adalah amat terhad dan amat menyedihkan. Kita tentu tidak mahu warisan budaya dan khazanah bangsa ini satu hari nanti terus pupus dan berdagang di tanah airnya sendiri, dan bagaimana kita dapat menjadikan generasi muda kita golongan celik Al-Quran dan seterusnya menghayati kandungannya untuk dijadikan panduan hidup mereka sehari-hari jika mereka buta jawi dan tidak mempunyai minat terhadapnya dan adakah suasana seperti ini dapat membantu kita menangani kegawatan akhlak dan kemerosotan nilai-nilai murni di kalangan anak-anak muda kita sekarang ini. Dan seterusnya menjadikan mereka para belia yang mengamalkan nilai-nilai hidup yang sihat dan bertanggungjawab seperti yang disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya “Jika sesuatu yang konkrit tidak dilakukan segera untuk menyelamatkan tulisan jawi dan kemahiran membaca dan menghayati Al-Quran, kita amat berharap Kementerian Pendidikan yang dipimpin oleh Menterinya yang dinamik ini bersungguh-sungguh dalam perjuangan suci ini iaitu ke arah memartabatkan semula tulisan jawi sebagai warisan budaya dan khazanah bangsa dan serta sebagai langkah yang murni ke arah matlamat celik

jawi dan celik Al-Quran. Kita berharap satu dasar yang jelas dan langkah yang komprehensif akan dapat dibentangkan oleh pihak kementerian bagi memulakan satu era memartabatkan tulisan jawi di kalangan generasi Islam negara ini khususnya saudara bukan Islam. Kita maklum dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Kepong dan ramai dari golongan bukan Islam yang mampu menguasai tulisan dan bacaan jawi dengan baik, tetapi merasa sedih kerana ramai di antara orang Melayu sendiri yang terus buta jawi kerana kita tidak boleh mengharap generasi muda kita untuk menjadi golongan celik Al-Quran dan seterusnya menghayati kandungan Al-Quran untuk dijadikan panduan hidup sehari-hari jika mereka buta jawi dan masyarakat kita terus tidak mempedulikan memandang remeh dan tidak acuh terhadap tulisan jawi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Johor yang telah memperkenalkan program membudayakan Al-Quran. Satu program yang digerakkan secara menyeluruh daripada peringkat negeri, daerah, mukim dan peringkat surau di kampung-kampung dan disambut pula di peringkat rumah dan keluarga. Usaha ke arah menyemarakkan semula kehebatan Al-Quran perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh dan penuh iltizam dan menyeluruh. Setiap peringkat masyarakat khususnya golongan muda perlu dijinakkan, berdamping dan menghayati keagungan Al-Quran sebagai sumber ilmu panduan hidup dan sumber kekuatan ummah. Oleh itu saya mencadangkan agar program membudayakan Al-Quran ini dijadikan satu program nasional dan digerakkan di peringkat negara, negeri, daerah seterusnya hingga ke peringkat keluarga. Mudah-mudahan negara akan disemarakkan dengan roh Al-Quran dan rakyat seluruhnya akan memperoleh rahmat daripada hikmah dan keistimewaan Al-Quran ini. Sesungguhnya program-program ini dan kerja-kerja yang baik oleh

mana-mana pihak bukan sahaja perlu disokong malah diperluaskan untuk dimanfaatkan oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya usaha yang bersungguh-sungguh ke arah menangani isu dan kemelut sosial mestilah dianggap sama pentingnya dengan usaha yang dilakukan untuk menangani isu dan kemelut ekonomi yang sedang melanda negara ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bendera.

**6.30 ptg.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja yang meliputi banyak aspek dasar kerajaan untuk mengatasi masalah akibat krisis ekonomi.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] mempengerusikan mesyuarat.]*

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja pada tahun ini adalah sangat penting kerana ia merupakan satu titah ucapan yang pertama selepas kemunculan krisis ekonomi yang luar jangkaan kerana lain-lain negara yang akibatnya mempengaruhi lain-lain negara di rantau ini. Dan di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan, yang mustahak pada saya adalah kedudukanimbangan bayaran produktiviti, daya saing, perkhidmatan awam yang cemerlang dan perpaduan rakyat Malaysia.



Tuan Yang di-Pertua, negara kita tengah mengalami krisis ekonomi berikutan kegiatan spekulasi terhadap Ringgit di mana nilai Ringgit telah mencapai rekod yang paling buruk dalam tempoh beberapa bulan lalu dan seterusnya menjejaskan pasaran saham kita. Keadaan ini terutamanya diakibatkan oleh manipulasi negara asing. Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga beberapa kelemahan kepada ekonomi kita seperti defisit akaun semasa yang tinggi iaitu sebanyak RM2.8 bilion pada tahun 1995, RM12.3 bilion pada tahun 1996 dan sebanyak RM3.1 bilion pada tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, isu defisit akaun semasa ini telah pun saya bangkitkan sebanyak dua kali dan pada kali yang pertama iaitu semasa perbahasan Belanjawan 1996, saya pernah membangkitkan usul ini. Dalam ucapan perbahasan Belanjawan 1996, saya pernah berkata, defisit akaun semasa pada awalnya amat menakutkan. Tetapi jika kita menganalisis akaun semasa, terdapat kebanyakan defisit ini adalah untuk capital goods, perundingan dan perkhidmatan ekonomi kita. Defisit ini bukan dibiayai dengan pinjaman luar negara, dan ini bermakna walaupun negara kita dan ekonomi kita berkembang pesat, kita tidak ada simpanan atau rizab untuk kemungkinan berlaku kemerosotan ekonomi.

Saya menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk mempertingkatkan simpanan kebangsaan untuk tujuan mengurangkan

jarak sumber, dengan izin, resource gap, sebanyak 8.9% dalam tahun 1995, tetapi kerajaan mesti memainkan peranannya untuk menjimat dan menaikkan rizab negara kita. Untuk mencapaikan tujuan mempertingkatkan rizab negara dan juga untuk menyejukkan suhu pembangunan ekonomi kita, kita harus mengkaji semula projek-projek besar di mana jangkamasa mula atau siap boleh ditangguhkan. Jadi amat sesuai dan tepat apabila kita dimaklumkan tadi bahawa Fasa II projek Putrajaya dijangkakan bermula pada tahun 2000 iaitu selepas projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Sukan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya baca tadi, adalah petikan dari ucapan saya semasa membahas Belanjawan 1996, pada 13 November 1995, tetapi apa yang saya nyatakan pada tahun itu masih relevan dan tepat pada masa kini. Dan juga pada 19 Mei 1996, semasa pembahasan Rancangan Malaysia Ketujuh, saya pernah mengatakan bahawa defisit akaun semasa imbalan bayaran masih menjadi keraguan di kalangan sektor kewangan termasuk Bank Dunia. Defisit akaun semasa yang melebihi RM17.6 bilion pada Rancangan Malaysia Ketujuh agak membimbangkan para pelabur serta sektor kewangan. Jadi segala usaha hendaklah diambil secepat mungkin untuk mengurangkan defisit akaun semasa ini. Dengan ini, jelaslah bahawa cabaran utama negara kita pada masa kini dan masa depan ialah untuk mengurangkan defisit akaun semasa imbalan bayaran.

Jadi saya nak tanya, setakat ini sama ada kerajaan akan mengkaji semula anggaran sebanyak RM17.6 bilion berkenaan dengan akaun defisit semasa ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Eksport negara hendaklah dipertingkatkan setidak-tidaknya untuk mendapatkan akaun semasa imbalan bayaran yang seimbang jika akaun semasa positif tidak dicapai. Adalah amat memberi keyakinan apabila Malaysia mencatatkan akaun semasa yang positif pada beberapa bulan yang lalu. Langkah ini hanya dapat dilaksanakan melalui peningkatan dalam produktiviti serta pengeluaran.

Justeru, meningkatkan daya saing negara di pasaran antarabangsa. Dengan cara ini, barulah syarikat dapat menguatkan keuntungan yang lebih lumayan untuk membolehkan pelaburan semula di pasaran tempatan yang akan menjadi daya penggerak utama dalam mempertingkatkan lagi prestasi ekonomi kita. Ini seterusnya dapat memberi keyakinan yang lebih kepada pelaburan asing yang pada masa kini telah berura-ura tentang keyakinan untuk melabur di negara kita. Tambah pula, peningkatan produktiviti serta daya pengeluaran bukan sahaja dapat meyakinkan para pelabur terhadap Malaysia malahan ia dapat menguntungkan negara dalam jangkamasa panjang serta menjadi asas untuk merealisasikan impian yang sekian lama ini untuk menjadikan Malaysia sebuah negara prindustrian setanding dengan negara-negara maju.

Dari segi galakan eksport, tumpuan hendaklah diberikan ke atas barangan yang berasaskan teknologi tinggi serta mempunyai nilai tambah,

dengan izin, value added yang tinggi. Ini amatlah penting pada ketika ini, di mana barangan perantaraan yang diimport secara relatif menjadi lebih mahal akibat kejatuhan nilai Ringgit. Adalah sukar untuk barangan eksport yang mempunyai peratusan barangan perantaraan import yang tinggi untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Nilai Ringgit yang rendah membolehkan harga barangan eksport kita menjadi relatif lebih rendah berbanding dengan harga antarabangsa. Dengan itu, kita boleh mengambil kesempatan ini untuk mengeksport lebih barangan kita untuk mengurangkan defisit akaun semasa yang telah menjadi semakin serius.

Jadi, saya amat bersetuju dengan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam Titah Ucapan Diraja pada 23 Mac 1998, dan Ahli-ahli Parlimen telah diberitahu bahawa pertumbuhan produktiviti akan diberi lebih keutamaan melalui peningkatan, kecekapan, pengurusan dan proses pengeluaran serta penggunaan teknologi baru yang lebih cekap bagi mengekalkan daya saing eksport negara.

Dan selain daripada menggalakkan eksport, beberapa langkah haruslah diambil untuk menekan import, terutama import ke atas barangan mewah, komponen-komponen terutama industri automobil. Adalah menjadi satu masalah besar sekarang dan memberi kesan buruk kepada ekonomi kita pada masa depan jika penglibatan komponen-komponen untuk penggunaan sektor pembuatan tidak dikawal.

Jika masalah ini tidak dapat diatasi sama sekali, setidak-tidaknya ia mestilah dikawal dengan hanya membenarkan pengimportan komponen-komponen yang tidak diperolehi di pasaran tempatan. Selagi pengimport-pengimport komponen dan barangan perantaraan adalah tinggi, defisit akaun semasa imbalan bayaran yang tinggi akan turut menghantui kita.

Tuan Yang di-Pertua, surat notis daripada Setiausaha Dewan Rakyat berkenaan dengan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja telah dihantar kepada saya melalui pos laju. Tetapi ketika surat itu dihantar ke rumah saya, tiada orang berada di rumah saya untuk menerima surat itu.

Jadi, posman itupun meninggalkan sekeping kad pesanan yang meminta saya pergi ke Ibu Pejabat Pos di Bandaraya George Town lebih kurang lima kilometer jauhnya dan saya pun pergi sendiri ke pejabat pos selepas satu atau dua hari untuk mengambil surat pos laju ini dari Parlimen. Pos laju tidak mengambil sebarang tindakan untuk menghubungi saya berkenaan dengan surat yang mustahak daripada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sikap dan cara pejabat pos melaksanakan sistem pos laju amatlah dikesali. Perkhidmatan pos laju sepatutnya menukar nama pos biasa supaya tidak mengelirukan pengguna-pengguna terhadap perkhidmatan ini dan saya tidak faham bagaimana pos laju boleh bersaing dengan perkhidmatan courier lain seperti DHL, City Link, Nationwide dan sebagainya.

Saya membawa perhatian Dewan kepada contoh ini untuk mencerminkan sikap dan pendekatan rakyat Malaysia termasuk sektor awam dan sektor swasta dan syarikat kerajaan termasuk syarikat pos tentang krisis ekonomi yang negara kita alami sekarang dan saya kawatir jika rakyat Malaysia belum menerima hakikat bahawa negara kita mengalami satu krisis yang boleh menjadi lebih serius, kita tidak dapat mengawal keadaan di Malaysia dan negara jiran.

Kes perkhidmatan pos laju yang saya alami sendiri adalah satu contoh di mana di antara syarikat-syarikat kerajaan yang belum mengambil pendekatan tentang management crisis sama ada dalam perniagaan atau penyediaan perkhidmatan. Jadi, amatlah sesuai apabila Titah Ucapan Diraja mengatakan bahawa usaha meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan awam melalui penerapan nilai-nilai perkhidmatan awam yang cemerlang akan terus dipergiatkan.

Program-program yang memberi penekanan ke arah mewujudkan perkhidmatan yang mementingkan pelanggan, memperbaiki sistem dan peraturan, memperkemaskan dan mempertingkatkan sektor pengguna teknologi maklumat dan memperkenalkan teknik-teknik pengurusan terkini akan diberi keutamaan. Satu mind set baru atau satu sense of urgency perlulah diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Indah Water Konsortium (IWK) telah mengenakan caj sebanyak RM40 sebulan terhadap semua unit rumah pangsa Padang Tembak di kawasan saya. Semua orang tahu bahawa rumah pangsa Padang Tembak adalah projek perumahan kos rendah yang amat padat yang diduduki oleh golongan berpendapatan rendah.

Jadi, bil IWK sebanyak RM40 sebulan merupakan satu tanggungan yang amat berat bagi keluarga di rumah pangsa Padang Tembak. Nasib baik masalah ini telah diselesaikan apabila IWK mengakui kesilapan mereka dalam mengkategorikan rumah pangsa ini dalam kategori premis kerajaan. Maka sekarang semua unit perumahan kos rendah di Padang Tembak akan dikenakan caj sebanyak RM2 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya sebutkan tadi nampaknya hanya merupakan satu kesilapan dalam code 'kategori' yang mudah diperbetulkan, tetapi sampai sekarang lebih tiga tahun selepas perkhidmatan pemetungan diswastakan masih wujud banyak masalah mengenai kadar dan caj IWK yang masih belum diselesaikan. Terdapat ramai rakyat Malaysia yang tidak puas hati dengan caj yang dikenakan oleh IWK serta mutu perkhidmatan yang diberi oleh IWK dan telah terbukti apabila terdapat cuma RM49 juta yang dapat dikutip berbanding dengan RM240 juta yang dijangkakan. Ramai orang menganggap IWK cuma mengutip bayaran tetapi tidak memberi apa jua perkhidmatan. Anggapan ini menjadi lebih serius apabila lori-lori IWK

ditangkap semasa melepaskan najis yang dipungut terus ke dalam sungai di Dungun, Terengganu.

Di negeri Pulau Pinang baru-baru ini terdapat pengusaha-pengusaha hotel bertaraf antarabangsa di tepi pantai yang mengatakan loji-loji pembetungan yang diambil alih oleh IWK tidak diselenggarakan oleh IWK. Pam-pam yang rosak tidak diganti atau dibaiki. Ini mengakibatkan najis dan air buangan yang tidak dirawat terus mengalir ke dalam laut.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kluang dan juga Batu Gajah dan merasa kesal dengan kenyataan wakil IWK yang disiarkan pada Berita Utama TV2 pada 23 Mac 1998 dan juga di akhbar *New Straits Times* pada 24 Mac 1998 yang mengatakan ahli politik menggunakan IWK sebagai 'punching bag' yang digunakan dengan tujuan mendapat modal politik. Dengan izin saya petikkan dari surat khabar, dengan izin, *'our efforts are often hampered by Members of Parliament, State Assemblymen and community leaders who instigate the public not to settle their bills. They are treating us like punching bag either for their own political reasons or due to lack of understanding.'* Tuan Yang di-Pertua, inilah kenyataan yang dikeluarkan oleh IWK.

Jadi, sikap wakil IWK ini tidak boleh diterima dan kenyataannya tidak patut disebutkan dan patutlah ditarik balik jika wakil IWK tidak ada bukti



bahawa ada di antara Ahli Parlimen yang menghasut rakyat supaya enggan membayar caj IWK.

Kita sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka di Parlimen dan lain-lain forum, kita telah menerima aduan dan permintaan daripada rakyat mengenai IWK dan lain-lain masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata. Dan sebagai wakil rakyat yang prihatin dan peka kepada permintaan rakyat yang kita wakili, kita cuba memberi maklum balas kepada IWK dan lain-lain agensi kerajaan tentang kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat berkenaan dengan caj IWK dan lain-lain perkhidmatan.

IWK masih menghadapi masalah kutipan bayaran serta pelbagai aduan dan permintaan daripada semua lapisan masyarakat lebih kurang empat tahun selepas perkhidmatan ini diswastakan. Dan ini bermakna, satu sistem yang berpatutan dan satu kadar bayaran yang boleh diterima tanpa rungutan besar dan masalah masih wujud dan IWK tidak patut menggunakan Ahli Parlimen sebagai scapegoat untuk menutup segala kelemahan IWK dalam perkhidmatan mereka. IWK patutlah mengambil kira hakikat penghuni-penghuni rumah kedai yang mempunyai cuma sebuah tandas yang dahulunya cuma bayar caj sebanyak RM3 kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Sekarang, dengan formula yang digunakan oleh IWK, mereka perlu membayar sebanyak RM70 sebulan iaitu lebih 23 kali ganda.

Begitulah dengan penghuni-penghuni atau rumah pangsa yang mempunyai sebuah bilik air dan golongan ini yang dahulunya cuma membayar RM3 sekarang dikenakan sebanyak RM8 sehingga RM12 oleh IWK. Oleh sebab ini, saya merayu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengkaji semula formula atau kadar caj IWK supaya satu kadar yang lebih berpatutan bagi kategori rumah kedai dan unit perumahan yang mempunyai sebuah tandas sahaja. Dalam keadaan krisis ekonomi yang kita hadapi, adalah satu permintaan yang wajar. Mungkin satu tawaran istimewa sebanyak 50 peratus atas kadar sekarang boleh ditimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang rakyat Pulau Pinang tidak puas hati dengan IWK adalah mengenai pembinaan loji pemptungan berpusat bagi bandaraya Georgetown, Pulau Pinang dalam era moden ini. Dalam usaha kita menuju ke Wawasan 2020 di mana Malaysia diharap menjadi satu negara maju dan industri, pusat bandaraya Georgetown tidak mempunyai sebarang loji pemptungan berpusat dan semua najis dan air buangan terus disalir ke laut. Oleh sebab itu rakyat Pulau Pinang berasa kecewa dan tidak puas hati. Mereka menganggap IWK cuma mengutip bayaran daripada penduduk-penduduk Pulau Pinang tanpa membuat apa jua. Najis dan air buangan dibenarkan mengalir terus ke dalam laut di Jelutong dan dari segi kesihatan dan perlindungan alam sekitar keadaan ini tidak boleh diteruskan.

Dalam jawapan kepada soalan saya berkenaan dengan pembinaan loji pemetungan pusat di Georgetown pada 4 November 1997, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengatakan bahawa pembinaan Central Sewage Treatment Plan di Jelutong masih di peringkat kajian dan kejuruteraan dan pembinaannya dijangka bermula apabila proses pengambilan tanah di kawasan tersebut selesai. Ini bermakna, IWK tidak ada satu komitmen atau rancangan yang tetap untuk membina loji pemetungan bagi bandaraya Georgetown. Saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memastikan bahawa pembinaan loji pemetungan bagi bandaraya Georgetown diberi satu keutamaan yang istimewa dan dibina serta-merta demi untuk kesihatan dan keselesaan rakyat Pulau Pinang khususnya, dan rakyat Malaysia pada umumnya, serta memastikan satu alam sekitar yang bersih dalam zaman serba moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita faham dan menerima strategi menggunakan penswastan sebagai cara membangunkan negara. Kita pun faham kos kehidupan akan naik. Kerajaan pun telah mengambil tindakan untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan bagi individu serta syarikat supaya pendapatan lebih ini dapat digunakan untuk membayar kos perkhidmatan sosial yang diswastakan tetapi apa yang mustahak sekali adalah kadar yang dikenakan (cost) serta mutu perkhidmatan. Bila kadar kenaikan kos sosial dinaikkan setanding dengan mutu perkhidmatan yang dijanjikan, maka ini akan

memanfaatkan semua pihak dan jika equilibrium tidak dapat dicapai masih timbul rasa tidak puas hati dengan bayaran yang dikenakan itu, seperti contoh IWK yang saya sebutkan tadi.

Jadi, saya berharap IWK dan lain-lain perkhidmatan sosial yang telah dan akan diswastakan menggunakan satu pendekatan yang mengambil kira kesulitan rakyat, khasnya golongan berpendapatan rendah serta menyelesaikan apa jua masalah yang timbul.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Seremban.

**6.57 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, saya ingin bangun menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tambun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi persidangan Parlimen dahulu saya telah sebut perkara tentang masalah bekalan air dan pada ketika itu lebih ramai Ahli Yang Berhormat berada di dalam Dewan ini.

Pada ketika itu saya sebut hal bekalan air kerana pada masa itu di Selangor menghadapi masalah di mana sebuah loji air telah tercemar. Oleh kerana itu beribu rakyat tidak mendapat bekalan air. Pada masa sekarang kita juga menghadapi masalah tentang air. Izinkan saya pinjam istilah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri iaitu masalah kegawatan air.

Masalah kegawatan air ini lebih serius dan meliputi satu kawasan yang lebih luas. Pada hemat saya masalah kegawatan air itu memang telah menjadi satu masalah yang rumit dan kerajaan perlu mengambil satu langkah yang dianggap cepat dan positif untuk menghadapi masalah ini. Saya ucapkan tahniah kerana kerajaan telah memanggil satu mesyuarat yang telah dipengerusikan khususnya oleh Timbalan Perdana Menteri untuk berbincang

bagaimana caranya untuk mengatasi masalah dan satu cara ialah untuk menggunakan teknologi baru ‘ultra source’ untuk menapis air dari tasik untuk digunakan sebagai air minuman di Lembah Kelang.

Saya rasa bekalan air itu perlu satu rancangan yang teliti dan juga mengambil kira tentang jangka masa panjang. Apa yang dirangka pada masa sekarang ialah untuk jangka masa pendek sahaja. Jadi, untuk mengatasi masalah bekalan air, saya mencadangkan beberapa langkah perlulah diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Pertama sekali ialah kemungkinan pencemaran air di loji-loji air yang terdapat di negara kita ini. Saya rasa kerajaan perlu memberi perhatian tentang loji-loji air yang sedia ada supaya memastikan loji-loji air itu tidak akan tercemar oleh sesiapa pun. Terdapat bahawa pada loji-loji air itu kemungkinan pencemaran air itu memang ada. Kerana kalau kawasan itu telah dicerobohi oleh kilang walaupun haram, tetapi memang terdapat ada juga beberapa tempat di mana terdapat kilang yang telah dibuka di kawasan tadahan air dan juga berhampiran dengan loji air.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang saya ingin sebut ialah kerajaan harus menjaga dengan telitinya tentang tadahan air yang kita tentukan. Walaupun setiap negeri telah mengenal pasti satu kawasan tadahan air dan sebenarnya tidak pernah ada kegiatan industri dan sebagainya tidak boleh dijalankan di kawasan tadahan air itu. Malangnya, terdapat juga pencerobohan kawasan tadahan air dan terdapat juga sebahagian kawasan tadahan itu telah

dirosakkan. Jadi, itulah satu masalah saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan juga bercadang segala rizab tadahan air perlulah diserahkan kepada pihak Kerajaan Pusat untuk memastikan bahawa tadahan itu tidak akan dicerobohi. Jadi, itulah satu pandangan dan satu cadangan.

Yang kedua, saya juga bercadang supaya sistem agihan air kena diteliti dan dikaji semula. Buat masa sekarang pihak negeri berkuasa untuk mengendalikan bekalan air, ia adalah dijaga oleh setiap negeri masing-masing. Pada hemat saya kalau keseluruhannya memang tidak ada masalah untuk mendapat bekalan air kalau diambil kira keseluruhan negara itu. Tetapi kalau diambil berasingan setiap negeri itu mungkin menghadapi masalah. Misalnya, baru-baru ini di negeri Pahang dikatakan tidak ada masalah mengenai bekalan air. Negeri Perak juga dikatakan tidak ada masalah bekalan air. Apa yang berlaku sekarang ialah beberapa negeri menghadapi masalah kekurangan air, iaitu Selangor, Negeri Sembilan, mungkin Sabah dan Sarawak di Miri.

Jadi, jika kita mempunyai satu sistem berpusat, kerajaan atau lembaga air dapat menjaga membuat penyelarasan pada keseluruhannya, maka ini akan dapat kita menentukan bahawa pengagihan air itu dapat dijalankan dengan baik. Jadi, itu satu cadangan saya ingin kemukakan kepada pihak kerajaan dan berharap ini akan dapat ditimbang. Saya cadang supaya cepat mewujudkan satu lembaga air. Saya tidak bercadang supaya pihak Kerajaan Pusat mengambil alih tentang kuasa memberikan bekalan air di setiap negeri itu.

Tetapi untuk pengawasan, penyelarasan untuk seluruh bekalan air itu eloklah serah kepada satu pusat, satu lembaga atau satu pihak berkuasa, berpusat di Federal, maka cara pengagihan itu dapat dipastikan berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah berhubung kait dengan bekalan air ialah tentang paip-paip lama. Sebenarnya sebahagian besar air hilang begitu sahaja kerana paip bocor. Ini memang berlaku di Negeri Sembilan. Sebahagian 40% lebih air telah hilang setiap hari kerana paip bocor. Walaupun pegawai-pegawai di Jabatan Bekalan Air tahu masalah ini, tetapi alasan diberikan ialah kerana kekurangan peruntukan maka paip-paip lama ini tidak dapat digantikan. Jadi, itulah satu masalah yang boleh mengakibatkan kekurangan air pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa perancangan yang dibuat oleh JBA tidak begitu proaktif atau tidak begitu berkesan. Yang kita mengambil kira untuk masa jangka panjang tentang bekalan air untuk masa yang akan datang. Jadi, saya ingin dapat tahu daripada pihak kerajaan apa perancangan tentang bekalan air pada masa tahun 2020, sama ada pada masa itu kita mempunyai bekalan air yang cukup atau tidak. Perlulah buat masa sekarang kerajaan mula buat perancangan untuk memastikan bahawa bekalan air pada masa itu adalah cukup.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan beberapa negeri mula untuk menswastakan bekalan air kepada syarikat-syarikat swasta. Ini mungkin satu langkah yang baik, kerana ikut teorinya privatisation akan meningkatkan

kekesanan atau efisiensi tentang mutu perkhidmatan yang akan diberikan. Saya ingin mengingatkan kerajaan jangan ikut jejak IWK. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan hal ini, saya pun tidak mahu sentuhlah tentang masalah yang dihadapi oleh pihak IWK ini. Kalau syarikat-syarikat yang dipilih diberikan tanggungjawab untuk memberi bekalan air di negara kita ini dan timbul pula masalah-masalah seumpama yang dialami oleh IWK, saya rasa pada masa itu rakyat kita akan mengalami banyak kesulitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan akan mengambil kira beberapa perkara saya telah sebut tadi. Sebenarnya masalah kekurangan air memang berlaku setiap hari, bukan sahaja pada musim kemarau. Sekarang kalau pegawai kerajaan atau JBA menjelaskan bahawa kekurangan air itu adalah kerana kemarau, rakyat tidak boleh terima alasan itu. Apa yang dikehendaki oleh rakyat ialah apabila paip dibuka terdapat bekalan air dari paip itu. Di kawasan Negeri Sembilan, di Lukut, di Bukit Pelanduk, di Timia kekurangan bekalan air itu sentiasa berlaku, sampailah apabila pembawa lori untuk memberikan air dalam keadaan ketiadaan air itu berlaku pergaduhan. Sampai ada satu kes di mana kunci lori itu diambil oleh penduduk yang telah marah, kerana kononnya lori itu tidak sampai ke rumah mereka. Jadi, itu timbul banyak masalah. Saya sendiri juga mengalami masalah kekurangan air.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, saya berharap pihak kerajaan dan juga jabatan-jabatan yang berkenaan mengambil berat tentang masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak mata wang Ringgit dan pasaran saham diserang oleh spekulator asing pada bulan Jun 1997, kerajaan kita telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah kegawatan ekonomi. Selepas Belanjawan 1998 dibentangkan pada bulan Oktober tahun lalu, Timbalan Perdana Menteri sendiri telah dua kali membuat pengumuman dalam Dewan yang mulia ini untuk menggariskan beberapa langkah tambahan untuk mengatasi permasalahan kewangan dan ekonomi negara.



Langkah-langkah dan tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan termasuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan, penangguhan projek-projek besar, mengamalkan sikap jimat cermat, langkah fiskal dan kewangan untuk memperkukuhkan sistem kewangan dan kerajaan juga mewujudkan MTEN untuk merangka strategi untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini antaranya adalah bertujuan untuk memperbaiki kelemahan, menyesuaikan ekonomi kita dengan keadaan terkini dan yang penting sekali pada hemat saya ialah untuk meningkatkan keyakinan para pelabur dan orang ramai dari dalam dan luar negara. Sebenarnya soal keyakinan adalah soal pokok untuk memulihkan ekonomi kita. Selagi rakyat tidak mempunyai keyakinan terhadap negara dan ekonomi kita, semua langkah-langkah yang telah dirancang dan dilaksanakan tidak akan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Pada masa di mana harga saham dan nilai mata wang ringgit berada pada tahap yang terendah sekali, ramai ragu-ragu dan bimbang terhadap masa depan ekonomi kita. Khabar-khabar angin dan cerita-cerita yang bukan-bukan tersebar dengan hebatnya setiap hari di kalangan masyarakat kita. Apabila melihat beberapa bank di Thailand dan Indonesia ditutup oleh IMF terdapat segelintir rakyat mula rasa ragu dan hilang keyakinan tentang institusi kewangan di Malaysia. Mereka mula mengeluarkan wang tabungan mereka dari bank tempatan dan simpan ke dalam bank asing walaupun dengan kadar

faedah yang lebih rendah. Mereka sanggup membuat demikian kerana kononnya ada bank tempatan di Malaysia telah hilang keupayaan untuk membayar balik wang yang telah mereka simpan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika itu Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri merayu rakyat bertenang dan menasihatkan bahawa institusi kewangan adalah sihat kerana dikawal selia dengan ketat oleh Bank Negara dan semua simpanan adalah terjamin oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Presiden Parti MCA serta Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri juga membuat roadshow di setiap negeri untuk menerangkan kepada persatuan-persataun perniagaan dan rakyat tentang isu-isu ekonomi dan meminta rakyat supaya jangan mengeluarkan wang dari bank tempatan untuk menyimpan wang itu di bank asing. Pada masa yang sama kita rasa kecewa bila masalah Sime Bank dan lain institusi kewangan didedahkan. Sime Bank mengumumkan kerugian sebanyak RM1.81 bilion dan memerlukan suntikan wang untuk menjalankan perniagaan. Setiap perniagaan tentu ada risikonya, soal untung dan rugi memang adalah satu perkara yang biasa. Yang jadi persoalan dalam kes ini adalah mengapa bank ini memberi pinjaman yang besar kepada beberapa orang sahaja seperti disebut oleh rakan Yang Berhormat dari Libaran.

Mengikut Ketua Pengarah Sime Bank dan Sime Darby, bank berkenaan juga meluluskan pinjaman sebanyak 22% dari jumlah pinjaman untuk membeli

saham walaupun had yang ditetapkan oleh kerajaan adalah 15% sahaja. Saya berharap Bank Negara akan mengambil tindakan terhadap orang yang bertanggungjawab terhadap kerugian yang dialami oleh Sime Bank. Ini adalah bertujuan untuk memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem perbankan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Non Performing Loans, dengan izin, harus ditangani dengan teliti. Mengikut Bank Negara, Non Performing Loans pada akhir Februari 1998 adalah 8.7% tetapi bagi ahli analisa kewangan, mereka berpendapat bahawa angka ini adalah melebihi 10%. Keadaan ini diramalkan akan bertambah serius pada masa yang akan datang. Mengikut beberapa ahli analisa, salah satu sebab krisis kewangan di Asia adalah pertumbuhan kredit yang terlalu besar. Pinjaman bersifat short-terms, dengan izin dari luar negara juga bertambah besar. Sebahagian besar pinjaman ini juga digunakan dalam sektor yang tidak produktif. Masalah ini walaupun tidak begitu serius bagi Malaysia tetapi satu langkah yang berkesan harus diambil untuk menangani masalah ini.

Saya mengalu-alukan pengumuman Timbalan Perdana Menteri dan Bank Negara tentang langkah-langkah yang akan diambil baru-baru ini untuk memperkukuhkan sistem perbankan di Malaysia. Langkah-langkah ini adalah wajar dan perlu. Salah satu langkah yang diperkenalkan ialah memperkenalkan satu dasar kewangan baru untuk mengurangkan pertumbuhan kredit tidak

melebihi 5% pada hujung tahun 1998. Ini adalah satu langkah yang baik dan untuk memastikan bahawa sektor-sektor produktif tidak terjejas dengan langkah baru ini maka kerajaan juga membenarkan supaya kredit diberikan untuk membeli rumah berharga kurang daripada RM150,000 seunit.

Tetapi malangnya baru-baru ini saya baca dalam surat khabar ada satu konsortium yang merupakan sebuah pemaju di Kuala Lumpur telah mengumumkan bahawa mereka boleh dapat pinjaman walaupun harga rumahnya di antara RM250,000 hingga RM350,000 seunit. Kalau ini berlaku maka keyakinan terhadap langkah-langkah yang diumumkan tidak akan tercapai matlamat atau keyakinan terhadap kerajaan tentang keseriusan untuk memperkenalkan langkah-langkah baru akan disoal. Jadi saya berharap kerajaan mengambil perhatian dalam hal ini dan memberikan satu jawapan mengapa ada pihak boleh dapat pinjaman untuk membeli rumah-rumah dengan harga melebihi RM150,000.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini juga diberitahu bahawa kadar inflasi dijangka meningkat pada kadar 7% hingga 8%. Ini disebabkan kesusutan Ringgit semenjak pertengahan tahun. Pada tahun lalu kadar inflasi adalah rendah iaitu pada 2.7% sahaja. Kadar inflasi ini diukur oleh Indeks Harga Pengguna atau CPI. CPI ini disediakan oleh Jabatan Perangkaan. Ramai orang berasa kadar inflasi yang diumumkan oleh kerajaan tidak mencerminkan

keadaan yang sebenar. Mereka berpendapat bahawa kadar inflasi sebenarnya adalah lebih tinggi daripada kadar yang diumumkan secara rasmi.

Untuk menyediakan Indeks Harga Pengguna, sebanyak 430 jenis barangan yang ditetapkan dari 16,000 kedai telah dikutip setiap bulan oleh Jabatan Perangkaan untuk tujuan menyediakan indeks ini. Kaedah yang digunakan adalah selaras dengan banyak negara termasuk Amerika Syarikat. Harga bagi sesuatu barang mungkin berbeza dari tempat ke tempat, umpamanya harga makanan di bandar tentu lebih mahal dari luar bandar.

Oleh kerana itu saya bercadang apa salahnya kalau kerajaan dapat menyediakan sekurang-kurangnya dua atau lebih Indeks Harga Pengguna mengikut kawasan iaitu satu untuk bandar besar seperti di Kuala Lumpur; dan satu lagi bagi luar bandar. Dengan cara ini kerajaan dapat menyediakan satu kadar inflasi yang boleh mencerminkan pengelasan harga yang sebenar. Indeks Harga Pengguna bagi Februari meningkat sebanyak 4.4% jika dibandingkan dengan bulan Februari tahun lalu. Peningkatan indeks ini disebabkan oleh kenaikan harga makanan khususnya sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan.

Untuk mengatasi masalah inflasi, saya mencadangkan meningkatkan usaha kerajaan terutama kerajaan negeri untuk menambahkan pengeluaran tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, memberi lebih lesen penjaja atau membuka lebih banyak hawkers centre, dengan izin, untuk jualan makanan

dengan harga yang lebih rendah. Yang ketiga meningkatkan penguatkuasaan terhadap peniaga yang menaikkan yang tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kegawatan ekonomi, saya bersetuju kerajaan melaksanakan dasar fiskal berhemah dan pada hari ini saya juga mengalu-alukan memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik. Saya berasa gembira kerana kerajaan sentiasa mengutamakan pendidikan dan berusaha ingin memajukan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang cemerlang. Kali ini dari RM1 bilion peruntukan tambahan ini kerajaan juga memberikan sebanyak RM200 juta bagi menambah kemudahan pendidikan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak mengabaikan kemajuan pendidikan dalam masa yang seumpama ini.

Baru-baru ini saya terdengar Kementerian Pendidikan telah menghantar surat kepada pihak sekolah untuk mengarahkan supaya sekolah tidak dibenarkan mengambil guru sementara yang baru atau untuk menggantikan jawatan kosong. Kalau ini dilaksanakan, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang keadaan kekurangan guru akan bertambah serius khususnya di sekolah-sekolah SRJK(C).

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bilangan guru pelatih bagi tahun ini akan dikurangkan. Ini tidak sepatutnya dilakukan, saya difahamkan pada mulanya bilangan guru pelatih Bahasa Cina yang akan diambil pada tahun

ini adalah 1,000 pelatih, tetapi kerana kekurangan peruntukan kerajaan hanya akan mengambil seramai 300 orang sahaja. Sebenarnya rancangan asal untuk melatih seramai 1,000 orang telah pun dianggap tidak mencukupi. Oleh kerana itu kalau bilangan guru bahasa dikurangkan lagi maka masalah kekurangan guru akan bertambah serius dan ini menjejaskan berjuta orang pelajar.

Pada masa Rang Undang-undang Pendidikan baru dibentangkan di Parlimen pada tahun 1996 kerajaan telah menjelaskan bahawa pendaftaran bagi 60 buah lebih sekolah menengah swasta. Yang sedia ada adalah dianggap sudah mendaftar dan secara tegas tidak perlu didaftar lagi. Tetapi malangnya ada pegawai dari Kementerian Pendidikan menganggap ini berlainan dan berpendapat bahawa sekolah ini perlu didaftar dari semasa kesemasa. Saya rasa kecewa terhadap sikap pegawai-pegawai ini.

Sebenarnya kerajaan Barisan Nasional telah jelas, begitu nyata tentang pendirian pihak kerajaan dan perkara ini telah dipersetujui di dalam kabinet tentang pendaftaran sekolah-sekolah menengah swasta ini. Sekolah-sekolah swasta ini sedia wujud tidak perlulah didaftar semula. Tetapi malangnya ada juga pegawai dari Kementerian menganggap berbeza dari apa yang disetujui oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional mendapat sokongan rakyat sejak negara merdeka kerana Barisan Nasional sentiasa menunaikan janji

dan saya berharap keyakinan terhadap Barisan Nasional tidak dijejaskan oleh tindakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan ‘krisis’ dalam Bahasa China ialah dengan izin, ‘wei chie’ ia mengandungi dua perkataan ‘wei’ bererti bahaya, dan ‘chie’ bermaksud peluang. Sebenarnya krisis ini merupakan peluang bagi kita untuk memperkukuhkan sistem kewangan ini. Kalau masalah kegawatan ekonomi ditangani dengan cara baik, maka ini akan dijadikan sebagai peluang bagi kita semua. Sebaliknya kalau kita tidak menangani masalah dengan baik, maka masalah krisis kewangan akan merumitkan negara dan akan membawa bahaya kepada negara kita ini. Oleh kerana itu saya berharap semua rakyat akan memberi sokongan dan kerjasama kepada kerajaan untuk sama-sama membantu negara mengatasi krisis kewangan ini. Sekian saya menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Bintulu.

**7.25 mlm.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, pada larut malam Krismas tahun lalu sebuah kompleks bahan kimia di Tanjung Kedurong, Bintulu sudah meletup, satu-satunya loji Shell Middle Distillate Synthesis (SMDS) di dunia yang berupaya menukarkan gas asli kepada gas cecair, petrol, diesel, kerosene dan lain-lain produk, telah meletup di tengah-tengah rangkaian kompleks loji petrokimia yang berhampirannya seperti loji MNLG, ABF, terminal minyak mentah Shell Bintulu (BCOT), Sarawak Electric Supply



Corporation (SESCO) loji LPG, Bintulu Edible Oil Sendirian Berhad, tangki simpanan minyak sawit dan lain-lain. Letupan mula keluar dari tengah-tengah loji apabila tangki oksigen meletup. Letupan yang kedengaran seluruh bandar Bintulu menghasilkan gegaran dan menghancurkan kaca panel tingkap cermin, meretakkan dinding dan memisahkan ruang-ruang dalam beberapa rumah sejauh 12 kilometer. Di dalam loji sendiri ketulan besi panas seberat 3 ke-4 tan terbang bagai peluru berpandu sejauh 2 kilometer menyebabkan kerosakan teruk pada loji MNLG berhampiran. Bahagian bangunan seperti dinding, bumbung dan atap pejabat, gudang, bilik enjin-enjin besar musnah oleh gelombang letupan. Kejadian itu seumpama babak peperangan, yang bernasib baik ialah hanya terdapat 12 cedera ringan dan tidak ada kematian. Letupan itu tidak pula merebak dan menyebabkan letupan berangkaian ke atas loji-loji petrokimia lain bersebelahan. Akibat serius letupan semasa hari bekerja biasa tidak boleh dibayangkan.

Dalam tahun 1993 bila loji mula beroperasi saya telah pun memberikan ingatan dan amaran kepada loji SMDS supaya berhati-hati mengenai letupan di loji terutama apabila terdapat letupan kecil di loji. Peringatan yang saya berikan nampaknya dibuat seperti tidak mendengar dan sudah tentu loji tersebut meletup semula. Lebih teruk lagi ia terjadi tanpa kawalan. Tidak ada pihak yang tahu apa hendak dibuat, tidak ada amaran dari sesiapa pihak radio atau TV, setengahnya cuba melarikan diri ke bandar Sibu yang lain pergi ke tapak untuk menyaksikan kebakaran. Tauke pam minyak terpaksa berjaga malam hingga jam 2.00 pagi untuk mengisi minyak bagi mereka yang berpindah menyelamatkan diri.

ROS730

Ini disebabkan orang awam Bintulu tidak diberi maklumat yang cukup mengenai kemalangan. Orang ramai hanya boleh meramal apabila mereka

tidak mempunyai matlamat yang betul. Pihak berkuasa hendaklah memberikan maklumat yang cukup kepada orang ramai secepat mungkin bagi memaklumkan orang ramai apa yang berlaku. Kita tidak mempunyai kemudahan pencegahan kebakaran bagi mengawal letupan besar, kalau pada hari yang berikutnya banyak bahan kimia, pencegahan kebakaran telah diterbangkan dari Kuching bagi memadamkan kebakaran di dua buah tangki. Kalau api itu tidak dapat dikawal ianya akan turut membakar lima tangki simpanan di sebelahnya dan bertambah marak lagi hingga loji MNLG yang berhampiran. Sehubungan dengan ini, bagaimana hospital baru Bintulu, adakah ia dilengkapi kemudahan perubatan untuk menghadapi kebakaran loji petrokimia?

Saya difahamkan piawaian keselamatan yang diamalkan oleh industri minyak dan gas sangat ketat menurut amalan yang diiktiraf antarabangsa, juga untuk kepentingan kakitangan industri minyak dan gas untuk memakai piawaian tertinggi keselamatan kerana risiko pelaburan yang tinggi yang mereka uruskan. Tetapi kita perlu tahu bahawa tidak semua faktor risiko boleh dikenal pasti dan dielakkan pada tahap perancangan meskipun kesilapan manusia tidak boleh 100% dielakkan. Bagaimana pula laporan CIMAH antara kehendak salah satu yang perlu dimaklumkan kepada orang ramai bahaya yang dihadapi oleh setiap loji semasa kemalangan berlaku dan apakah orang ramai patut berbuat. Adakah ia telah disiapkan dan dikemukakan kepada Jabatan

Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan oleh setiap pemilik loji. Jika ada, apakah sebab berlakunya letupan itu?

Banyak hal boleh berlaku tetapi tidak pun terjadi, penduduk Bintulu bernasib baik tetapi kita tidak boleh bergantung kepada nasib baik setiap masa. Para perancang kita perlulah memikirkan semula pembangunan industri di Bintulu bagi memastikan keselamatan semua pihak. Saya tidak nampak apa-apa pertimbangan dan sebab musabab pemasangan petrokimia Tanjung Kedurong dari aspek keselamatan.

Semua industri berisiko tinggi tidak perlu terlalu berdekatan, ia boleh dengan mudah dijarakkan dengan memasang beberapa kilometer saluran paip dan kabel. Tapak MNLG3 nampaknya terletak betul di belakang loji MNLG1 dan loji MNLG2, MNLG3 tidak merupakan sambungan loji yang ada sekarang. Mengapa membinanya terlalu hampir? Bagaimana kita memastikan bahawa risiko loji ini meletup berada di peringkat rendah. Tidakkah sesebuah loji dibina berhampiran kurang risiko, mengapakah meletakkan ‘telor-telor dalam satu bakul’?

Pihak berkuasa hendaklah menjalankan kajian bagi memastikan risiko yang bersangkutan dengan sesuatu industri di kawasan Tanjung Kedurong. Zon keselamatan mestilah dirangka bagi mentakrif had keselamatan supaya kegiatan kediaman dan komersial tidak dijalankan terlalu hampir dengan industri berisiko tinggi. Pada mana letupan atau kebakaran di SMDS, MLNG, BCOT,

ABF perlu disetempatan dan dikawal dalam kawasan Tanjung Kedurong yang terlibat sahaja. Salah satu kebimbangan dan ketakutan penduduk Bintulu ialah letupan tangki amonia di loji ABF.

Pelepasan tanpa kawalan gas amonia tidak sahaja akan menutup kawasan Tanjung Kedurong malah ia akan merebak ke kawasan kediaman. Apakah kajian yang telah dibuat setakat ini bagi memastikan pencegahan gas toksik sekiranya berlaku kemalangan pelepasan? Orang awam Bintulu seluruhnya tidak bersedia menghadapi apa jua keadaan seperti ini. Penyelidikan awam mestilah dijalankan bagi memaklumkan orang ramai risiko yang dihadapi di setiap loji di Tanjung Kedurong dan langkah-langkah perlindungan yang diperlukan sekiranya berlaku kemalangan.

Inilah masanya MLNG, SMDS, BCOT, ABF patut bertanggungjawab mengambil berat hal ehwal Bintulu bukannya dilihat sebagai pihak yang mengaut sahaja. Mereka memaklumkan orang ramai bahaya loji-loji di Tanjung Kedurong, mereka boleh menghantar staf untuk berceramah di sekolah-sekolah kumpulan kaum, agama dan lain-lain. Selagi penduduk Bintulu menyedari apa yang berlaku mereka tidak akan membangkitkan rasa ketakutan tidak berasas bila berlaku kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita memikirkan sejenak apakah sebenarnya penduduk Bintulu perolehi dari semua loji ini menjangka dari pengaliran keluar sumber asli kita yang mana kita perolehi 5% royalti atau syer kecil dalam

loji tersebut. Tidak patut kongsi lebih banyak peruntukan keuntungan memandangkan risiko besar yang penduduk Bintulu pikul, kita terpaksa mencatu bekalan air kita supaya mereka boleh menguruskan operasi di loji-loji petrokimia bagi Petronas membuat wang.

Hari ini kita akan menghadapi risiko keputusan bekalan air dan dalam hubungan ini apakah loji-loji petrokimia berbuat untuk membantu penduduk Bintulu. Walaupun Syarikat SMDS cuba membayar pampasan atas kerugian akibat tingkap pecah, siling premis terkopak dan banyak lagi tetapi bagi mereka yang bekerja sebagai buruh kontrak di SMDS, mereka telah diberhentikan kerja tanpa membayar sebulan gaji kerana SMDS diisytiharkan 'first mayor', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak berasaskan undang-undang sekurang-kurangnya berasaskan perikemanusiaan. SMDS patut membayar buruh kontrak ini sekurang-kurangnya satu bulan gaji meskipun perjanjian kontrak mereka menyebut dua bulan notis. Memandangkan mereka masih mempunyai keluarga yang perlu diberi makan dan memerlukan masa untuk mencari pekerjaan baru sedangkan sekarang sangat sukar kerana ekonomi kita terkena pukulan teruk oleh kemelesetan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah apa yang saya maksudkan oleh loji-loji petrokimia gergasi industri yang beroperasi di Bintulu. Mereka menggunakan sumber asli kita kemudian membiarkan kita menanggung risiko membuang apa

juga barang buangan dan sisa yang mereka ada di Bintulu kemudian membuat keuntungan dan apabila berlaku kemalangan, minta maaf, 'first mayor', dengan izin.

Gergasi industri melabur di Bintulu wajar lebih peka dengan keperluan tempatan, lagipun siapa yang lebih memahami tekanan dan ketakutan yang kita alami terutama anak-anak kita, wanita dan orang tua yang telah menempuh ketakutan dahsyat pada malam Krismas 1997. Kami difahamkan sekarang SMDS telah menghantar satu pasukan pakar teknik untuk menjalankan siasatan seperti banyak kemalangan besar yang lain, laporan-laporan akan dikemukakan kepada pihak berkuasa dan kementerian tertentu. Tindakan pencegahan akan direkomenkan dan banyak pelajaran akan dijadikan pengajaran, tetapi dapatkah semua ini mengelakkan kemalangan serupa dari berlaku lagi pada masa depan. Kesimpulan biasa dari kemalangan utama seperti letupan SMDS akan menjadi seperti inilah, iaitu:

- (a) kegagalan teknologi;
- (b) menamakan beberapa orang penjangkat yang tidak menunaikan tanggungjawab dan tugas; dan
- (c) kegagalan pengurusan dan hal-hal lain.

Tetapi secara realiti dan dalam kekusutan ini kita tidak boleh mengasingkan satu sama lain. Ia patut sering saling berhubungan dan saling bergantung dalam semua aspek pengurusan. Seperti yang disebut tadi tiga

sebab disebut untuk mengenal pasti masalah. Ini serupalah seperti membuat pemindahan jantung tanpa menilai keadaan kesihatan keseluruhan sistem tubuh. Ia akan bermakna jika kita menguruskan sistem kita dengan pendekatan yang total dan terbaik untuk memberi khidmat kepada manusia dan alam sekitar dan bukan kerana operate yang wujud hanya semata-mata membuat kehidupan, keuntungan atau memenuhi kepuasan pelanggan tetapi menjadi pihak yang bertanggungjawab penuh dan komited untuk berkhidmat kepada manusia.

Saya berharap pihak pengurusan akan memandang secara luas mengenai apa yang berlaku di SMDS Bintulu dan sama-sama berkongsi wawasan oleh industri untuk tanggungjawab bersama dan obligasi kepada masyarakat, jiran tetangga, meliputi keselamatan, kesihatan dan kebajikan serta perlindungan alam sekitar dari pencemaran bagi menggantikan tumpuan mereka kepada keuntungan pemilik saham atau membuat keuntungan atau memenuhi kepuasan pelanggan semata-mata. Satu lagi perkara penting ialah jerebu yang masih berada dan menguasai ruang udara bahagian utara Sarawak. Miri merupakan tempat yang menerima pukulan hebat dan sekarang di Bintulu juga. Bacaan IPU di Miri hampir 400 pada setiap hari. Ada hari-hari bacaan IPU mencatatkan lebih tinggi lagi. Pada 13 Mac tahun ini IPU bagi Miri pada jam 8.00 pagi ialah 987. IPU terburuk pernah tercatat dalam negara. Bacaan IPU pada jam 9.00 pagi itu adalah

berdasarkan kiraan purata 24 jam ialah 541. Adalah amat memeranjatkan saya bahawa dengan IPU berada pada paras amat merbahaya, para pelajar masih lagi dikehendaki pergi ke sekolah seperti biasa, lain-lain pun menjalani kehidupan seperti biasa seolah-olah tidak ada yang buruk mengenai jerebu kecuali lapangan terbang ditutup beberapa kali sepanjang 2 bulan, apabila paras penglihatan terlalu rendah.

Adalah amat mendukacitakan situasi ini tidak berada di bawah kawalan, tetapi dibiarkan begitu saja selama hampir 3 bulan. Selama ini kerajaan nampaknya tidak mengambil tindakan besar-besaran untuk memadamkan kebakaran seberapa segera. Hanya usaha pemadaman api kecil-kecilan sahaja dijalankan. Di sana tidak cukup anggota bomba, peralatan dan lain-lain untuk membuat kerja, pastilah krisis jerebu itu di utara Sarawak makin tertangguh dan meningkat. Yang paling mengecewakan, ialah kerajaan tidak, masih tidak mahu belajar dari kejadian jerebu tahun lalu selain banyak seruan sejak awal Ogos tahun lalu oleh rakyat Sarawak dan oleh kami juga supaya ditubuhkan Jawatankuasa Bertindak Jerebu Sarawak untuk merangka rancangan dan tindakan bagi mengurangkan jerebu. Tidak ada apa-apa tindakan yang dibuatnya, malah terdapat satu amaran menerusi Internet pada 30 Ogos 1997 berbunyi:

“Pembersihan hutan ribuan hektar tanah bagi memberi laluan untuk penanaman kelapa sawit di Sarawak menjadi



punca jerebu menguasai angkasa Sarawak. Amalan pembakaran terbuka tidak dibenarkan untuk sesebuah projek pembangunan seperti skim perladangan menurut garis panduan EIA yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri NREB.”

Tuan Yang di-Pertua, sistem Complete Haze Responds Capability (CHRC) yang telah lama ditunggu-tunggu yang boleh digunakan untuk menghantar lebih awal amaran jerebu nampaknya masih belum kelihatan atau kedengaran. Menurut Dato’ Adenan bin Satim Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sarawak semasa beliau menjawab soalan Yang Berhormat Wong Ho Leng ADUN Bukit Asek Sarawak, di Dewan Negeri Sarawak tahun lalu bahawa CHRC ialah usaha Ketua Menteri Sarawak semasa beliau meninggalkan Sarawak semasa Darurat Jerebu Sarawak untuk menemui pakar-pakar di Amerika Utara. Rakyat di utara Sarawak hendak tahu lebih lanjut bagaimana CHRC ini boleh berperanan membantu menghapuskan jerebu yang merbahaya sepanjang tiga bulan ini. Rakyat utara Sarawak hendak juga mengetahui jika punca jerebu di utara Sarawak di setempat, disebabkan oleh kebakaran penanaman kita sendiri atau tidak. Mengapakah pihak berkuasa tidak efektifq dalam mengawal kebakaran hutan yang tidak terkawal lagi. Jika pihak berkuasa kerajaan tidak boleh mengawal kebakaran di Sarawak, bagaimana Kerajaan Malaysia boleh mengharap, malah minta

Pihak Berkuasa Indonesia mengawal kebakaran hutannya. Tiga bulan lalu Kerajaan Negeri Sarawak mengumumkan 20 syarikat yang telah didenda RM2,000 setiap syarikat kerana pembakaran terbuka yang dipercayai menjadi punca utama jerebu di utara Sarawak. Ini sungguh melucukan dan menjadi satu momokan komitmen kerajaan untuk mengawal bencana kerana denda maksimum ialah RM20 ribu dan penjara 3 tahun.

Saya menyeru Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara Yang Berhormat Dato' Mohamed bin Rahmat untuk memberi kita semua sama ada para pemimpin kerajaan, Barisan Nasional Negeri Sarawak termasuk wakil-wakil rakyat terlibat dalam syarikat-syarikat yang bertanggungjawab ke atas pembakaran terbuka di utara Sarawak dan merupakan pembawa kesusahan dan merbahaya kepada penduduk di sana. Apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka dan apakah tindakan diambil terhadap keadaan jerebu yang begitu teruk di utara Sarawak sekarang. Terdapat beberapa peristiwa bersejarah yang menggambarkan kesan buruk terdedah kepada dan pencemaran udara. Kanak-kanak begitu lemah kepada pencemaran udara atas banyak sebab termasuk faktor saluran penafasan mereka lebih sempit berbanding orang dewasa. Mereka memerlukan oksigen yang bertambah sesuai dengan saiz mereka, mereka bernafas lebih pantas dan menyedut lebih banyak bahan tercemar setiap paun berat badan dan mereka menggunakan lebih banyak masa membuat kegiatan luar berbanding orang dewasa. Orang tua tidak terkecuali kerana bagi orang tua yang berumur mereka lebih peka kepada pencemaran udara disebabkan tahap keselamatan dalam berbagai sistem organ mereka kian menurun termasuk sistem pernafasan dan kekebalan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sarawak seperti semua rakyat Malaysia yang lain, mempunyai hak mendapat udara bersih dan alam sekitar yang bebas jerebu di bawah undang-undang antarabangsa Convention Montreal mengenai hak-hak mendapat alam sekitar yang bersih. Oleh itu kita tidak seharusnya dinafikan daripada melaksanakan hak tersebut. Kerajaan hendaklah memastikan undang-undang kita dilaksanakan tanpa berat sebelah bagi memastikan kita mendapat alam sekitar dan udara yang bersih. Kita semua tahu kerajaan memang sudah cakap banyak mengenai tindakan yang telah mereka ambil terhadap jerebu yang ada di utara Sarawak. Tetapi sampai sekarang, tiga bulan selepas jerebu terjadi di utara Sarawak, masalah ini belum lagi diatasi dan jerebu ataupun kebakaran di sana masih belum dihapuskan.

Rakyat di utara Sarawak merasa bahawa mereka dibiarkan sahaja, tidak dipedulikan. Tiada orang yang mahu mengambil tindakan untuk tolong mereka. Saya tidak faham mengapakah kerajaan tidak mengambil tindakan yang berat terhadap jerebu di utara Sarawak. Mereka di utara Sarawak merasa sama juga kerana di sana IPU jerebu telah pun mencatat mata yang begitu tinggi dalam kira-kira tiga bulan ini. Kelmarin saya difahamkan darurat baru diisytiharkan di Miri, tetapi mengapa mengambil masa yang begitu lama selepas rakyat mengalami kesusahan dalam keadaan ini, begitu lama baharulah kerajaan mengambil tindakan untuk mengisytiharkan darurat.

Ini bukan bererti mereka telah pun menyelesaikan masalah jerebu ini di utara Sarawak hanya ambil tindakan untuk mereka mengistiyarkan. Bilakah keadaan jerebu ini akan dihapuskan di utara Sarawak termasuk di Bintulu?

Saya baharu mendapat telefon dari Bintulu keadaan di sana begitu teruk juga. Saya berharaplah kerajaan akan mengambil tindakan, mengambil berat perkara ini di Sarawak. Walaupun Sarawak adalah jauh dari Semenanjung dan susah untuk kita semua memahami keadaan di sana dan juga kurang dilaporkan dalam surat khabar ataupun TV, Radio, tetapi saya percaya rakyat di Semenanjung sini sama-sama merasa kesusahan rakyat di utara Sarawak. Saya berharaplah kerajaan akan mengambil tindakan secepat mungkin untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kuala Pilah.

**7.52 mlm.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana berkesempatan turut sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini sungguhpun dalam keadaan suasana dewan yang nampak begini rupa dan pihak pembangkang pun daripada Bintulu mungkin kerana dia baru lepas bercakap.

Izinkan saya merakamkan dukacita saya dalam sesi-sesi yang dahulu, pembangkang hanya menunggu kelihatan macam ini, tetapi bila dalam suasana ini beginilah rupanya, lengang, seorang pun tidak ada, kecuali seorang daripada Bintulu. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta rakamkan dalam

Dewan yang mulia ini supaya akauntabiliti, responsibiliti kepada semua pihak bukan hanya untuk bercakap bila ada galeri sahaja.

Walau bagaimanapun, saya dengan rakan-rakan yang ada, syabas saya ucapkan kepada Timbalan Menteri Pengangkutan dan juga kepada sahabat saya, wakil wanita kita daripada Parit. Kita hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, harap kita begitu serius bila bercakap, ada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri ramai datang, apabila tidak ada serupa 'kucing dengan tikus'. Saya ingin menyatakan perasaan amat dukacita saya atas sikap Ahli-ahli Parlimen yang ada masa kini. Walau bagaimanapun, kepada pembangkang jangan sesekali esok ambil kesempatan, masa kita solat Maghrib masa itu dia panggil kuorum. Kita sama-sama bertanggungjawab dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, boleh beri saya masa lebih sedikit nanti kerana saya banyak hendak cakap. Sekarang ini kita sudah banyak mendengar menyebut berkenaan kegawatan ekonomi negara kita dan Seri Paduka pun telah bertitah menyatakan, menyaran, menyeru supaya rakyat Malaysia berbilang kaum, agama mempunyai satu penghayatan, kesedaran, keinsafan dan betul-betul memberikan satu perhatian yang serius keadaan ekonomi negara masa kini dan masih banyak juga yang main-main politik tanpa menentu dan juga keghairahan dan tidak ada kesungguhan lebih-lebih lagi ketua pembangkang,

yang bercakap ikut perasaan sahaja dan tujuan yang tidak murni, tidak ada keikhlasan dan kejujuran. Hanya untuk kepentingan politik persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia inilah tempat kita berhujah. Di Dewan yang mulia inilah kita membuat undang-undang dan di Dewan yang mulia ini juga kita menentukan untung nasib bangsa kita dan generasi kita akan datang. Kepada pegawai-pegawai yang ada, yang masih tinggal lagi, saya ucapkan syabas jugalah untuk Ketua Jabatan agaknya tidak juga datang ini. Kalau datang pun peringkat bawah sahajalah. Jadi, saya fikir dalam suasana begini saya menyerulah semua pihak betul-betul peka dan prihatin dalam keseriusan kerana pemimpin agung kita Presiden atau Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri saban hari tidak tentu masa, ketika menjelajah ke seluruh dunia untuk memulihkan semula kegawatan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, pengorbanan rakyat sangat diperlukan masa kini dan juga kita hendak tentukan bahawa dalam keadaan Malaysia menghadapi satu keadaan yang begitu serius banyak perkara yang perlu diberi priority, terutamanya saya ingin nyatakan di sini bahawa kalau dikatakan ada ditubuhkan tabung ataupun dana bantuan rakyat oleh rakyat. Saya harap perkara ini adalah satu tujuan yang cukup mulia, mulia dalam erti katanya meminta supaya setiap lapisan masyarakat tidak kira status apa sekalipun supaya dapat menyumbangkan kepada negara.

Dalam konteks ini terpulanglah kepada pucuk pimpinan kerana rakyat jelata hanya mengikut dan lebih-lebih lagi mereka yang duduk di dalam kampung, mereka ini dalam sokongan tidak berbelah bahagi, tetapi kepimpinan itu yang penting. Secara seriusnya mereka itu bertindak ketua-ketua jabatan, ketua badan-badan korporat jangan hanya nak mencari untung sahaja. Bila keadaan ekonomi baik mereka semua berlagak ke sana ke mari, hebat, sokong sana sokong sini tetapi bila ada sedikit berlaku kegawatan mereka juga kadangkala menjadi musuh dalam selimut. Ini saya fikir patut kita sama renungi. Dia hanya memikirkan untuk RM (Ringgit), kepentingan wang sahaja dan dalam konteks ini saya minta juga agensi-agensi kerajaan yang telah selama-lama ini mendapat segala kemewahan bantuan kerajaan, apabila sampai masa ketikanya mereka tidak payahlah disuruh, diarahkan, sepatutnya tampil dengan sukahati kerelaan sendiri memberi bantuan untuk kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa sekarang ini kita menghadapi keadaan yang begitu tidak menyenangkan. Dalam suasana yang begitu hebat negara-negara jiran menghadapi keadaan serupa, yang amat menyedihkan kita kemasukan pendatang tanpa izin. Tanpa dijemput, tanpa diundang mereka berpusu-pusu sanggup menyabung nyawa hendak membolosi ke negara kita. Saya percaya banyak telah diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya dalam dewan ini, tetapi sampai masanya saya ingin menyarankan di sini supaya kerajaan yang ada hari ini marilah betul-betul

serius, tegas menangani masalah ini. Kita tidak mahu nanti kita diperkatakan seolah-olah pepatah Melayu “kera di hutan disusu anak di pangkuan mati kelaparan”.

Ini saya fikir penting, bahawa keadaan di negara kita hari ini mengikut statistik yang tidak begitu khusus ataupun terperinci ada lebih kurang 2 ke 3 juta orang yang ramainya datang dari negara jiran Indonesia. Bagaimana pula datang dari Thailand, bagaimana Filipina, Bangladesh, India, China dan lain-lainnya?. Bagaimana mereka ini boleh masuk dan ini terpulang kepada pihak penguatkuasa iaitu Pasukan Imigresen, Pasukan Polis dan lain-lain jabatan yang berkenaan kerana mereka ini mempunyai undang-undang, penguatkuasaan undang-undang ada tetapi penguatkuasaan secara serius dan tegas adakah dilakukan?

Pernah juga kita dengar, Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak menyatakan ada terdapat harapan pagar, pagar makan padi, harapan sokong, sokong membawa runtuh. Dalam konteks ini kita nak tentukan supaya segala pihak penguatkuasaan ini mempunyai satu amanah. Amanah ini sangat penting, kalau tidak ada amanah mereka ini patut disingkirkan. Oleh demikian, saya menyarankan dan ucap syabas kepada pasukan Polis Diraja Malaysia dan juga Imigresen kerana mereka ini menampakkan ketulusan dan kesungguhan dan juga kepada kedua sahabat saya Timbalan Menteri Dalam Negeri yang begitu bersungguh-sungguh nampaknya di masa kebelakangan ini. Sudah sampai masanya, Tuan Yang di-Pertua, supaya pendatang tanpa izin ini kita mesti tentukan untung nasib bangsa dahulu. Anak-anak pinak kita di rumah patut kita



utamakan, tidak pada orang luar kerana mereka ini saya fikir ....ya, Yang Berhormat silakan.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kita dengar ada pagar makan padi, pernahkah Yang Berhormat dengar ‘pagar membawa padi’. Padi itu pendatang asing tanpa izin. Tolong jelaskan.

**Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang:** ‘Pagar bawa padi’ apa Yang Berhormat? Maksud saya tadi kalau perumpamaan Bahasa Malaysia maknanya harapkan orang itu tapi orang itu menyalahgunakan ataupun tidak boleh diharap. Maksudnya kita tidak boleh nafikan dalam organisasi yang besar seperti Pasukan Polis Diraja Malaysia, kita pernah dengar adanya pihak-pihak yang telah bersekongkol, bersubahat untuk menggalakkan dan juga pihak-pihak ini saya fikir adalah segelintir golongan sahaja dan bagi keseluruhannya mereka ini masih patuh kepada segala pantang larang undang-undang yang kita adakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan perkara ini kerana memandangkan betapa seriusnya keadaan dan juga Yang Berbahagia Ketua Polis Negara Malaysia, Tan Sri Rahim pernah menyatakan “menganggap masalah gejala pendatang tanpa izin ini telah sampai ke satu tahap yang boleh dianggap sebagai musuh utama negara masa kini”. Apa tidaknya, kalau kita tak kawal dengan cara berhemah, cara baik, mereka ini saya berasa amat takut kerana mereka ini kebanyakannya datang daripada kumpulan yang aktif, masih

muda dan mereka datang nak mencari makan. Kalau mereka datang ke mari tak dapat makanan, dengan secara senang wenang mereka akan melakukan gejala-gejala yang tidak diingini seperti jenayah merompak dan berbagai-bagai jenayah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan tindakan Kementerian Dalam Negeri masa kini supaya mereka itu jangan dibuang bagi buang masa, jangan kita bertungkus lumus nak membiayai makanan mereka dan diletakkan dalam kawasan untuk dibendung atau di satu tempat tahanan. Baru-baru ini telah merusuh pula, apa punya keadaan? Sampai masanya segala tindakan yang dilakukan sekarang ini supaya jangan kita membuang duit kita memberi dia makan, elok diusir mereka itu keluar secepat mungkin. Itu berkaitan dengan pendatang tanpa izin daripada Indonesia. Bagaimana pula keadaan daripada Bangladesh, Thailand dan sebagainya. Saya tidak nampak lagi tindakan seperti ini dilakukan kerana Bangladesh nampaknya jauh sikit dan mereka perlu membiayai kos yang tinggi untuk menerbangkan mereka balik ke negara asalnya. Walau bagaimanapun, segala tindakan melalui diplomatik dan sebagainya dengan negara-negara yang berkenaan di ASEAN, semangat ASEAN dan juga antara Bangladesh dengan hubungan diplomatiknya patut kita memberi keutamaan untuk mengusir mereka ini keluar.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, gejala-gejala perbuatan yang saya katakan tadi warganegara Malaysia yang bersubahat untuk melakukan angkara

menggalakkan mereka ini patut diambil tindakan secara tegas. Segala usaha untuk menentukan supaya undang-undang ataupun sebagainya diadakan lebih ketat dan deterrent supaya mereka ini patut dirotan, dirotan ataupun dijelkan dengan masa yang lama tetapi ini perlu dikaji implikasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara pendatang-pendatang tanpa izin ini kerana menampakkan pada masa kebelakangan ini keadaan begitu menakutkan kita kerana mereka ini tidak boleh dinafikan ketaatsetiaan mereka bukan kepada negara. Mereka semata-mata nak meraih untuk mencari makan dan kalau sekiranya kita tidak menangani permasalahan ini, saya takut kalau mereka dikumpulkan berjuta-juta duduk dan datang ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mereka membanjiri dan mungkin berlaku apa sahaja yang mereka kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu kategori lagi yang dianggap sebagai yang sepertimana berlaku di Kem Semenyih baru-baru ini, mereka ini dikategorikan kumpulan yang difikirkan ada permasalahan dari segi politiknya. Ini pun jangan kita fikirkan panjang sangatlah. Kita perlu jaga kepentingan negara kita dulu, tak kira apa ideologinya, kalau dia itu kumpulan daripada luar, usir sajalah. Jangan kita beri pertimbangan kononnya dari segi diplomatik dan politiknya perlu kita fikirkan dari segi perikemanusiaannya. Saya rasa bila keadaan kita sudah meruncing, tidak ada siapa akan menolong kita melainkan kita sendiri dan rakyat yang taat setia kepada bangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada isu lain. Di Dewan yang mulia ini jugalah kita telah meluluskan satu Akta baru atau pun pindaan Akta Rasuah yang mana saya sendiri sebagai secara individu amat bersetuju dan menyokong penuh hasrat kerajaan supaya perilaku rasuah patut dibasmikan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham untuk hendak menghakis gejala rasuah sepenuhnya mungkin tak berjaya, tetapi segala usaha secara positif, secara serius dan tegas mesti dilakukan dan ini termasuk apa saja aktiviti, termasuk dalam bidang politik sekalipun. Saya harap kerajaan bersikap terus tegas dalam perkara ini tetapi jangan ada memikirkan pilih bulu ataupun ada boleh buat mengikut keadaan status dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lama dan banyak diperkatakan di Dewan yang mulia ini seperti contohnya kes yang lama kita galak sebut dalam Dewan yang mulia ini iaitu kes Perwaja. Baru-baru ini pihak Ketua Pengarah BPR, Dato' Shafee telahpun menyerahkan keputusan siasatan kepada Peguam Negara dan Peguam Negara akan meneliti dari segi perundangan sama ada ada kes ataupun tidak.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan melalui Dewan yang mulia ini supaya Peguam Negara jangan sekali-kali dapat memikirkan sesuatu lain daripada segi keadilan, untuk melihatkan keadilan beliau terpaksa bersikap tegas andainya ada evidence ataupun bukti-bukti penyelewengan salah laku dilakukan oleh sesiapa sekalipun dan mereka ini sepatutnya dibawa ke muka pengadilan dan tak kira siapa, apa status waima siapa sekalipun dan saya mengingatkan diri saya juga andainya perilaku ini dilakukan supaya moral, maruah negara dan kerajaan tidak dipersoalkan oleh rakyat nanti. Kita tidak mahu dengar lagi ada pihak-pihak mengatakan hanya menangkap ikan bilis tetapi jerung-jerung besar terlepas dan ini satu kes yang telah lama. Saya fikir apabila kita membincangkan, menghujahkan akta rasuah,

perkara ini disebut oleh ramai rakan di dalam Dewan yang mulia ini dan justeru itulah saya menyeru dan berharap di Dewan yang mulia ini supaya Peguam Negara andainya ada kes-kes *prima facie* dalam perkara ini supaya jangan teragak-agak lagi. Ini adalah satu moral dan maruah kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh dari segi pendidikan Malaysia. Dasar pendidikan kita, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang ada dan juga pegawai-pegawai kanannya yang begitu peka dan prihatin untuk membawa negara kita dari segi sektor pendidikan atau pun dari bidang pendidikan dengan unjuran menjadikan negara Malaysia ini sebagai pusat kecemerlangan dari segi pendidikan. Syabas, saya ucapkan.

Dalam konteks itu, apabila kita menghadapi permasalahan kegawatan ekonomi ini. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apa perlu dipertimbangkan kepada segelintiran pelajar-pelajar yang sedang, ataupun yang telah mengikuti pembelajaran A Level. Kita tahu bahawa kerajaan tidak akan menggalakkan ramai pelajar pergi ke seberang laut. Saya bersetuju dengan perkara ini, tetapi bagi segelintiran yang telah terlibat dalam pembelajaran A Level masa kini, hendak pergi seberang laut tidak dapat. Bermakna, mungkin ada jawapan masuk ke IPTA dan IPTS? Adakah tempatnya cukup kepada kumpulan ini? Dan juga adakah mereka ini akan diterima oleh badan-badan IPTS dan IPTA? Saya bercakap di sini mewakili ramai rakyat yang datang berjumpa saya membawa masalah anak mereka. Dari segi aspek, kenyataan

Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini, menyatakan bahawa kerajaan tidak akan memanggil pulang pelajar-pelajar yang telah berada di seberang laut. Saya ucapkan syabas dalam konteks ini. Kerana perkara ini akan menyusahkan pelajar-pelajar kita dan maklum sahajalah ramai juga daripada mereka yang ditajai oleh kerajaan terdiri daripada kumpulan orang-orang miskin. Tanpa ada sokongan daripada kerajaan, jangan haraplah mereka ini hendak pergi seberang laut. Saya pernah mengakui diri saya juga dahulu pernah mendapat biasiswa kerajaan, kalau nak mengharapkan bantuan daripada bapa dan emak, tak dapat saya pergi. Inilah contohnya, keputusan kerajaan yang dibuat baru-baru ini sangat menggalakkan.

Dan persoalan juga, apa jadi seterusnya kepada pelajar-pelajar swasta yang tidak berkeupayaan hendak melanjutkan pelajaran kerana kos tinggi? Bagaimana, kalau mereka ini hendak memilih nak balik ke Malaysia, adakah tempat-tempat yang mencukupi disediakan oleh kerajaan di IPTA ataupun IPTS?

Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa negara kita sedang mengurus ke arah satu pembaharuan alaf baru abad 21, yang mana segala bentuk kecemerlangan, harapan negara, harapan kerajaan untuk menjadikan satu negara pusat pengajian tinggi yang cemerlang. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, dalam usaha nak wujudkan satu negara yang begitu canggih dalam bidang information technology atau pun teknologi maklumat dan begitu juga era Multimedia Super Corridor (Koridor

Raya Multimedia), sudahkah kementerian mempunyai tenaga pengajar yang cukup, mahir, pakar dalam bidang ini untuk menjadi tenaga pengajar kepada murid-murid yang masih dahagakan atau masih baru dalam hal ini? Saya berharap, Kementerian Pendidikan jangan sampai masanya kita ada segala-galanya, tetapi tenaga pengajar tidak ada.

Sebagai contohnya sekarang ini kita tahu, betapa pentingnya kementerian berusaha untuk mempertingkatkan pembelajaran Bahasa Inggeris. Kalau kumpulan saya dahulu, masa saya belajar semuanya dalam Bahasa Inggeris, tidak ada masalah. Tetapi sekarang ini, saya ingin menyarankan supaya Kementerian Pendidikan jangan melatah. Bila kurang tenaga pengajar Bahasa Inggeris, kita hantar banyak-banyak, lepas itu berhenti, dah berlebih pula. Bila kita kurang nampaknya dalam bidang engineering, kita hantar banyak pelajar-pelajar engineering. Bila dah banyak sangat, nak dapat kerja pun tak dapat. Saya rasa satu perancangan, satu kajian secara terperinci dalam jangka masa pendek dan jauh perlu dibuat untuk menentukan supaya pelajar-pelajar kita, wang ringgit yang kita biayai melalui rakyat dapat dipergunakan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh berkenaan Institut Teknologi Mara (ITM). Kita di Dewan yang mulia ini baru saja meluluskan akta ITM. Makna tahap ITM hari ini setaraf dengan mana-mana universiti. Masih lagi juga saya dengar di kebelakangan ini, permasalahan

dalaman. Saya minta Kementerian Pendidikan mengkaji sebaik-baiknya supaya tenaga-tenaga, pakar-pakar, pemimpin-pemimpin yang betul-betul berwibawa dan mempunyai keupayaan supaya dapat menangani segala permasalahan di institusi-institusi ini. Kerana kadangkala kita pernah juga dapat tahu atau sedia maklum, seseorang itu mempunyai kelulusan menjela-jela, PhD. dan sebagainya, tetapi kadangkala ia dari teori sahaja, tetapi dari segi pendekatan insan, pendekatan bagaimana menangani permasalahan pelajar, mungkin tidak ada.

Perkara ini dari segi pendekatan perasaan, budaya, keikhlasan, kejujuran dan ketokohan ini amat juga perlu kita kaji supaya pemimpin-pemimpin, tenaga pengajar yang kita letakkan di institusi-institusi ini boleh mendatangkan manfaat yang sebaik-baiknya, tidak sebagai 'putting a square pack in a round hole'. Ini perasaan, pendirian individu, perasaan personal tidak boleh terbawabawa apabila kita mentadbir satu-satu institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana pihak Kementerian Pendidikan yang telah bersetuju secara dasarnya, meluluskan satu cawangan ITM di kawasan saya, Kuala Pilah. Dalam konteks ini, saya mengucapkan syabas kerana pada satu ketika dahulu, saya dengar mereka ada juga kumpulan tidak berminat datang ke kawasan ini, kerana ceruk, jauh di pedalaman dan lebih suka diadakan di tempat yang lebih canggih, dekat Sepang dan sebagainya. Tetapi keadaan, apabila mereka nak



membuat perancangan kos, baru dia tahu, harga tanah di kawasan itu amat tinggi dan barulah bersetuju nak buat cawangan di desa-desa.

Kita jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat kita ini datang daripada kampung. Janganlah baru dapat pangkat, dah lupakan kampung. Kita patut, kita buka perkara ini di luar bandar. Kalau tak bawa pembangunan ke luar bandar, bila di luar bandar nak membangun? Saya fikir perkara ini, sikap setengah, segelintiran pegawai di pihak ini patut juga diubah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak sentuh berkenaan konsep penswastan. Pada dasarnya kita bersetuju penswastan ini memang baik kerana mengurangkan tanggungjawab kerajaan dari segi kewangan. Tetapi sebaliknya jangan lupa, kita tahu adanya setengah-tengah konsep penswastan yang bukannya menjadi 'laughing stock'. Di Dewan yang mulia ini, ada banyak kawan-kawan, sahabat-sahabat kita telah bercakap berkenaan IWK. Tak payah saya sebut panjang berkenaan IWK ini. Tetapi saya ingin merakamkan perasaan amat dukacita saya kerana kita tahu IWK ini telah bertukar tangan berkali-kali. Saya tak payah sebut dan saya kenal siapa-siapa yang menerajui syarikat ini. Apabila bertukar tangan kepada yang terakhir, kepada sahabat saya yang bercakap, keluarkan dalam akhbar baru-baru ini menyatakan 'Dato' dan 'Tan Sri' tak bayar. Ini saya fikir, tak patut. Jangan mengeluarkan kata-kata cara bantai sebarang sahaja. Ini tidak betul dan amat tidak matang kepada pemimpin ini bila mengeluarkan kata-kata yang kesat ataupun 'generalise

statement' itu, amat tidak berpatutan. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua tidak sanggup dituduh macam itu, saya pun tak sanggup juga. Tetapi bila dibuat kenyataan secara umum, ini amat tidak patut, kalau hendak ambil tindakan, be specific, show your gutts, take action, we welcome it, dengan izin. Tetapi janganlah pandai lepas cakap untuk hendak menyedapkan perasaan sahaja kerana dalam konteks ini saya ingin mengingatkan pemimpin-pemimpin di IWK jangan lupa kita tahu siapa mereka, jalankanlah kerja yang baik, mana yang baik itu kita ikut, tetapi kalau kita yang disebut mana-mana tadi pun kalau kita tahu benda itu tidak patut dibayar, kenapa perlu kita bayar?

Setiap pembayaran dalam konteks perundangannya, dengan izin, basic principle of law, kita bayar for the service rended, kalau tidak ada perkhidmatan yang perlu dibayar kenapa perlu kita bayar dan kita wakil rakyat dalam Dewan ini boleh nasihatkan rakyat kita jangan bayar dan kita tidak mahu menjadi penghasut, tetapi IWK berhati-hati sedikit mengeluarkan cakap mereka. Kenyataan yang tidak patut jangan dikeluarkan, kalau tidak mengerti jangan jadi pemimpin. Saya cakap terus terang, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sangat berasa dukacita. IWK juga prestasinya, tanggungjawabnya saya fikir amat mengelirukan. Justeru itu saya menyarankan kepada pihak ini perlu, dengan izin, go on the ground, turun ke padang beri penerangan, penjelasan, barulah kita ikut. We are not robot, kita bukan robot, kita manusia, kita boleh berfikir.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya ingin mengingatkan kepada pihak yang berkenaan, eloklah ubah sikap ini dan kita akan patuh dan akur andainya sesuatu itu berpatutan dan yang sewajarnya.

Dan juga saya hendak sentuh berkenaan dengan badan-badan penswastan yang tidak memuaskan ini, banyak yang telah diperkatakan berkenaan kutipan tol, selamatlah kita baru-baru ini apabila kerajaan membuat keputusan bersetuju supaya jangan dinaikkan, tetapi kita telah berpuluh-puluh kali bercakap di dalam Dewan yang mulia ini, kadangkala menteri yang berkenaan ambil sambil lewa sahaja, kadangkala main-mainkan cakap kita, perkara ini saya harap jangan buat begitu.

Selaku pemimpin, kita juga pemimpin dan kita juga hendak menentukan bahawa tidak mahu rakyat berasa bosan dan mereka tidak lagi menyokong kerajaan, ha, itu teruk nanti. Oleh yang demikian, setiap konsep dan tindakan yang kita lakukan itu hendaklah betul-betul dilakukan dengan penuh bertanggungjawab.

Kita tahu sekarang ini bila diswastakan pula lagi satu sahabat, saya dari Seremban sudah menyebutkan tadi berkenaan dengan air dengan panjang lebar, saya hendak sebut di sini, hendak merakamkan pandangan saya di Dewan yang mulia ini, penswastan air terpulang kepada pihak yang bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, air adalah kemudahan yang amat penting. Sebagai seorang insan, kalau air tidak ada sebagaimana perlunya air ataupun udara,

seorang insan itu akan mati atau tidak akan selesa hidupnya. Permasalahan air hari ini perlulah kerajaan kita membuat satu kajian yang betul-betul terperinci dan secara betul-betul komprehensif, mengkaji segala implikasinya, bukan hanya bergantung kepada report konsultan sahaja.

Apa yang sudah jadi kepada Puncak Niaga? Puncak Niaga mengambil kontraktornya satu syarikat Perancis yang bernama ‘Compagnie Genecale de Eaux’ nama dan ejaannya pun pelik. ‘C-o-m-p-a-g-n-i-e G-e-n-e-c-a-l-e d-e E-a-u-x’, ini French punya ejaanlah. Konsultan ini membuat satu pandangan kadangkala jangan lupa, masalah Malaysia hari ini permainan orang luar. Kalau konsultan hendak sabotaj negara kita inilah padahnya, bila rakyat kita prasarananya sudah tidak baik, kita terpaksa bertindak dengan begitu hebat *ad hoc* terpaksa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turun ke padang, apa jadinya pegawai-pegawai, masa itu orang semua tak cakap dah.

Permasalahan ini akan dihadapi, siapa yang kena padahnya, siapa yang akan menghadapi permasalahan ini - wakil rakyat! Dia kata: “Apa wakil rakyat buat?” Kita baca dalam surat khabar, tetapi permasalahan ini bila hendak diswastakan air itu berebut dan mereka yang dapat ini bukan calang-calang orang, ini saya hendak beritahulah bahawa keadaan ini patut dikaji sebaik-baiknya, jangan ada lagi perilaku penyelewengan apabila kita hendak

mewujudkan satu penswastaaan yang hanya hendak mementingkan kepentingan wang ringgit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sama-sama memikirkan kerana keadaan ini bukan perkara kecil, bila tidak ada air, saya rasa dan ini kerana kononnya, saya terpaksa alas cakaplah, apa yang laporan sedikit sebanyak yang saya dapat tahu syarikat ini menasihatkan kononnya amonia ada mengalir ke dalam Sungai Langat, maka 27 loji ditutup.

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun ya.

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, air adalah tanggungjawab kerajaan negeri, jadi, saya hendak tahu pendapat Ahli Yang Berhormat sama ada air itu dipindahkan tanggungjawabnya kepada Kerajaan Persekutuan.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Muar. Inilah perkara yang saya hendak bangkitkan tadi. Kita tahu kuasa air adalah tanggungjawab kerajaan negeri dan di sini saya menyarankan apabila melibatkan kepentingan rakyat, penyelarasan dari segi perundangan patut dibuat. Pihak pusat mesti bertanggungjawab keseluruhannya, tidak hanya dibiarkan pihak kerajaan negeri membuat sesuatu mengikut kehendak masing-masing.

Saya tahu bahawa bila perkara ini tidak dikawal, tidak adanya sesuatu institusi yang betul-betul bertanggungjawab di peringkat pusat maka inilah selalunya berlaku, soal penyelarasan seperti air sangat-sangat penting dan sudah sampai masanya pihak Economic Planning Unit pun saya banyak dengar segala kelemahan di sana, saya ingin hendak menegur di Dewan yang mulia ini, kepada EPU sebagai badan yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan hendaklah mengkaji segala buruk baik dengan membuat satu recommendation ataupun satu saranan ataupun satu keputusan yang merangkumi keseluruhannya supaya sesuatu tindakan di masa depan dapat sama-sama dipertanggungjawabkan.

Kalau dibiarkan kerajaan negeri melalui Exconya, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap banyaklah, pengalaman saya di peringkat negeri pun saya ada, rasanya saya tidak mahulah bercakap dalam perkara itu, kadangkala ini patutlah, hanya saya hendak menyarankan sahaja kalau boleh pihak Pusat yang bertanggungjawab keseluruhannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menggunakan segala kuasa dan pengaruhnya supaya perkara isu air dan kemudahan asas untuk rakyat mesti dipegang dan dicontrol oleh pihak Pusat dan ini perlu diperundangkan. Begitu juga contohnya, soal tanah, soal tanah adalah dalam

kuasa kerajaan negeri, apabila berlaku kegawatan permasalahan perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun tidak boleh menjawab. Inilah contoh-contohnya keadaan kerajaan dalam Kabinet. Oleh itu sudah sewajarnya saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri hendakkan idea-idea yang bernas ini, tidak menteri-menteri di dalamnya cuma jadi 'pak angguk' sahaja, mengikut kehendak masing-masing dan ini saya fikir perlu kerana dalam perkara ini perlu kita berhati-hati kerana permasalahan rakyat mesti diberi pertimbangan sebagai 'priority' dalam cara hidup kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada isu lain - Majlis Peguam Malaysia, Bar Council of Malaysia, dengan izin. Di masa-masa ke belakang ini telah menampakkan satu perubahan sikap kepada Committee of Bar Council yang diketuai oleh Dr. Cyrus Dass dan rakan-rakannya yang lain - saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana dahulu kepimpinan Majlis Peguam inilah membuatkan keadaan gawat dan apabila sudah ada menampakkan tanda-tanda, perubahan sikap, silaturrahim sudah dapat diwujudkan di dalam badan kehakiman, perkara ini perlu terus dipertingkatkan. Saya ingin mengulangi sekali lagi di Dewan yang mulia ini, perkara-perkara seperti contohnya perlantikan hakim-hakim terdiri daripada kumpulan-kumpulan yang bukan daripada kumpulan kerajaan ataupun badan-badan kerajaan tetapi daripada peguambela dan peguamcara, Members of the Bar, dengan izin, saya fikir wajar sungguhlah badan ini dibawa berunding

ataupun setidak-tidaknya bertanya kerana saya fikir Majlis Peguam (Bar Council) adalah satu majlis, it's just a body, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, a council tetapi badan ini bertanggungjawab. Maknanya prestasi, perilaku, tingkah laku, perangai ahli-ahli peguam yang mengamalkan guaman memang diawasi, dikawal selia oleh Majlis Peguam - wajar sungguh, amat berpatutan rasa saya dan tidak menjadi masalah. Apabila saya bangkitkan perkara seumpama ini bukan bermakna Majlis Peguam pula ada kuasa mutlak, tidak sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hanya menyarankan supaya badan ini diberi peluang sebagai satu badan. Kita hendak mewujudkan silaturrahim - collective responsibility - dipertanggungjawabkan oleh semua pihak. Maka itu, saya fikir wajar dan kalau sekiranya dahulu saya mengakui saya tahu, saya sebagai salah seorang peguam di dalam Majlis Peguam, oleh kerana seorang yang bersikap begitu anti-kerajaan, kita terpaksa 'rudum'kan semua badan itu, saya fikir tidak patut. Pemimpin datang, pemimpin pergi dan mereka ini telah pun tidak ada lagi dan saya fikir dari segi prinsipnya wajar juga perkara ini dirujuk atau diminta pandangan daripada Majlis Peguam.

Di dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, suka saya hendak sentuh sedikitlah perangai-perangai majistret, perangai presiden, perangai hakim hendaklah menampakkan satu teladan yang baik. Janganlah sepertimana yang berlaku baru-baru ini dikeluarkan - kes Rungit Singh. Saya berasa amat sedih



sekali, minta maaf. Perkara ini saya tidak mahu lebih daripada itu kerana kes ini berjalan, tidak mahu subjudice. Saya ingin menyentuh secara luarnya - memperingatkan bahawa hakim atau badan-badan ini perlu menunjukkan satu contoh teladan yang boleh diikuti, tidak sebagai perangai yang dilakukan.

Saya ucap syabas kepada pihak yang bertanggungjawab. Tidak kira apa pangkat sekali pun, kalau melakukan kesalahan mereka itu patut dibawa ke muka pengadilan. Perkara fakta ini saya tidak mahu sentuh tetapi nampaknya seorang tertuduh dibela oleh enam orang peguam, hebat! Sama-samalah kita dengar perkembangan kes itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak bawa - penting juga iaitu setiap manusia, setiap insan yang hidup, yang muda akan tua, yang bekerja akan bersara. Dalam konteks ini saya hendak membangkitkan atau memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini satu fenomena ataupun dilema yang dihadapi oleh Persatuan Pesara-Pesara Kerajaan Malaysia yang diketuai - yang saya percaya ramai tahu - oleh bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdullah Ayob. Saya terbaca dalam satu kenyataan mereka yang mereka berasa amat dukacita kerana segala anomali permasalahan yang mereka anjurkan kepada JPA tidak berbalas. Apalah salahnya kepada pihak yang berkenaan, ibaratnya Tuan Yang di-Pertua, contohnya, kita sebagai wakil rakyat ini, kalau seorang rakyat tulis surat kepada kita, dia hendakkan jawapan. Kalau tidak dia kata wakil rakyat tidak berguna. Ini kalau sekiranya badan yang kita iktiraf dan mereka ini juga

bukan kecil-kecil anak, bekas Ketua Polis Negara, bekas ketua-ketua jabatan dan sebagainya. Apabila mereka sudah bersara kita pun satu hari akan bersara. Tidak patut kalau rintihan mereka itu langsung tidak dipedulikan. Saya rasa setidak-tidaknya jawablah. Beri mereka itu right of hearings, dengan izin kerana mereka juga jangan lupa, rakyat yang akan menjadi pengundi kita. Mereka ini tidak akan lari menyokong kita. Saya ingin menyarankan supaya JPA ataupun badan-badan yang telah pun dimaklumkan permasalahan ini cubalah, berilah pertimbangan sedikit supaya jangan mereka ini dipinggirkan. Kalau sudah tua-tua itu dipinggirkan, Tuan Yang di-Pertua, sedih juga rasanya. Macam Tuan Yang di-Pertua, bernasib baik tetapi rakan-rakan Tuan Yang di-Pertua itu rasanya inilah saya hendak bawa perkara ini bahawa sudah sampai ke tahapnya bukan saya hendak champion for their cause, dengan izin, tetapi saya rasa memang wajar sungguh. Setidak-tidaknya jawablah, apa sekalipun, dia akan patuh kerana mereka ini adalah kumpulan yang taat setia kepada bangsa, negara dan kerajaan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam kegawatan ekonomi sekarang, pembangunan negara terpaksa kita perlengahkan dan Rancangan Malaysia Ketujuh banyak projek akan dikurangkan atau di slow down, dengan izin. Dalam konteks ini saya hendak bangkitkan satu perkara yang mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam lawatan beliau ke kawasan Kuala Pilah baru-baru ini telah bersetuju secara prinsip akan memberi priority kepada peningkatan Jalan Bukit Putus. Ini siapa yang duduk di Negeri Sembilan tahu, kawasan Kuala Pilah ataupun ada saudara-mara, menantukah dan sebagainya

pergi ke Kuala Pilah bila lalu Bukit Putus dia naik pening. Tidak ada lagi jalan begitu hebat sekarang ini, macam ular dipalu, berbelit-belit, liku-likunya macam itulah semenjak berpuluh-puluh tahun dahulu dan pembangunan di situ tidak dapat kita buat sekiranya basic infrastructure tidak ada. Kalau sekiranya jalan itu dapat dipertingkatkan, kalau sekiranya dari Timur ke Barat boleh kita buat terowong dan sebagainya kenapalah di situ tidak boleh dibuat. Peruntukan telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi malangnya, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya apakah bentuk priority diberi kepada projek ini. Janganlah dipinggirkan kerana kita di sana lima Ahli Dewan Negeri dan satu Parlimen - enam dan semuanya penyokong-penyokong kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir seterusnya saya hendak sentuh berkenaan penyelarasan undang-undang, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu sekarang ini banyak isu dari segi keagamaan, mahkamah-mahkamah syariah, isu tanah, isu kerajaan tempatan. Nasib baik sahabat saya Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada, dia ini memang betul dia baik, sungguh, dia tunggu sampai pukul berapa pun.

Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan dari segi perundangan patut diseragamkan kerana permasalahan kerajaan tempatan, permasalahan tanah, dan pelbagai masalah dari segi perundangan syariah masih lagi belum dapat diselaraskan. Banyak telah diperkatakan khususnya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dari segi keagamaan, Dato' Dr. Abdul Hamid telah kerap kali menyatakan usaha telah diambil. Saya ucap syabas kepada beliau kerana bersungguh-sungguh tetapi perlu satu suntikan, kesungguhan supaya penyelarasan dapat disegerakan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, it becomes a laughing stock dalam segi perundangan, kes yang berfakta yang sama boleh

disabitkan dalam satu negeri tetapi dalam satu negeri yang lain menjadi bahan ketawa.

Saya rasa perlu dan sudah sampai masanya kesungguhan kita untuk menentukan bahawa penyelarasan perundangan ini dapat diseragamkan dan dikontrol atau dikuasai oleh pihak Pusat. Kalau dari segi hartanah umpamanya, di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, apabila ditanya berkenaan sesuatu pembangunan, jawabnya ini kuasa kerajaan negeri. Dan apabila permasalahan seperti pembangunan projek-projek FELDA umpamanya baru-baru ini telah pun kita tahu ada satu dasar, setiap pembangunan itu Kerajaan Pusat telah mengarahkan garis panduan yang mana penglibatan tuan-tuan tanah dalam sesuatu projek itu ada, tetapi perlu dengan adanya dasar ini penguatkuasaan menentukan perkara ini dilaksanakan dan dipatuhi sesungguhnya. Itu patut diperhatikan secara serius kerana masih lagi terdapat banyak projek yang dibuat saya rasa dari segi pelaksanaan, dari segi penguatkuasaan tidak sebegitu mantap sebagaimana kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak mengizinkan dan sahabat saya sudah cakap tadi, saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk saya mengeluarkan beberapa pandangan di Dewan yang mulia ini, dan justeru itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam.

**8.43 mlm.**

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen, Penggal Keempat, Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa di mana ekonomi Malaysia meleset, kerajaan sudah ambil beberapa langkah untuk memotong peruntukan ini, peruntukan itu, tetapi saya benar-benar berharap bagaimana miskin pun kerajaan kita, kita tidak boleh biarkan anak-anak kita menderita. Bagaimana miskin pun kerajaan kita, kita tidak boleh abaikan pendidikan anak-anak kita. Saya ingin menyarankan supaya peruntukan untuk Kementerian Pendidikan tidak dipotongkan langsung. Kerana pendidikan itu adalah satu-satunya yang menjadi pengasas kemajuan, pembinaan masyarakat dan pembinaan negara yang menghadapi cabaran dekad baru.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini masyarakat kita sudah membuat aduan berkaitan dengan pengurangan pengambilan guru-guru pelatih untuk aliran bahasa Cina, kononnya ada 1,000 tempat kekosongan untuk guru-guru pelatih aliran bahasa Cina. Tetapi kementerian membuat satu pengumuman bahawa hanya 300 orang guru pelatih sahaja yang akan diambil. Ini pun sudah

menerima response yang tidak bagus daripada semua golongan yang mengambil berat tentang masa hadapan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekarang kita tidak mempunyai bilangan guru bahasa Cina yang mencukupi dengan pengurangan pengambilan guru pelatih bahasa Cina, bagaimana pula kita berharap akan cuba mengisikan kekosongan bilangan guru-guru bahasa Cina pada masa hadapan. Tambahan pula saya berharap Kementerian Pendidikan dapat membuat sesuatu persiapan supaya dapat menggalakkan lebih ramai pelajar-pelajar yang tamat sekolah menengah supaya mereka dapat memohon kursus latihan perguruan aliran bahasa Cina.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Esok boleh sambung.

**Dr. Tan Chong Keng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.***